



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 08 APRIL 2014 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)

Y.B. Dato' Dr. Seri Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana Binti Razali
Penolong Setiausaha

Puan Diana Binti Shuwardi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Mohd. Hafizan Bin Yusoff
Encik Redzuan Bin Adam
Encik Hairudin Bin Omar
Bentara

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang kedua 8 April 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah bt Wan Ismail Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang yang baru. Seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada 26hb Februari 2014 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk MOU tersebut untuk diedarkan secara terhad kepada umum sepanjang tempoh persidangan di adakan iaitu pada 7 hingga 11 April & 14-18 April 2014. Pendedahan secara terhad memorandum tersebut akan diadakan di Bilik Gerakan, Tingkat 2 Bangunan Annex bermula jam 10:00 pagi hingga 4:30 petang. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

- i. Kertas Mesyuarat Bil.1 Tahun 2014 Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2014.
- ii. Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2014, Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2014 dan Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama 2014 Kerajaan Negeri Selangor.

- iii. Kertas Mesyuarat Bil. 3 Tahun 2014, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2012 Siri 3.
- iv. Kertas Mesyuarat Bil. 4 Tahun 2014, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan Agensi di Negeri Selangor bagi Tahun 2012.
- v. Kertas Mesyuarat Bil. 5 Tahun 2014, Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.
- vi. Kertas Mesyuarat Bil.6 Tahun 2014, Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABBAS.
- vii. Kertas Mesyuarat Bil. 7 Tahun 2014, Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.
- viii. Kertas Mesyuarat Bil. 8 Tahun 2014, Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.
- ix. Kertas Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2014 Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor *Public Account Committee* (PAC).
- x. Kertas Mesyuarat Bil. 11 Tahun 2014, Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pejabat Daerah dan Tanah JP PADAT.
- xi. Kertas Mesyuarat Bil.12 Tahun 2014, Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan *Special Select Committee on Competency Accountability and Transparency* (SELCAT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Perbelanjaan Bajet 2013 bagi Pengurusan Tebatan Banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor.
- xii. Kertas Mesyuarat Bil. 13 Tahun 2014, Laporan Ketua Audit Negara mengenai aktiviti Jabatan / Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun 2013 Siri 1.

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Baiklah soalan pertama, Meru.

Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: RUMAH TERBENGKALAI

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
 - a) Apakah bentuk sokongan yang diberi kepada kontraktor ganti ?
 - b) Benarkah ada pembekuan pendaftaran bagi kontraktor ganti / penyelamat dalam jadual kedua dan ketiga Enakmen Rizab Melayu?
 - c) Apakah diboleh pengambilan balik tanah di baut untuk menjamin hak pembeli?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahi Rahmanir Rahim*, Puan Speaker, pertama saya bagi pihak Kerajaan Negeri lagi sekali mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datin' Sri Dr. Wan Azizah di dalam dewan ini. Ini merupakan satu kebaikan yang sangat kepada kita kerana pengalaman beliau sebagai dalam Parlimen Malaysia dan juga sebagai Presiden Parti Keadilan, sangat kami hargai. Yang Berhormat Meru telah bertanyakan tentang perkembangan projek terbengkalai. Untuk makluman Yang Berhormat sejak 2008 kita terdapat lebih daripada 140 projek-projek terbengkalai yang melibatkan lebih daripada RM3 billion harta-harta yang tidak dibangunkan. Walau bagaimanapun saya ingin menyatakan di sini adalah perlu Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mengikuti perkembangan undang-undang yang telah digubal dan diluluskan untuk meminda apa yang dipanggil Akta Pembangunan Perumahan (*Housing Development Control and Licensing Act*) 1966 yang dibuat di Parlimen pada 2012 dan diselesaikan pada tahun lepas. Saya nak mengingatkan Ahli-ahli di dewan bahawa dengan akta tersebut adalah satu kesalahan jenayah bagi pemaju perumahan yang tidak menyiapkan projek perumahan mereka, jadi oleh sebab itulah Ahli-ahli Dewan kita perlu mengkaji undang-undang tersebut supaya dapat menasihati dua-dua pihak iaitu pembeli dan juga pemaju kerana ini adalah satu undang-undang penting yang untuk menolong menyelesaikan masalah projek-projek terbengkalai yang mengakibatkan begitu ramai pembeli-pembeli yang telah ada kalanya dikatakan tertipu dan ada kalanya yang telah rugi beratus-ratus juta kerana projek yang tidak disiapkan. Apakah bentuk sokongan yang sekarang dilakukan? Kerajaan Negeri untuk Negeri Selangor telah mengambil sikap proaktif. Saya telah menggunakan beberapa kuasa di bawah Akta Kanun Tanah Negara ada kalanya untuk mengambil tanah projek-projek terbengkalai supaya tanah tersebut dapat dibangunkan semula. Oleh kerana kalau masih lagi kita tidak dapat menguasai tanah-tanah tersebut

maknanya projek itu tidak boleh di masuk-masuk untuk dibangunkan dan ini telah berlaku dan beberapa contoh telah ada sudah kita selesaikan. Ada dua contoh yang kita boleh pameran untuk perbincangan iaitu satu program di Alam Perdana di kawasan Ijok dan lagi satu Program Pembangunan Projek Terbengkalai di Bukit Botak di Selayang. Untuk ini kita dan banyak lagi tapi untuk ini kita tubuhkan satu Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai yang terdiri daripada Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan dipengerusikan oleh EXCO Kerajaan Negeri mengenai perumahan, pengurusan bangunan dan setinggan dan dalam jawatankuasa tersebut iaitu Penasihat Undang-Undang daripada Jabatan Kerja Raya dan juga wakil-wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Kita juga telah memanggil Jabatan Insolvensi atau *Liquidator* yang ada kalanya terlibat dalam penyelesaian masalah rumah-rumah dan projek-projek pembangunan yang terbengkalai. Benarkah ada pembekuan pendaftaran bagi kontraktor ganti penyelamat dalam jadual kedua dan ketiga Enakmen Rizab Melayu? Jawapannya ada kebenaran kerana kita dapati ramai pemohon-pemohon yang meminta untuk menguasai tanah-tanah Enakmen Rizab Melayu ini hanya mempunyai modal dibayar sebanyak RM2.00 maknanya untuk itu kita rasa agak kurang pasti yang mereka ini benar-benar orang yang akan mengendalikan projek yang terpaksa diselesaikan memakan belanja melebihi 20 ke RM50 juta. Untuk sebab itu kita hantar balik supaya kita nak tahu benar-benarkah mereka ini adalah mereka-mereka yang layak untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kedua ada juga kontraktor-kontraktor yang telah menjadi pemaju yang mereka telah walaupun nama syarikat itu nama syarikat itu lain tapi Lembaga Pengarahnya sama jadi oleh sebab itu kita juga meminta Lembaga Pengarah tersebut menyelesaikan masalah rumah projek terbengkalai mereka sebelum mereka diberi lagi tugas-tugas ataupun tanggungjawab yang lain. Boleh pembelian balik tanah dibuat untuk menjamin hak pembeli? Itu pengambilan balik sudah dilakukan, oleh sebab itu saya rasa saya antara ahli Menteri Besar yang telah dibawa ke hadapan Mahkamah Federal kerana saya mengambil alih tanah bukan untuk diri saya tapi untuk rakyat Negeri Selangor saya akan memperjuangkan seterusnya hak-hak rakyat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya, Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KLANG)**

TAJUK: BANTUAN KEMASYARAKATAN PNSB MELALUI PEKAWANIS

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah bantuan kemasyarakatan yang telah disalurkan oleh PNSB melalui PEKAWANIS ?
- b) Berikan pecahan menurut kategori bantuan.
- c) Mengapakah bantuan ini tidak disalurkan melalui MBI?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Hulu Kelang, Puan Speaker membangkitkan tentang bantuan kemasyarakatan Permodalan Negeri Selangor melalui PEKAWANIS. Jadi, ahli-ahli Dewan untuk mengingatkan bahawa PEKAWANIS ialah satu Persatuan Isteri-isteri Ahli Dewan Undangan Negeri atau pun pasangan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang ditubuhkan untuk menjalankan kerja-kerja sosial yang dapat merapatkan keluarga Dewan kepada rakyat. Projek-projek yang disumbang oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad adalah..... saya nak tunjukkan pada 2010 :-

- Sumbangan Tahun Baru Cina 2010 - RM129,000.00
- Sumbangan Ramadhan 2010 - RM163,000.00

Saya akan hantarkan kepada Yang Berhormat Hulu Kelang senarainya. Tetapi pada tahun 2013, kita membelanjakan :-

- Sumbangan Tahun Baru Cina 2013 - RM100,400.00
- Sumbangan Ramadhan 2013 - RM120,900.00
- Sumbangan Deepavali 2013 - RM163,800.00

Kita telah tegaskan kepada PNSB iaitu semua duit-duit ini akan terus diberikan kepada penerima. Saya bukan nak berseloroh tetapi kali ini tiada kain baju diberikan kepada ahli-ahli PEKAWANIS untuk dipakai semasa memberi hadiah-hadiah tersebut. Tak ada. Tak ada juga elaun kepada ahli-ahli PEKAWANIS kerana menjalankan tugas tersebut. Kalau ada hadiah, saya diberitahu oleh isteri saya yang jadi Pengerusi PEKAWANIS, ada hadiah. Ia tidak boleh lebih daripada RM300.00 yang bentuk buah-buahan atau buku. Itu sahaja yang kita tetapkan. Kalau tidak dipulangkan balik. PNSB juga telah memberi beberapa bantuan selain daripada PEKAWANIS, telah melakukan projek pembinaan membaik pulih Rumah Rakyat yang dibayar kepada Unit Perancang Ekonomi sebanyak RM1 juta setahun dan menyumbang program sumbangan tahunan untuk lembu-lembu korban yang kita akan ubah cara pemberian pada masa depan. Kemudian dia juga memperuntukkan peruntukan untuk Akademi Bola Sepak Permodalan Negeri Selangor Berhad yang bernaung di bawah Kelab Bola Sepak PNSB yang mana untuk memberi faedah terutama kanak-kanak kecil dan para remaja di sekitar Shah Alam dan Selangor dan juga membiayai *Hydroliasis-Hydroliasis Centre* dan beberapa sumbangan-sumbangan kecil dari masa ke semasa.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tambahan?

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ya, saya timbulkan isu ini kerana nak dapat perbezaan antara hubungan BALKIS dengan PNSB berbanding dengan kaedah-kaedah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Apa bezanya dan apa kelainannya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, saudara Hulu Kelang. Perbezaannya sangat besar. Saya sangat malu nak membandingkan di Dewan ini. Jadi lebih baik kita pergi masa ke hadapan untuk menentukan bahawa usaha kebijakan kita dibuat dengan penuh tertib dan teratur. Jadi kalau membelanjakan RM1 juta untuk pergi mengadakan lawatan ke luar negara..... saya ingat apa yang kita perlu pelajari daripada perkara ini ialah supaya kita tidak lagi melakukan perkara-perkara tersebut dan saya berterima kasih kepada *Select Committee* yang sentiasa memantau tentang kegunaan dana-dana kita. Jadi kita nak ingatkan berhemah dan saya tidak hendak bertambah dosa untuk mengata orang.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker, soalan no. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan secara terperinci semua cadangan Projek Rumah Mampu Milik Selangorku yang bakal dibina di Negeri Selangor?
- b) Sila huraikan apakah perbezaan dan kelebihan RMM Selangorku dengan RMM PRIMA yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan?
- c) Sila nyatakan secara terperinci bilakah RMM Selangorku akan dibina di DUN Sekinchan?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Puan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjawab Yang

Berhormat, saya akan menjawab bersekali dengan soalan no. 26, no. 33, no. 90, no. 105, no. 128, no. 136 dan no. 147.

Insya-Allah, bagi Kerajaan Negeri strategi pembinaan Rumah Mampu Milik di negeri Selangor adalah berteraskan kepada tiga (3) saluran :-

- i. Mewajibkan pemaju-pemaju yang mempunyai projek melebihi keluasan yang tertentu membina Rumah Mampu Milik. Atau pun sekarang ini telah ditukar kepada nama Rumah Selangorku.
- ii. Melalui anak-anak syarikat atau pun GLC, *Governing Company's* kepada Kerajaan Negeri seperti PKNS dan juga PNSB.
- iii. Yang terkini, yang terbaru adalah Kerajaan Negeri sendiri membina Rumah Mampu Milik tersebut. Kalau mengikut perancangan adalah melalui satu SPV dengan izin, khas untuk membina Rumah Mampu Milik tetapi sekarang ini kita mulakan dengan satu jawatankuasa yang diletakkan di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Untuk jawapan tentang jumlah Rumah Mampu Milik yang telah kita pastikan tentang pembinaannya. Setakat ini yang telah pasti sama ada ia telah dibina di atas tapak, sedang dibina atau ia telah mendapat kelulusan EXCO atau pun Kebenaran Merancang. Terdapat 47 rumah atau pun 47 projek di mana 44 projek itu telah kita tetapkan jumlah unit akan dibina. Daripada 47 projek itu, 17 adalah oleh GLC, satu (1) di Sungai Sering, Hulu Kelang oleh Kerajaan Negeri sendiri dan 30 adalah oleh pemaju swasta.

Untuk pecahannya, saya akan edarkan pecahannya. Ada 47 *detail* atau pun terperinci. Tetapi dari segi jumlahnya adalah 18,732 unit yang telah *confirm*, dengan izin akan pembinaannya. Dari segi perbezaan di antara Rumah Mampu Milik yang dibina oleh Kerajaan Negeri atau pun kita panggil Rumah Selangorku dan PRIMA adalah dari segi harga. Harga jualan Rumah Selangorku adalah daripada RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 tetapi PRIMA adalah di antara RM100,000.00 hingga RM400,000.00.

Dari segi keluasan, Rumah Selangorku adalah di antara 700 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi. Sementara PRIMA adalah 670 kaki persegi hingga ke-1,300 kaki persegi. Kita tidak membina rumah melebihi 1,000 kaki persegi oleh kerana kita mahu tumpu kepada golongan pertengahan yang sudah cukup memadai dengan 1,000 kaki persegi.

Berkenaan dengan soalan tentang Rumah Mampu Milik sama ada terdapat di kawasan Sekinchan. Sekarang ini Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pentadbir Tanah Daerah

sedang mengenal pasti tanah-tanah milik Kerajaan yang strategik untuk dibangunkan dengan Rumah Mampu Milik. Bukan sahaja di Sekinchan tetapi di seluruh kawasan negeri Selangor dan di Sekinchan ada satu kawasan di mana..... tetapi malangnya ia merupakan kawasan lapang. Jadi ia perlu satu, kalau kita perlu untuk menjadikan perumahan, kita perlu membuat apa yang dipanggil sebagai Pendengaran Awam. Kita hendak digazetkan sebagai perumahan. Itu pun sekiranya ia dipersetujui oleh rakyat. Untuk seterusnya adalah dari segi permohonan-permohonan Rumah Mampu Milik yang diterima daripada rakyat. Keseluruhannya setakat ini, sehingga hari ini sebanyak 7,335 permohonan yang telah diterima oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Selain daripada 18,000 yang telah komited untuk dibina ini. Kita juga, *target* kita adalah sebanyak 35,000 keseluruhannya melalui ada beberapa projek besar yang akan dibina di negeri Selangor sama ada seperti contohnya oleh pemaju Sime Darby dan juga pemaju Kuasa Land yang akan dibangunkan projek Kuasa Damansara dan Kuasa Shah Alam. Yang itu sahaja bersama dengan apa yang kita bina akan dapat kita sama-sama mencapai *target* sebanyak 35,000 Rumah Mampu Milik menjelang 2017. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Seri Andalas nak tanya kepada EXCO. Apakah insentif-insentif yang diberi kepada pembina-pembina swasta yang nak membina Rumah Selangorku ini di atas tanah-tanah mereka sendiri. Adakah insentif-insentif yang telah dikeluarkan oleh negeri Selangor?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Di antara persetujuan adalah seperti Caj Pembangunan itu akan dikurangkan. Dari segi Caj Pembangunan akan dikurangkan. Bermakna inilah di antara insentif-insentif dan juga seperti caj-caj lain yang akan dicajkan oleh syarikat-syarikat perkhidmatan seperti TNB dan juga SYABAS. Kita cuba sebab yang ini bukan bawah bidang kuasa kita. Kita akan cuba membincangkan supaya ia dapat dikurangkan tetapi yang utama adalah Caj Pembangunan itu sememangnya akan dikurangkan untuk pemaju-pemaju yang akan membina Rumah Selangorku di atasnya. Saya rasa dari segi keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah memberi satu insentif yang besar adalah sebelum ini bahawa kita fokus untuk projek Rumah Mampu Milik atau projek Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah dan Kos Sederhana. Kita cuma bagi *gap* atau pun silingnya kepada RM100,000.00 sahaja tetapi sekarang ini memandangkan kita melihat bahawa lebih ramai daripada anggota masyarakat memerlukan rumah. Jadi kita telah naikkan siling itu kepada RM250,000.00. Ini dapat membantu bukan sahaja pemaju tetapi memberi lebih peluang kepada rakyat yang berpendapatan sederhana untuk mendapatkan Rumah Mampu Milik.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan tambahan. Saya ingin bertanyakan penjelasan tentang 47 projek yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Cempaka yang bakal dilaksanakan Rumah Selangorku ini, 17 daripadanya adalah daripada GLC. Saya nak tahu, selain daripada PKNS, PNSB..... GLC mana yang turut terlibat?

Keduanya, apabila 18,032 unit ini dibina, berapa *time frame* nya yang kita boleh siapkan 18,000 unit ini. *Time frame* dia, satu unjuran. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sekarang ini yang melaksanakannya adalah PKNS dan juga PNSB. Ada satu lagi termasuk juga dalamnya adalah Selaman Sdn. Bhd. Tetapi Selaman itu adalah anak syarikat atau pun di bawah PKNS. Dari segi *time frame*, apa yang Kerajaan Negeri telah lakukan adalah kita telah tubuhkan satu jawatankuasa yang memantau bila ada kelulusan untuk Rumah Mampu Milik sama ada oleh GLC atau pun oleh pemaju swasta. Ada satu jawatankuasa yang akan *monitor* atau memantau supaya ia dibina secepat mungkin. Kita nak meletakkan *time frame*, kita belum lagi meletakkan *time frame* bahawa kelulusan yang diberikan kepada pemaju swasta ini supaya kalau ia tidak bina dalam masa yang ditetapkan kelulusan EXCO itu, maka kemungkinan ia akan ditarik balik. Ini masih lagi kita dalam perbincangan, bermakna kalau kita dah lulus, tapi dia tak bina juga dalam masa setahun atau dua (2) tahun, boleh ditarik balik. Ini masih dalam perbincangan.

Tetapi yang penting sekali adalah sekarang ini, Rumah Mampu Milik kalau dalam satu projek beberapa fasa, ia mesti dibina dahulu, ia tidak boleh dibina di fasa yang terakhir. Seperti mana yang saya pernah umumkan di Dewan ini bahawa terdapat Rumah Kos Rendah oleh pemaju-pemaju sebelum ini yang telah diluluskan pada tahun 1990-an lagi masih belum lagi dibina. Jadi bermakna sekarang ini, kita tak mahu amalan yang seperti dulu berlaku. Kita ada jawatankuasa khas, kita akan pantau satu demi satu memastikan ia dibina secepat mungkin dan perancangan telah dibuat. Kalau tak bina, kita tarik balik kelulusan.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya untuk Yang Berhormat EXCO. Berkenaan dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Kerajaan Negeri Selangor ataupun Rumah Selangorku. Saya difahamkan ada empat (4) jenis rumah iaitu yang daripada RM42,000.00 sehingga ke RM250,000.00. Rumah Jenis A, yang RM42,000.00 ke bawah, syilingnya ini hanya ditetapkan untuk 10% sahaja dibina oleh pemaju dan soalan saya adakah untuk rumah mampu RM42,000.00 ke bawah ini hanya 10% sahaja kepada rakyat Negeri Selangor yang layak untuk membeli kediaman sebegini dan satu lagi Puan Speaker, dulu kita ada kuota dan diskaun untuk bumiputera 7%,

diskaun untuk bumiputera, kuota 30% untuk bumiputera. Adakah dasar ini masih lagi dijalankan dalam Rumah Selangorku ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dengkil. Kenapa kita merangka satu polisi yang baru, Rumah Selangorku. Rumah Selangorku ini polisinya adalah kita sesuaikan mengikut mukim dan daerah dari segi peratusannya. Masalahnya adalah apa yang berlaku dulu adalah rumah-rumah kos rendah yang dibina, dibina di tempat yang salah. Sekarang ini masih banyak lagi Rumah Selangorku, rumah kos rendah di Semenyih dan di Klang dan di Hulu Selangor yang masih tidak terjual. Itu sebab kita kena melihat perkara ini dari segi Daerah, apabila kita melihat sedemikian kita telah mencapai satu formula yang seperti mana yang kita telah lakukan adalah bermakna kita tidak mahu menambahkan rumah kos rendah yang begitu banyak yang akhirnya tidak dijual, memang ratusan yang tidak dijual, ribuan yang tidak masih ada tempat yang kita masih tak boleh nak jual. Oleh kerana, dibina di tempat yang salah. Itu sebab kita ada satu polisi yang *tailor made* mengikut kawasan. Dari segi soalan yang kedua, adalah dari segi kuota. Kuota bumiputera masih ada mengikut kepada *blueprint* Perumahan Kerajaan Negeri Selangor. Itu masih kita kekalkan. Tetapi dari segi 7% dari segi 5% diskaun itu tidak ada. Sebab kita melihat bahawa rumah mampu milik yang dibina ini harganya sebenarnya ialah rumah subsidi, sudah di subsidi kan. Harga untuk membina rumah mampu milik yang kita tetapkan itu sebenarnya adalah lebih tinggi daripada harga jualannya adalah lebih jauh lebih rendah daripada kos pembinaan. Itu sebab, mana kontraktor sebenarnya *developer* ataupun pemaju perlu subsidi apabila mereka nak bina rumah mampu milik contohnya ada projek-projek yang di mana harga jualannya adalah cuma RM99,000.00 tetapi kos untuk membinanya adalah menjangkau sehingga RM130,000.00 Mereka kena subsidi dengan projek yang di sekeliling. Itu sebab kita tidak memberi lagi apa-apa subsidi kepada rumah mampu milik. Sebab ianya memang telah diberikan subsidi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan saya yang ke-4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: METROPOLIS KESIHATAN UNIVERSITI MALAYA

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkara-perkara yang bakal dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang Projek Metropolis Kesihatan Universiti Malaya di Seksyen 12, Petaling Jaya?
- b) Adakah pemilik projek ini telah mengemukakan semua dokumen yang telah diperlukan untuk tujuan daripada Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan adakah ianya memenuhi kehendak Kerajaan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker, berkenaan Metropolis Kesihatan Universiti Malaya. Kerajaan akan melihat kepada kepentingan dan faedah kepada penduduk Petaling Jaya, Negeri Selangor dan juga Malaysia secara keseluruhannya. Kerajaan diberi maklum, bahawa Projek ini akan memberi faedah-faedah daripada aspek pertambahan kemudahan kesihatan dan perubatan yang pada masa ini tidak lagi dapat menampung permintaan dari segi lokasi yang strategik dan menawarkan kos perubatan yang lebih murah. Projek ini juga bertujuan untuk perkembangan ilmu dalam sektor kedoktoran serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Bagi memastikan projek ini tidak menjejaskan aspek lalu lintas dan lain-lain. Perkara-perkara yang diberi perhatian adalah seperti usaha-usaha untuk memperbaiki tahap kemudahan infrastruktur dan lalu lintas sedia ada. Kemudahan tambahan ke arah meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengenal pasti tahap ketaraan impak-impak sosial bagi meminimumkan impak negatif, pemantauan serta mengenal pasti peluang bagi meningkatkan faedah kepada masyarakat yang terjejas. Kerajaan juga telah memaklumkan pemohon berhubung maklumat yang diperlukan bagi membolehkan permohonan ini diproses dan kini sedang dalam tindakan pemohon.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker, dalam satu taklimat yang diadakan oleh pemilik projek ini pada tahun lepas difahamkan bahawa projek ini diadakan adalah untuk menampung kos perubatan yang ditanggung oleh Universiti Hospital yang ada sekarang. Iaitu nya merupakan satu projek komersial untuk mendapat keuntungan. Adakah ini akan menjadi satu faktor pertimbangan oleh Kerajaan sekiranya ia bukan satu projek awam tapi lebih kepada satu projek komersial yang lebih diuruskan untuk menjana keuntungan daripada menjalankan kerja-kerja berbentuk kebajikan untuk penduduk di Petaling Jaya dan Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker, mengikut maklumat yang diberikan oleh Canselor Universiti Malaya pada tahun lepas di dalam Mesyuarat MTES ataupun Majlis Tindakan Ekonomi Selangor. Pihak Kerajaan telah pun dimaklumkan sebenarnya sehingga sekarang ini juga pihak Universiti Malaya masih memberi subsidi untuk menampung perbelanjaan hospital itu sendiri dan ini kalau

kita bandingkan dengan kos perubatan di Hospital Universiti sebenarnya ia jauh lebih murah daripada kos yang perlu dibelanjakan di universiti-universiti swasta. Jadi kenyataan itu mungkin ada disalah tafsirkan ataupun telah pun mungkin ada satu maklumat yang tidak tepat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Makluman kepada kebanyakan penduduk Petaling Jaya tidak membantah cadangan projek ini, secara konsep projek ini memang bagus. Tetapi apa yang dicadangkan ialah untuk projek ini bila diletak di sesuatu lokasi yang lebih baik dan cadangan...

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kenapa lokasi alternatif yang dicadangkan oleh penduduk tidak diberi pertimbangan ataupun apakah pertimbangan Kerajaan Negeri terhadap cadangan-cadangan tersebut.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Yang pertamanya, Pihak Kerajaan Negeri belum lagi meluluskan projek ini, jadi tidak ada soal Kerajaan menolak alternatif yang dicadangkan. Sementara itu yang keduanya, alternatif yang dicadangkan itu adalah di dalam kampus Universiti Malaya. Jadi itu bukan satu cara yang baik, di mana kita menambahkan orang ramai pergi ke dalam kampus Universiti. Sementara itu untuk sampai ke Kampus Universiti Malaya perlu juga melalui Jalan Universiti. Jadi itu bukan cara yang terbaik kalau dicadangkan tambahan ini bangunan tambahan ini dibuat di dalam kampus Universiti Malaya dan harus difahamkan juga, bahawa setakat ini sebenarnya kapasiti Universiti Malaya, Hospital Universiti Malaya adalah 800,000 pesakit satu tahun. Tetapi sebenarnya Hospital Universiti Malaya sekarang ini perlu melayani 1.2 juta dari seluruh Negara. Bukan sahaja Petaling Jaya, bukan sahaja di Selangor tetapi seluruh Malaysia. Jadi juga kita harus mengambil pertimbangan dari aspek-aspek itu dan sementara itu juga Kerajaan sebenarnya belum lagi meluluskan, kita masih meminta laporan TIA iaitu *Traffic Impact Assessment* termasuk juga *Social Impact Assessment* juga kita minta. Jadi kita dalam proses ini kita tidak meluluskannya dengan begitu cepat tanpa memikirkan semua aspek yang perlu kita ambil kira.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa. Ya, Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Puan Speaker, saya Peraturan Tetap 24 (2) untuk ambilkan Soalan No.5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jaminan Kerajaan Negeri untuk melindungi hak rakyat Selangor dalam industri perkhidmatan air?

TUAN SPEAKER: Ok.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Puan Speaker, Bukit Antarabangsa dan Seri Andalas bertanyakan mengenai Industri Perkhidmatan Air. Saya nak ringkaskan jawapan sebab sudah 6 tahun kita menjawab. Jadi, pertama nak saya ingatkan, saya nak ingatkan dewan kalau kita tidak mengadakan penyusunan semula industri air ini sejak daripada 2008. Bererti dulunya ialah purata takrif air pada 2008 ialah RM1.39 pada 1 meter padu. Tapi kita tidak naikkan, jadi oleh sebab itu, kita tahan pada RM1.39. Kalau kita naikkan mengikut perjanjian dia akan naik menjadi RM1.90 pada 2009. Lepas itu, dia akan naik kepada RM2.38 tak naik juga, kita tak bagi naik dan ia akan naik ke RM2.86 dan sehingga naik kepada RM3.83. Oleh sebab kita tak hendak rakyat Selangor menerima beban kenaikan harga itu, itulah kita tahan sehingga sekarang dengan harga RM1.39. Insyallah kalau kita dapat selesaikan dengan secepat mungkin ini saya telah menerima surat pada 4 hari bulan April dari Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air Malaysia yang mengatakan kalau tidak dapat diselesaikan, beliau akan mengadakan penguatkuasaan Seksyen 114, Akta Industri Perkhidmatan Air. Walau bagaimanapun, dia akan meminta Kerajaan Negeri supaya dalam surat itu, walaupun dia nak gunakan Seksyen 114, dia meminta Kerajaan Negeri bersetuju supaya mempercepatkan, saya akan nyatakan mempercepatkan kelulusan yang masih tertanggung bagi projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan projek-projek mitigasi. Apa ertinya?. Ertinya dia memberi kita, kita kata kalau 114 dilakukan sesuai dengan kehendak kita akhirnya ia menjadi pemilikan Kerajaan Negeri barulah proses mempercepatkan kelulusan dilakukan. Jadi itu maknanya kita ada hubungan sokongan satu sama lain. Kedua saya sangat tertarik dengan Seksyen 114, sebab Seksyen 114 ini membolehkan Kerajaan Persekutuan menguasai aset-aset tersebut dan jika aset-aset itu tersebut dikuasai dan lesen untuk akhirnya untuk operasi air ini dapat dilakukan, harga pembelian kesemua aset-aset ini akan lebih rendah daripada harga yang Kerajaan Negeri tawarkan. Harga yang Kerajaan Negeri tawarkan ialah secara keseluruhan ialah RM9.65 ribu juta tapi kalau cara 114 ini menurut pengiraan Negeri ia berkurang sebanyak RM2000 juta. Jadi pada saya, Seksyen 114 ini adalah sangat bermakna kepada kita. Walau bagaimanapun, Seksyen 114 itu,

dikatakan mungkin mendapat beberapa bantahan daripada *concessionaire* termasuk dia membawa kes-kes ini ke Mahkamah.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar atas jawapan itu. Soalan saya ialah kita telah pun bercadang dan berhujah dan berlawan dengan Barisan Nasional sampai 6 tahun lebih atas isu air ini. Sekarang dah mulanya dapat WSIA kan diturunkan juga. Adakah Kerajaan Negeri dalam fikiran *after all this 6 years, do you have a new plan* adakah kita ada cadangan baru yang kita boleh bawa kepada Kementerian untuk selesaikan masalah ini dalam cara cepat mungkin.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, jawapannya kementerian dan juga kerajaan negeri akan cuba menyelesaikan perkara ini secara operasi bukan secara politik maknanya rakyat negeri Selangor, rakyat Wilayah Persekutuan, rakyat Bandar Raya Kuala Lumpur perlukan perkhidmatan air yang terbaik dan air yang cukup dengan harga yang berpatutan. Oleh sebab itu, tujuan kita ialah untuk menyelesaikan masalah penyusunan semula yang tergantung kerana apa, kerana terdapat empat (4) syarikat yang beroperasi berlainan tujuan untuk memberikan perkhidmatan air di situ. Jadi oleh sebab itu WSIA meminta untuk dicantumkan semula, perkara ini tidak menjadi isu kepada semua pihak sama ada untuk negeri Selangor ataupun untuk Kerajaan Persekutuan. Jawapan kita akhirnya kita akan dapat menyelesaikan penyusunan semula industri air ini sesuai untuk rakyat negeri Selangor yang kita janjikan. Salah satu janji kita ialah kita akan teruskan pemberian air percuma kepada rakyat negeri Selangor.

Kedua, saya, salah satu daripada tanggungjawab saya kalau perkara ini selesai ialah supaya rakyat Selangor akan dapat memiliki kepentingan penyusunan semula air ini. Jadi rakyat Selangor akan memiliki Saham Air untuk negeri Selangor. Jadi oleh sebab itulah saya rasa, saya terpaksa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan terpaksa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menunjukkan bagaimana usaha profesionalisme kita ini akan membawa kebaikan kepada semua rakyat dan salah satu daripada contoh untuk penyelesaian penswastan yang tidak betul dilakukan. Jadi penswastan yang tidak betul dilakukan itu dibetulkan semula demi kepentingan rakyat. Jika perkara ini boleh berlaku dan kita boleh meneruskan usaha menyelesaikan masalah penswastan yang lain termasuk antara kempen Pakatan Rakyat untuk menyelesaikan TOL Lebuh Raya, itu dia (Dewan bertepuk).

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Saya ingin bertanya tentang struktur takrif yang saya rasa ialah soalan yang menjadi keprihatinan pengguna air. Adakah struktur takrif akan berubah selepas keseluruhan ini selesai dan sekiranya, bagaimana ia akan berubah dan Yang Amat Berhormat menyebut tentang *share* air. Bagaimana ia akan dilaksanakan di negeri Selangor. Kita ada 500,000 (lima ratus ribu) penduduk di negeri Selangor. Adakah setiap satu daripada rakyat mendapat *share* satu unit atau macam mana dan sekiranya ia perlu dilaksanakan, apakah model yang kita boleh rujuk yang ada di dunia ini, soalan saya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, Kampung Tunku membawa soalan 2 tahun ke hadapan, tetapi jawapan yang pertama. Jawapan yang pertama iaitu keuntungan daripada penyusunan semula industri air ini adalah menentukan bahawa takrif air tersebut yang perlu membolehkan kita mendapat hasil tidak akan rugi tetapi tidak membebankan rakyat. Umpamanya sebagai contoh; sekarang takrif-takrif air sebagai contoh *build service rate* untuk air mentah ke air terawat, sesetengah *concessionary* mendapat pulangan lebih daripada 35%. Jadi kalau kita kurangkan daripada 35% kepada 6% ke-7% iaitu harga yang munasabah, jadi maknanya kita tidak perlu naikkan takrif air. Walau bagaimanapun, mengikut jangkaan kita, ada juga keperluan semasa yang hadapan tetapi ianya mesti mengambil kira tentang kepentingan-kepentingan pengguna supaya kita akan tahu yang pengguna-pengguna yang miskin yang tidak menggunakan air yang banyak tidak akan dikenakan harga takrif yang tinggi tetapi penyalahgunaan air dan juga penggunaan air untuk komersial dikenakan harga yang berpatutan. Semuanya ini masih dalam perbincangan kita, sebab kita belum lagi menguasai penyusunan semula industri air.

Jawapan yang kedua; rakyat Selangor melebihi 5 juta sama ada kita nak membagi per kapita ataupun memberi melalui akaun, akaun mereka adalah 2 juta akaun, jadi kita boleh bagi melalui akaun. Perkara ini belum dapat kita mantapkan kerana kita terpaksa mendapat kelulusan daripada *Security Commission* dari segi pelaksanaan-pelaksanaan perkara ini.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Adakah penstrukturan semula air bagi Selangor ini ada kaitannya dengan catuan air yang berlaku pada masa sekarang, kalau sekiranya tidak apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi situasi ini di masa depan kerana buat masa ini kita diberitahu catuan hanya berlaku sehingga hujung Mac tetapi yang terkini kita diberitahu ia akan dilanjutkan sehingga hujung April. Bagaimana kerajaan Negeri mengatasi situasi ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker, jawapan yang ringkas yang boleh dijawab sehingga empangan kita mempunyai jumlah peratus takungan air melebihi 55% ke 60%. Buat masa sekarang ada juga empangan yang sampai ke tahap 70% tetapi ada juga empangan ke tahap 39%. Oleh sebab itu, tujuan kita ialah untuk menentukan empangan mempunyai cukup air mentah sebab kita dapati daripada kajian yang telah dibuat, kalau air mentah itu ke-39 ataupun bawah kepada keadaan kritikal, dia, penyurutan air itu akan sangat berkurang jika kita tidak kawal pengeluaran air tersebut sehingga kalau dia terlalu berkurang dan itu akan menyebabkan bukan sahaja catuan air tetapi air tidak cukup untuk dihantar ke kawasan-kawasan tersebut. Sebenarnya catuan ini hanyalah untuk menentukan empangan pengeluaran air daripada empangan-empangan tersebut dengan secara teratur. Jawapannya ialah adakah kita meneruskan sampai hujung bulan ini, jawapannya tidak jika empangan itu sampai ke peringkat 55% – 60% kita tidak akan lakukan. Adakah ini ada kena mengena dengan penyusunan semula industri air? Tak ada. Tetapi kita sudah menjawab, kita sudah menjawab inilah satu daripada rancangan yang kita lakukan untuk menyimpan takungan air ataupun menyimpan air yang mana pada tahun-tahun, 2 tahun atau 3 tahun yang akan datang sama ada, ada Langat 2 atau tak ada Langat 2 bahawa kita mempunyai air yang cukup iaitu kita baru melancarkan satu projek dipanggil HORAS, maknanya kita menakung air di satu kawasan melalui, dialirkan air sungai itu ke dalam satu kawasan yang awalnya pada tahun hadapan kita akan menyimpan air yang mencukupi 600 million liter satu hari, baru kita buat dan itu sudah kita lakukan tetapi jawapan yang paling untuk jangkaan 3 atau 4 tahun ke hadapan kita akan mengeluarkan antara 3,000 ke-5,000 million liter satu hari. Apa dia 3,000 ke-5,000 million liter satu hari, jawapannya sama dengan keluaran air yang ada sekarang, jadi apa yang kita buat ialah kita ada satu takungan air untuk serupa dengan permintaan ataupun pengeluaran air yang ada sekarang. Maknanya itu adalah satu insurans yang sangat baik, yang kita tengah lakukan, jadi jawapannya kita teruskan usaha ini dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk menjalankan perkara ini. Dan kalau ini berlaku pada tahun hadapan dan 2 tahun yang akan datang, kita tidak akan menerima masalah ini. Walaupun soalan Yang Berhormat akan tanya, boleh tak kita menyelesaikan masalah air yang tak cukup ini, jawapannya kalau kita melihat, boleh tetapi kos yang sangat tinggi iaitu menterjemahkan air masin menjadi air terawat, tidak boleh. Jadi itu bukan untuk negara *equatorial* perkara ini adalah satu yang tidak munasabah. Jadi oleh sebab itulah program yang kita lakukan ini adalah bukan untuk menyelesaikan masalah air untuk 2 tahun, 3 tahun yang akan datang tetapi untuk berpuluh tahun yang akan datang, sekurang-kurangnya 40 tahun yang akan datang kita akan tidak menghadapi masalah yang sama untuk kekurangan air.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas. Saya tahu isu air hangat, tetapi kita ada banyak soalan lagi yang perlu dijawab. Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR: Soalan no. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR
(SERI ANDALAS)**

TAJUK : PROGRAM SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI 2013 SELANGOR

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;
- a) Adakah kerajaan melaksanakan sambutan Perayaan Deepavali 2013 peringkat negeri Selangor?
 - b) Berikan penyata perbelanjaan dalam Program Perayaan Deepavali 2013 peringkat negeri Selangor?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Puan Speaker. Seri Andalas menanyakan isu berkenaan program sambutan Perayaan Deepavali 2013. Perayaan Deepavali merupakan perayaan utama yang disambut oleh masyarakat beragama hindu di negara ini. Hal ini tidak terkecuali berlaku di negeri Selangor kerana kaum India merupakan antara 3 kaum yang terbesar di negeri ini Melayu dan Cina. Sambutan Perayaan Deepavali 2013 peringkat negeri Selangor telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan berlangsung di Tengku Kelana, daerah Klang. Pemilihan kawasan tersebut adalah berdasarkan kawasan berkenaan merupakan kawasan utama bagi penempatan dan upacara keagamaan masyarakat India di negeri Selangor. Satu jawatankuasa yang merangkumi Ahli-ahli MPK, Ahli-ahli Majlis MPK, Pegawai MPK bersama pegawai Sektor dan juga pejabat saya telah diwujudkan sebagai persediaan menyambut majlis perayaan Deepavali tersebut. Perayaan Deepavali telah disambut secara besar-besaran dan gilang-gemilang dengan disertai oleh kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Ahli-ahli Majlis Kaum India dan beberapa golongan VIP, YB-YB dan EXCO-EXCO telah dijemput sebagai tetamu kehormat. Majlis tersebut telah diadakan selama 2 hari. Pada majlis tersebut, beberapa acara telah diadakan, tidak terkecuali pemberian hamper kepada 300 orang sebagai sumbangan kebajikan. Berkenaan dengan tentang hamper juga di sini gembiranya saya maklumkan bahawa pemberian hamper juga telah dilakukan kepada orang-orang miskin di kawasan Kuala Langat, Hulu Selangor, Sabak Bernam dan juga Kuala Langat. Dalam pada itu satu lagi program rumah terbuka Deepavali tahun 2013 telah diadakan di perkarangan pejabat DUN Kota Alam Shah. Kemeriahan majlis tersebut dapat dirasai dengan kehadiran ramai tetamu jemputan yang tidak mengira bangsa dan agama. Majlis makan besar tersebut adalah bertujuan untuk sama-sama kita meraikan perayaan Deepavali.

Berhubung tentang perbelanjaan, perbelanjaan bagi sambutan Deepavali tahun 2013 telah diperuntukkan sebanyak RM250,000. Bagi penyata tersebut, kita bagi iklan di surat khabar utama iaitu daripada semua berbahasa Tamil dan juga dua

bahasa daripada Cina. Untuk Bahasa Melayu telah diberi tanggungjawab kepada Pejabat Menteri Besar telah diperuntukkan sebanyak RM51,198.72. Bagi percetakan *banner*, *bunting* dan kad jemputan juga ucapan sebanyak RM24,480 telah diperuntukkan. Bagi jamuan Super Ronda 2013 sebanyak RM48,000 telah diperuntukkan. Bagi hamper sebanyak 1,000 (RM49,000 telah diperuntukkan). Bagi program-program yang dilakukan pada 2013

TUAN SPEAKER: Ringkaskan Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Yes?

TUAN SPEAKER: Ringkaskan. Satu minit.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ringkaskan. Bagi program-program yang pada 30 dan 31hb di Tengku Kelana, semua perbelanjaan telah diberikan dan juga diamanahkan kepada Majlis Perbandaran Klang.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong. Soalan seterusnya Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PENGUGURAN EXCO PKNS

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Terdapat pegawai PKNS yang dipindahkan kerana isu penguguran ADUN Bukit Antarabangsa. Apakah kedudukan sebenar EXCO PKNS tersebut?
- b) Apakah hak dan kedudukan pegawai PKNS yang dipindahkan tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sungai Burong membangkitkan isu penguguran EXCO PKNS yang saya telah jawab secara terperinci dari pendengaran *SELCAT*. *Recording-recording* itu akan boleh kalau diperlukan didapati daripada *SELCAT* dan ringkasan jawapan-jawapannya saya ingat akan dibincangkan oleh jawatankuasa berkenaan.

Kedua, tiada isu tentang pengguguran. Tetapi buat masa ini, Setiausaha Kerajaan Negeri yang juga Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan Tertinggi Kumpulan A dan B PKNS akan cuba menyelesaikan perkara ini dengan secara yang tercepat. Saya akan memberikan jawapan kepada Y.B. Sungai Burong untuk jawapan tertulis supaya ini masih lagi dalam perbincangan di SELCAT dan juga perbincangan mahkamah dan untuk pengetahuan Y.B. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong jangan tanya soalan yang telah ditanya semasa pendengaran SELCAT. Kita telah terangkan satu hari. Jadi ada soalan yang berbeza sekali?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, ada. Jawapan bertulis akan diberikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Ok, kita akan menunggu jawapan bertulis itu dan juga daripada keputusan daripada SELCAT. Saya cuma nak tanya dari segi kedudukan Jawatankuasa Penyiataan ini. Bila tempohnya? Sebab Y.A.B. Menteri Besar ada sebut akan dibuat tapi kita nak tahu tempoh dia supaya kita dapat tahu kedudukan ini jadi supaya kemelut ini dapat diselesaikan dengan orang kata dengan segera.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Keinginan Y.B. Puan Speaker dan juga Sungai Burong, perkara ini mesti diselesaikan dengan cara yang cepat dan secara yang tertib. Jadi, jawapannya saya telah meminta juga direkodkan dalam EXCO (Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri) mesti dibuat dengan secepat mungkin. Jadi, walau bagaimanapun ada proses yang mesti dilakukan. Y.B. Sungai Burong tahu proses itu memberi masa. Jadi kalau ada surat kita hantar kepada mereka yang berkenaan, mereka diberi masa 2 minggu untuk jawapan. Tidak boleh dibuat secara tidak mempedulikan mereka. Jadi, sebab itulah saya berharap masa ini diambil kira tetapi mesti dibuat dengan cepat dan tegas. Itu saja.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Kalau kita lihat tiga (3) orang EXCO yang wakili kerajaan dalam PKNS (satu mewakili Parti Keadilan, satu PAS dan satu DAP). Untuk daripada PAS dan DAP nampak selesai dengan begitu mudah. Daripada minit yang saya lihat, Kerajaan Negeri diminta untuk merujuk kepada parti keadilan untuk senarai EXCO.

TUAN SPEAKER: Soalannya Kota Anggerik?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Adakah Kerajaan Negeri merujuk (telah merujuk) kepada pimpinan parti untuk lantikan EXCO PKNS ini?

TUAN SPEAKER: Tak payah dijawab kerana *SELCAT* telah mendengar perkara ini satu hari dan kedudukan tersebut akan diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam masa terdekat. Kita pergi soalan seterusnya. Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Terima kasih Puan Speaker. Soalan no. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MIMBAR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan daripada keseluruhan peminjam MIMBAR berapa peratuskah yang telah berjaya merubah kehidupan mereka.
- b) Bagi peminjam yang enggan melunaskan hutang mereka apakah tindakan yang telah dan akan diambil.
- c) Kenapakah skim MIMBAR ini dibekukan buat sementara waktu?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. Bagi menjawab soalan no. 8 daripada Lembah Jaya, saya ingin bercakap di sini bahawa soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada Paya Jaras iaitu soalan 79, 156 daripada Seri Andalas dan 308 daripada Bukit Melawati.

Lembah Jaya bertanya tentang berapa peratuskah yang telah berjaya merubah kehidupan bagi mereka yang telah pun membuat pinjaman mikro kredit bandar. Jadi, saya ingin menjelaskan sehingga kini seramai 5,767 orang yang telah mendapat pembiayaan, 3,480 yang telah pun dalam proses pembayaran semula. Dan daripada ini kita dapati peratusan yang telah pun berjaya ditingkatkan pendapatan mereka adalah sebanyak 23% iaitu lebih kurang 811 orang yang telah pun ditingkatkan pendapatan mereka. Kalau dulu purata pendapatan mereka RM700, sekarang ini ada yang mencecah RM3,000 ke RM5,000 pendapatan bersih.

Izinkan saya bercakap tentang beberapa contoh. Contohnya, Puan Arbaiyah binti Ahmad yang dulunya meminjam hanya RM1,500 daripada Mikro Kredit Bandar atau MIMBAR (sekarang yang telah pun melaksanakan perniagaan bakeri), sekarang ini mendapat pendapatan bersih sebanyak RM5,000 sebulan. Bukan itu saja, beliau telah pun juga telah mempunyai satu premis perniagaan yang sendiri yang sekarang ini dalam rangka untuk menambah beberapa mesin dan peralatan.

Jadi, ini yang saya ingin gambarkan bahawa program ini boleh dikatakan hampir 23% ataupun 25% berjaya meningkatkan pendapatan dan menepati dasar yang melaksanakan program mikro kredit ini supaya daripada kebajikan kepada berpendapatan.

Yang keduanya soalan daripada Lembah Jaya, apakah tindakan yang telah dibuat bagi mereka yang enggan melunaskan pembiayaan. Beberapa kaedah yang telah pun ataupun pendekatan yang kita laksanakan, sebenarnya program MIMBAR ini bukanlah program sekadar memberi pinjaman dan terus kutip pinjaman tersebut. Apa yang kita ingin lihat ialah membantu rakyat untuk tambah pendapatan. Sebab itu, beberapa usaha kita buat selain daripada pengurusan MIMBAR sendiri turun padang, kita juga sekarang ini membuat operasi supaya kerjasama antara ketua-ketua kampung, nazir-nazir masjid diturut libatkan sekali untuk usaha (satunya untuk kita) langkah pertama pegawai akan turun dan melihat apakah keperluan ataupun permasalahan pembantu ataupun peminjam ini sehingga tidak membayar balik. Yang keduanya kita lihat apakah khidmat kaunseling yang boleh kita berikan. Dan yang ketiganya, kita akan beri surat peringatan kalau dah hilang atau tak mampu nak bayar. Dan yang keempat, kita *reschedule* (dengan izin) ataupun kita jadualkan semula pembayaran sebab sepatutnya ia boleh dilaksanakan dalam masa 18 bulan tapi kadangkala disebabkan sebab-sebab tertentu, 18 bulan itu dipanjangkan dengan izin pengurusan tersebut.

Jadi, soalan yang lain. Apakah skim MIMBAR ini dibekukan? Sebenarnya tidak pernah dibekukan. Alhamdulillah tahun ini pihak pengurusan telah pun memastikan bahawa program ini berterusan tinggal lagi selepas Pilihan raya ke-13 dulu kita memikirkan penambahbaikan kepada program ini. Jadi, itu jawapan saya Tuan Speaker. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya nak minta kalau ada program ini diteruskan selama lepas Pilihan Raya ketiga belas, pasal apa bila kita panggil pejabat MIMBAR ini tak ada jawapan, tak ada pegawai turun kepada kawasan dan ada banyak yang telah buat permohonan kepada MIMBAR sampai sekarang tak ada jawapan. So, saya nak tahu apa telah jadi kalau katakan (EXCO katakan) 28% berjaya dan sebagainya, saya tak berapa fahamlah dengan soalan, dengan jawapan, *sorry*.

Y.B. PUAN HAJA RODZIAH BINTI ISMAIL: Andalas. Ada dua soalan tu. Satu tentang peratusan berjaya. Yang keduanya tentang kenapa tak ada penambahan. Sebenarnya mulai bulan Januari yang lepas, kita telah mulakan fasa berikutnya.

Yang seramai 5,767 orang itu telah pun selesai fasa ke-48 penerimaan ataupun pembiayaan. Sekarang ini fasa ke-49 telah dimulakan. Dan daripada tempoh selepas pilihan raya hingga kini, penambahan 145 orang telah pun mula mendapat pembiayaan semula. Ianya berkaitan dengan sebenarnya kita kena tahu MIMBAR ini, peruntukan ini hanya RM20 juta dalam tempoh ataupun *one off*. Ianya bukan tahunan. Jadi, kita ingin melihat balik *utilization* ataupun dengan izin penggunaan maksima sumbangan tersebut. Jadinya kita telah melihat bagaimanakah pembiayaan itu yang *rolling fund* ataupun *revolving fund* itu beberapa banyak yang boleh kita tampung dan akhirnya pengurusan Lembaga Pengurusan Qadrul Hassan telah pun menjangkakan tahun ini RM4.6 juta akan ditambah dan di situ kita akan *tabulate* ataupun kita akan menyeragamkan supaya setiap bulan ataupun setiap minggu akan ada penerima-penerima baru. Itu jawapan saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Puan Speaker, soalan 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(PAYA JARAS)**

TAJUK : MAMMOGRAM

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Selepas PRU-13 yang lalu dan sehingga pada ketika ini, berapa ramaikah penerima baru yang telah menerima manfaat?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyambung semula skim Mammogram ini?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Puan Speaker, soalan daripada Paya Jaras saya akan jawab sekali dengan soalan daripada Seri Andalas juga iaitu berkaitan dengan Mammogram. Soalan Mammogram ini, Paya Jaras bertanya tentang berapa ramaikah penerima baru yang telah mendapat manfaat. Saya ingin mengatakan bahawa sehingga selepas PRU 13, satu kajian telah dibuat tentang bagaimanakah penambahbaikan program ini boleh dilaksanakan. Di antara penambahbaikan yang ingin kita lihat adalah bukan saja tawaran Mammogram kepada wanita tetapi kita mencadangkan supaya skim kesihatan wanita ini di sekali dengan *Pap Smear* memandangkan bahawa wanita sekarang ini berisiko untuk mendapat kanser payudara juga kanser pangkal rahim. Jadi, kedua-duanya di sekalikan.

Yang keduanya kita lihat bahawa sehingga kini apakah / berapa ramaikah penerima baru. Sebenarnya program ini baru semula disambungkan iaitu bulan April yang sepatutnya 6.4.2014 itu Paya Jaras dan Seri Andalas menghantar peserta dan keduanya sesi kedua akan dimulakan pada 10.4.2014 iaitu peserta daripada Kuang, Rawang dan Taman Templer akan turut serta.

Jadi, penambahbaikan yang dilaksanakan ini selain daripada kita melihat pada dua tadi, kita juga menggabungkan usaha sama di antara bukan saja kerajaan tetapi NGO-NGO yang pernah terlibat ataupun merupakan NGO yang begitu aktif terlibat dalam program ini iaitu dengan MAKNA (Majlis Kanser Nasional) dan juga NCSM (iaitu National Cancer Society Malaysia). Dan saya ingin menyatakan program ini tidak pernah dibekukan, program ini berterusan Insya-Allah tinggal lagi penambahbaikan telah pun dibuat kali ini Mammogram akan bersekali dengan program *Pap Smear*. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Puan Speaker. Soalan no.10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: CAWANGAN BARU JABATAN ALAM SEKITAR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Jabatan Alam Sekitar Selangor berhasrat menubuhkan cawangan di Daerah Hulu Selangor memandangkan Cawangan Gombak kekurangan anggota penguat kuasa untuk memantau kilang perindustrian dan pembakaran terbuka yang semakin bertambah di Hulu Selangor. Jika tidak, nyatakan sebabnya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Speaker, adalah menjadi hasrat Jabatan Alam Sekitar untuk membuka lebih banyak pejabat cawangan di negeri Selangor. Walau bagaimanapun sebagai satu agensi persekutuan, pihak jabatan dikehendaki mematuhi polisi kerajaan persekutuan yang mengimplementasikan perkhidmatan awam yang kejap atau (dengan izin) *lean government* yang mana mengehendaki penjawat awam melaksanakan tugas secara *multi tasking* (dengan izin) dan dalam masa yang sama tidak membolehkan sebarang pertambahan kakitangan sebaliknya mengurangkan bilangan jawatan dalam jabatan tersebut. Maka oleh itu, Jabatan Alam Sekitar tidak dikecualikan. Pada masa ini, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat sedang membuat kajian ke arah

pengukuhan perjawatan yang betul-betul diperlukan di Jabatan Alam Sekitar Cawangan untuk memohon kelulusan khas daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Puan Speaker. Soalan no.11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(PANDAMARAN)**

**TAJUK: MASALAH KILANG DAN STOR HARAM DI KAMPUNG BARU
PANDAMARAN**

11. Banyak rumah di Kampung Baru Pandamaran telah dijadikan kilang dan stor tanpa kebenaran yang tidak mungkin dapat diputihkan memandangkan tanah rumah tersebut adalah tanah kediaman.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Pandamaran. Majlis Perbandaran Klang akan menjalankan penyediaan inventori ke atas rumah-rumah yang ditukar guna kepada kilang dan stor di kawasan Kampung Baru Pandamaran.

Pengezonan semula kegunaan tanah merujuk Rancangan Tempatan Klang (Pengubahan 1) 2020 akan dibuat bagi tujuan menyelaraskan lot-lot perumahan kepada perindustrian tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat teknikal dan kesesuaian lokasi bagi memastikan tiada kacau gangguan dan pencemaran berlaku. Walau bagaimanapun secara dasarnya kerajaan negeri tidak menyokong bangunan kediaman di Kampung Baru ditukar guna kepada kilang dan stor. Sekian.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Terima kasih Tuan Speaker, Di Kampung Baru Pandamaran sebenarnya terdapat 30% rumah yang telah menjadi kilang dan stor. Di mana saya difahamkan bahawa kebanyakan mereka adalah di atas tanah kediaman dan ada di dalam kampung tersebut yang tidak mungkin akan dizonkan semula menjadi kegunaan perniagaan. Jadi dalam keadaan tersebut, sekiranya tindakan diambil terhadap sesiapa yang tidak dapat kilang-kilang diputihkan saya rasa itu akan menjadi satu isu besar. Jadi pada masa yang sama mereka telah

menjalankan aktiviti secara lama saya rasa ada yang melebihi 10 tahun dan tiada tindakan diambil selama sepanjang masa ini.

TUAN SPEAKER: Soalannya

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Jadi soalan saya macam manakah, apakah langkah diambil terhadap keadaan tersebut di mana kilang-kilang tidak dapat diputihkan dan juga tidak dapat direzonkan semula. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Mengenai isu ini ada dua perkara, satu perkara adalah tentang kilang dan stor dan satu lagi isu tentang isu perniagaan. Perniagaan jikalau ada di dalam tempat yang sesuai, sebagai contoh di sebahagian jalan di dalam Kampong Baru memang sudah menjadi jalan utama jadi itu pihak PBT bolehlah pertimbangkan untuk menjadikan zon itu sebagai zon perniagaan tapi untuk kilang dan stor memang di peringkat PBT pun ataupun di peringkat kerajaan kita memang tidak menyokong kawasan kediaman dijadikan atau diputihkan sebagai kawasan kilang kerana itu memang tidak sesuai kerana itu akan menyebabkan kacau gangguan kepada jiran-jiran yang berhampiran. Jadi apa yang saya cadangkan ialah saya mencadangkan bahawa pihak Yang Berhormat boleh bincang dengan PBT dan juga wakil kilang untuk sama-sama mengadakan satu perbincangan untuk mendapatkan satu resolusi win-win, menang-menang supaya bagi satu tempoh pada mereka supaya mereka dapat memindahkan kilang tersebut kepada kawasan yang lebih sesuai. Sekian, Tuan speaker.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR: Soalan tambahan,

TUAN SPEAKER: Banyak soalan hari ini. Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR: Ada, ada banyak sebab baru sama sahaja Tuan Speaker, saya nak tahu adakah garis panduan yang telah dikeluarkan oleh EXCO kepada PBT tentang pemutihan kilang-kilang di seluruh Negeri Selangor atau PBT-PBT masing-masing ada undang-undang mereka sendiri di tiap-tiap PBT yang gunakan undang-undang mereka sahaja untuk di dalam kawasan itu.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Seri Andalas. Ini Seri Andalas memang aktiflah hari ini. Tapi untuk kilang atau pun stor di kawasan kediaman memang mengikut peraturan yang sedia ada di dalam PBT. Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: GELANGGANG FUTSAL RAKYAT

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak gelanggang futsal rakyat yang telah dibina dan dinaiktaraf oleh kerajaan negeri dari tahun 2008 – 2013. Sila senaraikan mengikut daerah?
- b) Berapa kos yang telah digunakan untuk pembinaan tersebut?
- c) Adakah kerajaan negeri menyediakan dana bagi penyelenggaraan gelanggang terbabit. Jika ada berapakah jumlahnya?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Dari tahun 2008 hingga 2013 kerajaan negeri telah melaksanakan 98 projek pembinaan gelanggang futsal melalui pembangunan infrastruktur sukan. Saya ada perincian dia mengikut daerah-daerah. Jumlah bilangan projek pembinaan gelanggang futsal berserta dengan kos mengikut daerah.

- i) Petaling, bilangan projek 7. Jumlah keseluruhannya RM922,350.00
- ii) Hulu Langat – 9 projek. Jumlah RM 1.546 juta
- iii) Sepang – 15 projek dengan jumlah RM 1.274 juta
- iv) Kuala Selangor - 5 projek dengan jumlah RM749,000.00
- v) Gombak – 20 projek dengan jumlah RM 2.395 juta
- vi) Klang – 11 projek dengan jumlah RM 1 juta
- vii) Hulu Selangor – 8 projek dengan jumlah RM817,304,00
- viii) Kuala Langat – 17 projek dengan jumlah RM 1.3 juta dan
- ix) Sabak Bernam – 6 projek dengan jumlah RM 335,959.00

Menjadikan jumlah keseluruhan berjumlah 98 projek dengan kos melibatkan kos RM10.335 juta. Berkaitan dengan peruntukan tahunan untuk naik taraf dan baik pulih infrastruktur sukan kerajaan negeri memperuntukkan RM800,000.00 untuk baik

pulih atau naik taraf gelanggang-gelanggang infrastruktur sukan dan ini juga termasuk gelanggang futsal. Walau bagaimanapun jumlahnya mungkin tidak begitu besar tetapi kita melihat keperluan-keperluan bergantung kepada prioriti baik pulih atau pun naik taraf gelanggang-gelanggang infrastruktur sukan yang ada di daerah-daerah yang ada di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI: Terima kasih. Adakah kerajaan negeri tidak apa faktor yang menyebabkan kerajaan negeri tidak memasukkan peruntukan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan ini sebab dalam tempoh 3, 4 tahun daripada pemerhatian yang dibuat dan laporan yang kita dapat, kebanyakan gelanggang-gelanggang ini sudah mula rosak dan memerlukan penyelenggaraan dan kalau kita biarkan ia mungkin akan menyebabkan kos yang lebih tinggi.

Yang keduanya adakah pihak Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan mempunyai senarai penuh semua kemudahan-kemudahan sukan yang kecil, yang besar hinggalah ke tahap stadium, mini stadium untuk memastikan penyelenggaraan ini dapat dikawal selia dan kerajaan negeri dapat memantau keseluruhan kemudahan-kemudahan sukan itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Batu Caves. Sebenarnya kita melihat bahawa keperluan untuk kita menyelenggarakan gelanggang-gelanggang ataupun infrastruktur sukan ini adalah agak besar dan saya melihat daripada satu adalah sudut gelanggang-gelanggang yang rosak disebabkan oleh penggunaan termasuklah gelanggang futsal ini oleh anak-anak muda kita atau pun remaja-remaja kita yang menggunakan kemudahan-kemudahan sukan ini dan satu lagi daripada sudut vandalisme atau pun salah guna oleh masyarakat atau pun remaja-remaja kita. Kerajaan negeri mengharapkan beberapa kawasan atau pun di kawasan-kawasan PBT yang mempunyai kemampuan untuk membantu di dalam menyelenggarakan baik pulih ini supaya mereka ini membantu dan peruntukan daripada kerajaan negeri kita menumpukan kepada beberapa kawasan terutamanya di daerah-daerah atau pun kawasan-kawasan PBT yang kurang berkemampuan. Contohnya pada tahun lalu, peruntukan-peruntukan untuk baik pulih dan penyelenggaraan gelanggang-gelanggang infrastruktur sukan ini kita peruntukan kepada kawasan PBT-PBT ataupun daerah-daerah yang kurang berkemampuan.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat boleh...

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAARI: Data base atau pun senarai lengkap kemudahan sukan dan bagaimana strategi kerajaan negeri untuk memastikan

semua kemudahan ini baik, berguna dan boleh diselenggara untuk keperluan masyarakat.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih. Berkaitan dengan gelanggang-gelanggang atau pun infrastruktur sukan di daerah-daerah atau pun PBT mempunyai jumlah yang begitu besar dan setakat ini kita masih lagi mengumpulkan data-data maklumat ini daripada semudah gelanggang sepak takraw, gelanggang badminton hinggalah ke stadium-stadium yang sedia ada dan saya kira peruntukan penyelenggaraan sudah tentulah cukup besar akan diuntukkan pun begitu ada beberapa perkara yang saya kira menjadi fokus kepada kerajaan negeri terutamanya dalam membaik pulih ataupun penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sukan ini iaitu kita melihat kepada penggunaan yang lebih kerap atau pun prioriti tempat itu dan juga dari segi keperluan-keperluan yang lebih besar terutamanya stadium-stadium yang ada di Negeri Selangor ini dan kita juga mendapat maklumat atau pun keperluan yang diajukan oleh PBT-PBT terutamanya stadium-stadium dan kemudahan sukan tadi yang mana kita akan melihat bagaimana dengan adanya peruntukan yang diuntukkan dalam keperluan pembangunan infrastruktur sukan ini dapat kita gunakan nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: PROJEK PEMBANGUNAN EKONOMI DESA

13. Kerajaan Negeri telah mengumumkan Projek Pembangunan Ekonomi Desa sepertimana ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam Dewan yang mulia ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah banyak peruntukan bajet 2013 telah digunakan untuk program ini?
- b) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2013
- c) Apakah *method* yang digunakan untuk melaksanakan program ini?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalamualaikum warahmatullah* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Kota Anggerik. Kota Anggerik bertanya berkaitan dengan pengumuman kerajaan negeri berkaitan projek pembangunan ekonomi desa dan

TUAN SPEAKER: Terus kepada jawapan Yang Berhormat Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Untuk soalan (a) dan soalan (b) bagi tahun 2013, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta bagi projek pembangunan luar bandar di sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Setiap daerah telah diperuntukkan sejumlah RM500,000 secara keseluruhan. Program ini melibatkan penyelenggaraan jalan-jalan kampung, penyelenggaraan longkang dan perparitan. Baik pulih balai raya, penyelenggaraan kemudahan sukan dan dataran-dataran awam dengan sejumlah 204 buah projek yang telah disiapkan sepenuhnya pada Disember 2013. Projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2013 mengikut pecahan iaitu jalan sebanyak 59 projek, longkang, perparitan 30 projek, dewan balai raya 96 projek, surau, sekolah, masjid 4 projek, kemudahan sukan 8 projek, bangunan dan juga pagar dan juga dataran masing-masing 1 projek, jambatan titi dan juga perbagai masing-masing 2 projek yang melibatkan RM4.5 juta dibelanjakan.

Soalan (c) berkaitan dengan *method* yang digunakan untuk melaksanakan program ini, *method* yang digunakan untuk melaksanakan program ini ialah dalam bangunan desa ini secara holistik semua kampung akan diambil kira dan ianya akan dijalankan secara berfasa. Langkah-langkah pelaksanaan projek pembangunan desa adalah seperti berikut:

- i) Peringkat memberi kesedaran terhadap kepentingan dan keperluan pembangunan desa dari segi *rising venues*. Pada peringkat pertama ini Ketua-ketua Kampung akan mendengar sendiri daripada kerajaan negeri dan para peringkat ini juga akan diadakan sesi perbincangan untuk mempelajari sebab-sebab dasar-dasar terdahulu gagal oleh pembuat atau pelaksana.
- ii) Peringkat memperkenalkan agenda polisi. Gred polisi agenda. Pada Peringkat kedua ini akan diadakan bengkel kendalikan kampungku. Struktur pelaksanaan bengkel ini akan diketuai oleh Jawatankuasa Pemandu dan dikendalikan Jawatankuasa Pelaksana dengan kerjasama Jawatankuasa JKK. Bengkel ini akan disertai oleh Pegawai Daerah, Ketua-ketua Kampung, Setiausaha JKK, Wakil Wanita. Bengkel ini bertujuan mengenal pasti pelanggan serta profil kampung, seperti aset tenaga manusia yang dimiliki, kemudahan serta sumber sedia ada, sistem kewangan, pembangunan politik setempat serta proses komuniti di kampung itu. Selain itu bengkel ini juga membolehkan perbincangan dua hala mengenai masalah-masalah yang dihadapi di kampung-kampung yang kemajuan ekonomi mereka. Di samping itu bengkel ini juga bertujuan untuk mendapatkan cadangan daripada masyarakat kampung sendiri tentang kemajuan yang diinginkan di kampung mereka. Untuk pengetahuan Kota

Anggerik, program ini telah dilaksanakan paling kurang 2 daerah telah dilaksanakan program kendali kampungku yang melibatkan daerah Sabak Bernam dan daerah Hulu Selangor.

- iii) Peringkat Ketiga ialah menyusun agenda-agenda dibincangkan dalam bengkel mengikut keutamaan kertas agenda dan seterusnya
- iv) Peringkat keempat, menggubal dasar baru. Peringkat menggubal dasar baru ini akan diadakan hasil daripada pemantauan terperinci dari masa ke semasa terhadap projek-projek yang dalam proses pelaksanaan bagi memastikan dasar digubal wajar dengan keperluan yang diteliti di peringkat akar umbi. Dan seterusnya
- v) Peringkat kelima ialah memantau dan menilai polisi-polisi.

Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan saya ialah berkaitan ekonomi desa bukan infrastruktur desa. Soalan kedua kerap pertemuan dibuat oleh ketua kampung tahun lalu.

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI: Ia berkaitan jawapan yang diberikan tadi ialah berkaitan dengan pembangunan ekonomi desa sebab apa walau pun ianya sekerap dilakukan ianya juga termasuk dalam plan pembangunan ekonomi desa kerana masalah-masalah ini apabila tidak diurus sudah tentu ia akan merencatkan pembangunan ekonomi desa. Namun selain daripada apa yang telah disebutkan tadi, Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah disebutkan kita telah pun memilih paling kurang dua daerah terlebih dahulu untuk kita buat program kenali kampungku. Melalui dua program ini semua ketua-ketua kampung menyenaraikan apakah program-program yang berpotensi untuk kampung masing-masing dalam suasana sumber yang sedia ada dan kekuatan setempat yang perlu untuk dilaksanakan. Hasil daripada cadangan-cadangan itu maka kerajaan negeri akan meneliti secara lebih dekat untuk dilaksanakan. Apa yang berlaku yang sebelum daripada ini ialah banyak program-program yang dilakukan tidak mendatangkan impak yang besar kerana sikap yang mengendalikan program itu sendiri tidak dibentuk terlebih dahulu. Jadi yang pertama ini apa yang perlu kerajaan negeri lakukan ialah pembentukan tentang sikap dan pihak-pihak masing-masing kampung boleh menyenaraikan program kurang-kurang melalui dua daerah ini program yang perlu untuk dilaksanakan dari kerajaan negeri untuk meneliti untuk melaksanakan memilih mana-mana yang terbaik untuk kita laksanakan melalui program ini.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 11.30 pagi dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN: Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Saya minta pencadang usul pihak kerajaan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon izin untuk membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“ Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan yang mulia ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kedua Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.”

Tuan Speaker, seperti apa yang kita sedia maklum dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena perasmian pembukaan Sidang Dewan Negeri Selangor semalam, Duli Yang Maha Mulia Tuanku berharap Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bukan sahaja mengekalkan kedudukan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri metropolitan termaju di Malaysia, tetapi menjadikan Selangor antara negeri yang paling selesa dan selamat dikunjungi dan diduduki. Sehubungan itu Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi tanggung jawab yang cukup besar untuk mengembelingkan seluruh tenaga ke arah menjayakan impian dan matlamat tersebut. Oleh itu kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak khususnya kepada penjawat awam amat diperlukan. Belum cukup dengan itu, kerjasama dan sokongan dan bantuan ketua-ketua masyarakat seperti Ketua Kampong, Kampung Baru, Bagan, Kampung Tradisional, Penghulu Mukim, NGO dan rakyat jelata, pada masa yang sama peranan wakil rakyat juga tidak boleh diabaikan bagi menyambung segala perancangan dan matlamat yang kita sasarkan semuanya berjaya dicapai mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Menyentuh tentang prestasi pelaburan di Negeri Selangor sejak tahun 2013 sebanyak RM9.8 bilion telah diperolehi dan sebanyak lebih dua ratus peluang pekerjaan dalam berbagai-bagai sektor telah diwujudkan untuk seluruh rakyat Negeri Selangor termasuk rakyat-rakyat di negeri yang lain yang datang bermastautin dan datang di Selangor.

Tuan Speaker, sejak 2008 sehingga ke hari ini kedudukan kewangan Negeri Selangor jauh berbeza. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar

mengamalkan dasar ketelusan dan perbelanjaan berdisiplin dan berhemah di samping dasar *value for money* dengan izin. Maka kedudukan kewangan negeri semakin hari semakin kukuh mutakhir ini rizab kita sudah mencecah RM3 bilion. Ini satu angka yang cukup besar yang tidak pernah dicapai oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini. Kedudukan kewangan yang kukuh dan stabil inilah yang menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu tunduk kepada tekanan daripada Putrajaya kerana kita tidak perlu meminjam ya, meminjam ataupun khaw-tau angguk kepala dengan pusat sejak Pakatan Rakyat diberi amanah dan mandat oleh rakyat Negeri Selangor pada tahun 2008. Pada tahun 2014 ini anggaran perbelanjaan adalah sebanyak RM2.28 bilion, justeru itu saya berbangga dengan kekuatan kedudukan kewangan Negeri Selangor di mana kita tiada hasil mahsul. Kita tiada hasil mahsul seperti minyak dan gas. Kalau kita bandingkan dengan negeri penyu iaitu Negeri Terengganu, saya telah menjelajah musafir setiap bulan ke negeri-negeri seperti negeri penyu Terengganu ini. Mereka punya hasil mahsul petroleum dan gas, bajet mereka setahun anggarannya RM2.2 bilion itu pun lebih sepuluh ataupun RM1.2 bilion itu adalah hasil royalti minyak. Tetapi di Selangor kita tidak punya hasil mahsul seperti itu tetapi kita juga berbelanja RM2.28 bilion. Ha itu lah hebatnya Negeri Selangor yang di pimpin oleh Pakatan Rakyat dan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Pada masa yang sama, Tuan Speaker, ramai sebelum ini ramai yang mempertikaikan kenapa Selangor ini dalam tempoh enam tahun ini berusaha berterusan hasil mengumpul, mengumpul kewangan, kedudukan kewangan di atas stabil, mengumpul rizab yang banyak hingga tiga bilion. Dan ramai persoalkan kenapa rizab ini tidak digunakan untuk kepentingan pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Persoalan yang tersebut ini sudah mula, sudah mula mendapat jawapan dan respons yang positif daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Di antara jawapan dan respons dan jawapan yang bakal kita terima ialah Kerajaan Negeri sudah memperuntukkan lebih tiga ratus juta daripada rizab negeri untuk memulakan projek pembinaan jambatan ketiga dan yang memang di tunggu-tunggu oleh rakyat seluruh Negeri Selangor khususnya di daerah Kelang ini bagi menyelesaikan, menyelesaikan kesesakan yang berlaku saban hari di Daerah Kelang di Lembah Kelang ini. Oleh kerana buktinya membina jambatan ini maka kerajaan negeri telah berjanji dan projek sudah, tawaran tender sudah dikeluarkan dan dalam isu ini Tuan Speaker, pentingnya rakyat perlu direvoludkan. Rakyat harus diperjelaskan. Isu pembinaan jambatan ketiga ini bukan isu baru, isu yang bersambung dari tahun 2008 sebelum tahun 2008. Kerajaan Negeri ketika itu Barisan Nasional mereka sudah tahu keperluan untuk membina sebuah jambatan ketiga Klang ini kerana kesesakan lalu lintas. Mereka sudah janji akan membina jambatan tersebut. Dan isunya yang paling penting ialah rakyat harus faham bahawa tanggungjawab untuk membina jambatan ketiga ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri hanya membantu mengawal selia sahaja kerana pendapatan *income tax* negeri Selangor ini kita bayar kepada rakyat daripada negeri Selangor bayar kepada pusat dan tanggungjawab ini memang dalam perlembagaan memang terletak di Persekutuan. Tetapi malangnya, malangnya tidak berbau.

Apa yang dijanjikan oleh Barisan Nasional sejak 2008 ketika itu saya masih ingat mereka mengumpulkan, saya telah imbas kembali, mengumpulkan seluruh EXCOnya dengan cangkulnya pergi ke Klang, Sg. Burung ketika itu mungkin pergi atau tidak, saya tak tahu, Ketua Pembangkang kita Sungai Burong kesitu untuk mencangkul pecah tanah, cangkul satu Malaysia. Selepas pemecahan tanah tersebut diwar-warkan Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin begitu peduli kepada rakyat kita akan siapkan jambatan ketiga dengan cangkulnya. Tetapi cukup malang sampai 2008 Pakatan Rakyat di beri mandat oleh rakyat Negeri Selangor kita memerintah di Negeri Selangor, apa yang kita tunggu hingga hari ini janji pembinaan jambatan ketiga tetap dengan janjinya. Cangkul tetap dengan cangkulnya. Ha itu yang berlaku. Ini kisah benar. Ha terima kasih. Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Sekinchan. Saya dengan khabar bahawa Kerajaan Persekutuan tiba-tiba tidak ada wang yang mencukupi untuk beli cangkul adakah ini benar atau tidak. Ini jawapan di Parlimen.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Rakan seperjuangan saya yang bijaksana dari Kampung Tunku. Ya Kerajaan Barisan Nasional memang selalunya ketandusan kewangan sebabnya mereka boros, bazir dan gagal menguruskan kewangan dengan baik. Maka nak beli cangkul pun payah. Ha ini jawapannya. Ya tapi jambatan ketiga ini satu Malaysia tahu perkara ini diwar-warkan di TV3, diwar-warkan di Utusan semua tahu bahawa Barisan Nasional akan bina jambatan. Selepas mereka kalah di Negeri Selangor mereka slogan yang mereka bangga-banggakan pergi ke pelosok kampung di Sekinchan di Sabak Bernam mereka bangga, janji ditepati. Sekarang janji sudah di capati. Bukan sahaja di capati langsung tidak ditepati dan sekarang mereka malu hendak menggunakan slogan ini walau pun mereka sanggup dengan aku janji di aku janji sekali pun tetapi janji tetap janji. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat kita punya pendapatan yang terhad. Tetapi kita tidak boros kita berjimat cermat berhemah.

TUAN SPEAKER: Sekinchan Kota Anggerik hendak mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha rakan seperjuangan saya yang bijaksana silakan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak tanya Yang Berhormat Sekinchan apa pendapat Y.B. Sekinchan kalau orang berjanji tidak tepati ini. Apa pandangan Yang Berhormat kalau orang berjanji tidak ditepati.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Orang yang terima kasih Kota Anggerik. Orang yang berjanji tidak ditepati, sepatutnya rakyat kena hukum mereka. Pastikan mereka tersungkur terus di Negeri Selangor dan arena politik tanah air dan tidak perlu lagilah mereka berada di politik tanah air. Orang begitu perlu rakyat tolak. Kalau dengan

erti kata lain munafiklah. Ha ya minta maaf lah dengan izin. Tapi kenapa itu respons saya kepada Kota Anggerik.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Dengkil minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha Dengkil apa macam. Boleh silakan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Nak tanya pandangan Yang Berhormat Sekinchan menyebut pasal janji tadi kan, saya nak tanya adakah manifesto, manifesto itu merupakan satu janji tapi ada juga manifesto yang masih tidak ditepati. Mohon pandangan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil yang bijaksana. Saya nak bagi tahu isu manifesto ini. Mana-mana satu Kerajaan di dunia kita akan tawarkan manifesto satu tawaran kepada rakyat dan ada kalanya manifesto ini kita akan lakukan secara berperingkat, lima tahun tiga tahun jangka waktu pendek, pertengahan dan panjang. Kerajaan Pakatan Rakyat kita baru masuk penggal kedua. Pelbagai manifesto yang kita tawarkan kita laksanakan secara berperingkat. Ini cara apa yang tak boleh kita laksanakan kita terus terang kepada rakyat. Kita tak nak tipu seperti orang pergi pecah tanah nak buat jambatan tapi akhirnya batang konkrit pun tak ada. Ha itu namanya tipu, *ngapusi* dalam jawa. Ha dengan izin *ngapusi*.

TUAN SPEAKER: Sekinchan Sungai Burung minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha Sungai burung. Terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker nak minta penjelasan ya. Tadi Sekinchan ada sebut kalau orang berjanji tidak tunaikan itu munafik ya. Jadi saya nak tanya ni. Pakatan Rakyat ni dalam pilihan raya lepas dia banyak berjanji. Janji ini tak ditunai. Nak turunkan cukai pintu dua puluh peratus, nak bagi janji 100 ringgit kepada anak Kerajaan Selangor, nak bagi air percuma seluruh rakyat negeri Selangor, pun tak tertunai lagi. Ya tak tertunai lagi, jadi bersetuju tak dengan pandangan saya banyak lagi janji-janjilah yang tak saya sebutkan tadi di sini yang telah dijanjikan oleh Pakatan Rakyat bersetujulah dengan pendapat saya bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang tak tunaikan janji pun munafik. Setuju atau tidak.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Ketua Pembangkang kita daripada Sungai Burong, soal setuju, saya tidak setuju sebab Pakatan Rakyat kita dah berusaha keras untuk menunaikan tawaran manifesto kita. Antaranya semua rakyat negeri Selangor faham, kita nak bagi air percuma, cuma yang tak dapat itu tak individu. Ini tidak perlu dipertikaikan tapi Sungai Burong masih

tak faham. Walaupun boleh dia mungkin Sungai Burong pun terdapat air percuma juga. Ini yang penting tak apa itu biar, tapi kita telah dah berusaha keras untuk

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bukan tak faham ya ini soal janji, kalau janji tak tunai masa Kempen Pilihan raya berjanji macam-macam nak tunaikan itu, tunaikan ini ya contohnya dalam Pilihan raya Kajang itu pun ada manifesto sendiri pula yang dikeluarkan walaupun Kerajaan Negeri sudah ada dasar-dasar dia nak janji, tapi bila janji ini tak ditunaikan maknanya Sekinchan sendiri cakap ada munafik jadi kalau macam itu jangan lidah bercabang Sekinchan. Kalau kata munafik dalam kes yang tak mahu ini pun sama juga munafik juga tak boleh *double standard* munafik. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker dan Sungai Burong, apa yang saya tegaskan janji Pakatan Rakyat dan tawaran kita, kita dah berusaha beransur-ansur, berperingkat-peringkat untuk kita tunaikan, sabar kerana sabar itu sebahagian dari iman. Kena sabar Sungai Burong, jangan cepat melatah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Batang Kali nak mencelah.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sini Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh, Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Sekinchan. Apakah Kerajaan Pusat ini tidak pernah berusaha untuk memberi manfaat yang terbaik kepada rakyat dan apakah tadi disebut pasal jambatan-jambatan tak ada duit semua itu Kerajaan Pusat tak buat. Apakah peruntukan MARRIS yang selama ini dibuat yang dibagi kepada Kerajaan Negeri ditunaikan atau digunakan dengan sepenuhnya untuk mengatasi masalah-masalah sudi ini. Sila jawab, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan saya daripada Batang Kali. Aha isunya berbeza, isu pecah tanah, war-warkan seluruh dunia dah tahu nak bina Jambatan Ke-3 Klang dengan isu yang peruntukan MARRIS ini jauh berbeza antara langit dan bumi. Saya bagi contoh....

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, Sekinchan masih dalam proses menjelaskan ...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, ya, kalau nak mencelah saya kena memperjelaskan. Jadi sabar, sabar dulu, sabar isu terlalu jelas ya terang lagi

bersuluh di mana jambatan ke-3 ini tanggungjawabnya Kerajaan Pusat. Kerajaan yang dulu dia janji dan bukan janji dia laksanakan dengan pecah tanah dengan cangkul kemudian dia kalah Pilihan raya, dia naik angin atau pun mengamuk tidak mahu menepati apa yang dia janjikan. Ini yang saya sebutkan harga berbeza sekali sepintas lalu sahaja oleh kerana saya banyak urusan dan Kg Tungku pun tadi nak celar dan Bangi pun ada, jadi itu saya sekali minta maaf ya... untuk Batang Kali.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Saya minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bangi, Bangi.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sekinchan. Sungai Burong menyebut tentang PRU Kajang, saya nak bantu Kajang sedikit memberi maklumat. Sebelum PRU kedua belas

TUAN SPEAKER: Bangi nak bagi perbincangan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Tidak, tidak.

TUAN SPEAKER: Mencelah Sekinchan, mencelah Sekinchan boleh. Tanya Sekinchan.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Iaitu janji yang diberikan oleh Kerajaan bukan untuk membuat satu jalan pintas di Lebuhraya Lekas Taman Kajang Utama PRU Ke-12 habis ... hilang. PRU Ke-13 datang bawa *excavator*, *bulldozer* datang untuk buat jalan pintas paya sama habis PRU Ke-13 habis hilang. PRK Kajang datang lagi bawa *excavator* bawa *bulldozer* lagi habis hilang begitu *bulldozer* itu. Mahu minta penjelasan apakah tindakan ini? Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ah, ini kita jangan pelik, ini memang Bangi, ini memang konsisten, konsisten daripada Barisan Nasional janji mereka tidak ditepati. Aha. tak perlu tidak hairan ya. Jawapannya ringkas sahaja saya nak bagi Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nantilah Yang Berhormat Sekinchan, isu ini tidak isu yang dibangkitkan oleh Barisan Nasional ini sebenarnya tidak sah lagi, mereka pernah mencucuk lebih dua ribu orang ibu tunggal menyaman Kerajaan Negeri Selangor beberapa tahun lepas dan setahu saya pada tahun lepas mereka kalah dalam tuntutan mereka. Apa yang mereka saman, mereka saman Kerajaan kerana tak tunaikan manifesto, jadi saya rasa tak ada isu. Kalau Mahkamah rayuan Yang Berhormat Sekinchan telah memutuskan kes-kes yang dibawa oleh Ibu Tunggal yang dicucuk oleh siapa ini di...di....saya tunjukkan perkataan yang di...di....di.... tangani oleh Barisan Nasional ini untuk bawa kes ke Mahkamah mereka kalah di

Mahkamah Rayuan jadi macam mana lagi Barisan Nasional nak bawa isu-isu ini tak berhenti-henti di Dewan Yang Mulia Ini. Jadi saya minta jawab penuh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku kerana mengingatkan saya tentang peristiwa sebelum Pilihan raya di mana memang betul pada ketiga itu kita nampak ramai Ibu Tunggal di..di... bawa dengan berbas-bas habis sampai SUK, sampai Mahkamah pembela lombong wahid Ibu Tunggal di negeri Selangor UMNO Barisan Nasional. Sampai di sana Kerajaan tetapi akhirnya keputusan membuktikan bahawa kita menang dalam kes ini dan tiada isu dan sampai sekarang sebab pihak Pilihan raya saya bina isu politik sebab Pilihan raya dah setahun tak nampak pun UMNO bawa Ibu Tunggal lagi mana sayang pada Ibu Tunggal bermusim, bermusim tidak ikhlas. Ini jawapan dia.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Dengkil.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nak lagi. Aha... Dengkil, Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya ingin tanya pandangan Sekinchan. Maknanya Sekinchan bersetuju dengan sistem Kehakiman Negara memang tak ada campur tangan Politik daripada Kerajaan Persekutuan atau pun mana-mana pihak. Tengok isu Ibu Tunggal tadi itu dah dapat pembelaan daripada Mahkamah. Ada yang mengatakan Kerajaan Persekutuan ini zalim campur tangan dengan Mahkamah. Adakah Sekinchan setuju bahawasanya sistem kehakiman Negara ini begitu telus dan bebas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, terima kasih Dengkil kerana membangkitkan isu ini. Sistem Kehakiman Malaysia ini dia pada asasnya telus tetapi ada campur tangan daripada tangan-tangan ghaib mengikut kes-kes tertentu dia boleh diubah mengikut kesesuaian cyber masa ke semasa. Saya bagi contoh, contoh sebelum Datuk Seri Anwar Ibrahim contoh yang terbesar, contoh kes, kes saman bekas Yang Berhormat Menteri Besar Selangor isunya tentang mahligai RM24 juta yang saya bangkitkan di Shah Alam skandal sapu duit rakyat negeri Selangor yang saya bangkitkan itu, Istana Khir Toyo yang saya bangkitkan di mana Mahkamah telah Mahkamah Tinggi telah jatuhkan hukuman dan Mahkamah Rayuan tolak sampai hari ini kita tinggal menunggu Mahkamah Rayuan 8.2.2014 ha ini saya ingat ini 8.2.2014 sepatutnya pagi itu disilaukan Mahkamah di sidang tentang isu dengar tak akhir di peringkat Persekutuan. Tetapi oleh kerana ada langkah Kerajaan agih itu diberitahu Persidangan untuk mendengar rayuan ini ditundakan ke suatu tarikh yang belum lagi diberitahu. Dia boleh ubah mengikut kesesuaian masa. Ini antara contoh satu, maknanya contoh kedua kes Seri Datuk Anwar Ibrahim seluruh dunia pun nampak bagaimananya bincangnya dalam sistem tersebut. Mana mungkin kes yang diatarkan bulan empat 7hb penerangan boleh dianjak kerana

Pilihan raya Kajang aha tak payah nafi Ketua Pembangkang. Ini memang *term* suruh perkara ini, satu dunia tahu boleh dianjak...anjak...anjak...Barisan Nasional.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sekinchan ini jangan lah buat tuduhan yang dulu. Setuju bahawa sistem sebenarnya telus tetapi ini fitnah sebab kita tahu dalam kes penghakiman, kes liwat Dato' Seri Anwar Ibrahim 60 kali dah lebih Mahkamah telah diberi peluang untuk rayuan menunjukkan bahawa Mahkamah ini sebenarnya tidak dipegang apa-apa pengaruh luar kecuali ini adalah fitnah. Fitnah yang mahu dilemparkan oleh pihak Pembangkang terutama pada sistem kehakiman. Saya ingat ini satu budaya, satu gejala dalam Pakatan Pembangkang apabila keputusan Mahkamah memihak kepada mereka dia kata ini Mahkamah baik, tapi bila Mahkamah tidak memihak kepada mereka aha ini macam-macam. Kita boleh buktikan banyak kes di mana pihak Pembangkang yang telah buat saman

TUAN SPEAKER: Sungai Burong Pembangkang ini siapa?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Di...di....

TUAN SPEAKER: Kita dalam Dewan Negeri sekarang.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Pembangkang PKR kita tak ada kes ya..ya...kes liwat Dato' Seri Anwar ini bukan kes Ketua Pembangkang. Jadi jelaslah.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, teruskan. Soalannya Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalannya tadi sebenarnya adakah Sekinchan setuju bahawa sistem kehakiman ini adalah telus dan tidak memihak kepada siapa-siapa kerana ada kalanya pihak Pembangkang juga yang buat kes-kes PKR, kes-kes Mahkamah di Persekutuan menang dalam kes saman Dato' Seri Anwar kepada papa gemuk, kes Karpal Singh ya menang tak ada masalah. Renung juga bahawa sistem Kehakiman kita bebas dan telus.

TUAN SPEKAER: Nak baca Peraturan Tetap. Mana satu? Peraturan Tetap 24(4). Suatu perkara yang tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.

TUAN SPEKAER: Baiklah Sekinchan teruskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Sungai Burong. Saya nak nyatakan di sini untuk respons bagi puas hati Sungai Burong ini mereka Pembangkang jangan lupa. Yang saya nak nyatakan dua perkara satu kes Dato' Seri Anwar jelas dia katakan fitnah saya setuju fitnah dua untuk Dato' Seri Anwar Ibrahim dan dia jelas mana mungkin hari Jumaat, hari Jumaat sepatutnya kakitangan Kerajaan saya rasa

4.30 dah rehat tetapi hari itu *prox date* pukul 7.00 pun belum siap lagi kes kerana apa kerana langkah Kajang. Suka tak suka ini tidak boleh dinafikan ini perkara yang saya nak nyatakan dalam konteks ini. Oleh yang demikian,

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah, Tuan Speaker?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Belum lagi, saya belum habis dan rakyat, rakyat di bawah faham tentang sistem Kehakiman kita di Malaysia ini dan rakyat telah menzahirkan kepada pandangan mereka di mana di Kajang Pilihan raya di Kajang ini rakyat telah beri satu jawapannya iaitu Yang Berhormat Kajang yang baru Datuk Seri Dr. Wan Azizah telah menang di Kajang dan ini membuktikan bahawa *forerun drum* di Kajang ini tidak setuju dengan cara Barisan Nasional mengurus tadbir negara dan termasuk kehakiman ini. Jelas ini jawapannya terima kasih dan saya nak teruskan Perbahasan Titah Ucapan saya.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Permatang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh ya...ya... tadi lupa

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan pertama menghina Mahkamah sepatutnya tak berlakulah kepada seorang Wakil Rakyat walau pun ramai orang lebih-lebih Wakil Rakyat sebab Mahkamah ini sistem yang ada dalam Negara kita dan saya cadang nanti kalau Sekinchan ada masalah Mahkamah kalau ada kes skim jangan rujuk kepada Mahkamah, selesaikan sendiri, ini nasihat saya. Yang kedua dari segi mengenai kes Yang Berhormat bekas Sg Panjang dulu yang mengatakan tarikh sepatut diumumkan diubah tarikh. Ini perkara biasa dalam Mahkamah, ada kes juga yang sebelum itu hampir diumumkan pada pagi itu mengenai isu Kalimah Allah Persekutuan pun ditangguh sampai hari ini belum diumumkan tarikhnya. Tak kena mengena pun dengan isu yang dibawa oleh Sekinchan tadi. Maknanya itu soal terpulung kepada Mahkamah nak menentukan bila tarikhnya dan juga saya nak tanya dalam isu yang dikatakan mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam isu liwat yang dikatakan tuduhan dan sebagainya. Enam tahun di bawah dalam Mahkamah diberi peluang untuk membina diri 60 kali penangguhan. Pihak yang didakwa boleh mengemukakan, berani sumpahan datang Mahkamah bawa soal siasat tetapi saya tengok orang yang dituduh tak berani muncul di Mahkamah, tak dapat mempertahankan diri dan saya nak tanya Sekinchan satu perkara sahaja. Mengenai isu yang dibawa oleh Majlis Peguam yang mengatakan isu suka sama suka kerana jatuh hukuman. Maknanya saya berpendapat bahawa Majlis Peguam seolah-olah *endorse* dengan izin bahawa perkara itu berlaku cuma dalam konteks suka sama suka di antara dua pihak lelaki yang dewasa. Jadi apa pendapat ...terima kasih.

TUAN SPEKAER: Ini sudah jauh terpesong dari jambatan ketiga hingga kes liwat. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG: Tuan Speaker, boleh saya mencelah? Sekejap, sekejap, sekejap sahaja. Saya ada 2 soalan kepada Y.B. Sekinchan. Yang pertama, sama ada kritikan terhadap kes mahkamah dikira sebagai menghina mahkamah? Yang kedua, adakah Y.B. Sekinchan mengambil kira tentang perkara bahawa penyata telah diberikan untuk mengkritikkan hukuman kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga Y.B. Karpal Singh oleh *U.S. State Department United Nations*? Dengan izin, Malaysian Bar, Los of Ideas of England, Wales dan sebagainya, Australian Bar dan sebagainya. Adakah Y.B. Sekinchan mengambil kira tentang perkara itu bahawa itu bukan sahaja Y.B. Sekinchan mengkritikkan keputusan ini tetapi ia juga dikritikkan oleh negara-negara yang lain oleh *authority-authority* yang berkenaan? Itu sahaja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas ingatan Pandamaran. Memang sebab perkara ini saya setuju tetapi oleh sebab Barisan Nasional, pihak pembangkang tak faham konsep ini, jadi kita biarkan sahajalah ya. Setuju dengan ingatan Tuan Speaker, kita balik yang asal. Tetapi yang penting soal-soal tentang Peguam Negara ini kita biar Majlis Peguam kita bagi ADUN-ADUN yang ada latar belakang peguam ini biar mereka yang berdebatlah. Saya Sekinchan, kita terus dengan usul menjunjung titah ucapan.

Seterusnya isu tentang pembinaan jambatan ketiga ini, perkara yang paling penting rakyat harus faham ialah Barisan Nasional wajib ataupun harusnya merasa malu kerana secara terang-terang menipu rakyat. Ini perkara yang paling penting yang saya nak ingatkan untuk dicatat dalam Dewan ini sepatutnya merasa malu kerana menipu secara terang-terang tanpa sorok-sorok. Ini yang saya nak nyatakan di sini. Dan seterusnya saya nak selit sikit, saya nak ucapkan ambil peluang keemasan ini di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada ADUN Kajang yang baru kerana telah dipilih pada 25hb. Mac yang lalu menerusi langkah Kajang. Saya menyambut baik dan berharap peranan Yang Berhormat Kajang ini dapat menceriakan lagi suasana Dewan Negeri Selangor dan langkah Kajang ini memang cukup baik. Dengan kemenangan Pakatan Rakyat ini 1 parameter bahawa sokongan rakyat terus begitu mantap kepada Pakatan Rakyat. Dan dengan ada langkah Kajang ini kita dapat mematahkan serangan-serangan Barisan Nasional khususnya UMNO ketika itu yang dalam 8, 9 bulan yang lepas ini mereka cuba membakar api sentimen perkauman dan fanatik agama. Ini cara UMNO walaupun mereka tidak mengaku mereka UMNO. Mereka gunakan NGO, NGO, NGO untuk buat laporan polis, untuk ada yang macam-macam, demonstrasi dan sebagainya. Kita tahu 1 Malaysia, mana-mana tahu apa yang mereka lakukan. Tetapi dengan adanya langkah Kajang benda ini berkurangan. Syukur Alhamdulillah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Minta penjelasan Sekinchan. Sedikit mengenai langkah Kajang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, ok, terima kasih.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya nak tanyalah kepada Sekinchan mungkin Dewan pun nak tahu apa makna langkah Kajang itu sebenarnya? Pilihan raya ini kerana bukan kerana kematian, bukan kerana mufliis, bukan kerana dan sebagainya. Jadi boleh tak Sekinchan jelaskan kepada Dewan ini dan orang ramai nak tahu juga. Kenapa pilihan raya kecil ini diadakan? Bukan sebab-sebab yang biasa wujud dalam negara kita. Tak ada kematian tiba-tiba letak jawatan belum sampai 8 bulan jadi ADUN, letak jawatan. Apa sebenarnya? Rakyat nak tahu apa yang tersurat di sebalik langkah Kajang biar kami pun nak tahu juga. Sama ada, ada agenda tersembunyi ataupun agenda sebenarnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Permatang. Sebelum saya jawab apa yang dinyatakan oleh Permatang tentang apa motif dan sebagainya, untuk menjawab soalan ini mudah sahaja Permatang. Tapi Permatang ini cepat lupa. Permatang cepat lupa. Sebelum ini, tahun sebelum inilah Permatang ada dalam Dewan ini, Permatang pun ada, adakan pilihan raya kecil ketika itu. Termasuk Parlimen Kuala Selangor pada ketika itu tapi Permatang dah lupa. Jadi tanyalah soalan ketika itu kenapa macam tu. Soalan tu tanya kenapa ketika tak ada kematian ketika itu. Oh, tak ada, tak ada tak ada kematian. Ha, tanya, jawapan saya dah beri ya. Cukuplah dengan jawapan itu. Baik, langkah Kajang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Habis nak minta tukar Menteri Besar langkah Kajang ni?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya, saya dah jawab tadi.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Di Permatang, di Kuala Selangor?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tidak, kita tidak. Saya kata langkah apa yang Permatang lakukan nak tanya soalan tersebut, tak ada kematian. Saya nak jawab soal kematian itu. Bukan dalam sistem demokrasi kita bukan saja kena mati dulu baru ada pilihan raya, tak ada. Tak faham..... tak apalah saya pergi mana ada peguam saya di sebelah. Ini Bangi, tolong bagi sedikit *briefing* ya taklimat kepada dia tentang bagaimana proses demokrasi dan perlembagaan

TUAN SPEAKER: Sekinchan, tak ada peguam dalam Dewan Negeri ini. Tak dibenarkan ada peguam. Sungai Burong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukuplah, cukup, cukup saya nak teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nak minta penjelasan, nak minta penjelasan tentang *Kajang move* ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukuplah, saya belum habis..

TUAN SPEAKER: Dia tak benarkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukup, cukup, cukup.

TUAN SPEAKER: Sekinchan tidak benarkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya teruskan la, jadi apa yang saya nyatakan tadi adanya pilihan raya kecil ini telah berjaya mematahkan sedikit sebanyak perancangan jahat pihak tertentu untuk membangkitkan sentimen perkauman yang menebal. Sentimen agama yang cuba memecahkan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk ini. Mereka ada agenda yang tersirat dengan izin *hidden agenda*. Ini mereka ada. Kita tahu siapa mereka. Muka-muka ni kadang-kadang ada wujud juga dalam Dewan ini. Kita tahu tapi tak apa perkara ini berlaku. Dengan pada masa yang sama Kajang ini kita dapat menyediakan satu platform kepada rakyat selepas setahun untuk mereka melepaskan pandangan mereka tentang kerajaan yang ada apa prestasi mereka untuk sebagai kayu pengukur. Dan sebagai referendum terhadap kenaikan barang, barangan yang begitu kuat sejak setahun yang lepas. Janji yang tidak ditepati. Janji yang dicapati dan sebagainya, rakyat dapat menzahirkan dalam undi. Ha, ini berkatnya langkah Kajang. Ini yang saya nak nyatakan. Seterusnya, saya nak teruskan Tuan Speaker dengan program-program yang Kerajaan Negeri laksanakan. Program khususnya, program kepedulian yang tinggi terhadap rakyat.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Sungai Panjang minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Mencelah juga.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Sekinchan sebut lagi tentang langkah Kajang ni. Saya nak penjelasan lagi apa maksud langkah Kajang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak perlu, tak perlu sebab-sebab Sungai Burong rehat. Tak bagi, saya teruskanlah, saya teruskan. Nanti ada peluang untuk berbahaslah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Berilah langkah Kajang. 7, 8 kali sebut langkah Kajang ni. Kita nak penjelasan langkah Kajang apa sebenarnya langkah Kajang?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukup, cukup, cukup. Nak juga? Nah bagilah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Tak, kita nak penjelasan daripada Sekinchan apa maksud 7, 8 kali sebut langkah Kajang, langkah Kajang, langkah Kajang ni? Jadi tak diberi penjelasan dengan sewajarnya. Jadi kita pohon penjelasan daripada Sekinchan apa maksud sebenarnya langkah Kajang ni?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Maksud langkah Kajang adalah satu strategi kita bagi rakyat menjalankan tugas mereka sebagai hakim negara di mana sistem kehakiman dan sebagainya sudah ada campur tangan dan sebagainya. Dan melalui langkah Kajang antara jawapannya, rakyat dapat menjadi hakim negara. Dan kemudiannya kita nak patahkan sentimen perkauman yang mereka api-apikan sejak 1 tahun yang lalu. Banyak lagilah kalau nak cerita saya rasa tak adillah nak cerita langkah Kajang dalam Dewan yang mulia ini. Setakat sepintas lalu. Sudah cukup. Kalau langkah itu cukup. Kalau Sungai Burong pernah langkah pun cukup. Saya kata dah cukup. Tuan Speaker, saya mohon izin.

TUAN SPEAKER: Ini, ini, ini ruang untuk Sekinchan membahas. Nanti saya bagi masa kepada Sungai Panjang untuk membahas. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, terima kasih Tuan Speaker yang bijaksana.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong. Teruskan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Berhubung dengan program kepedulian rakyat yang tinggi ya, khususnya rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri Selangor sejak 6 tahun yang lalu telah melaksanakan lebih 17 ya, 17 program agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor secara berperingkat sejak Jun 2008. Kejayaan tersebut membuktikan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor mampu mengurus tadbir Negeri Selangor dengan begitu cemerlang. Di samping itu rakyat merasakan mereka begitu disanjung dan dihargai tidak kira siapa mereka. Sama ada mereka peniaga kecil, sama ada mereka suri rumah tangga, sama ada mereka ibu tunggal, warga emas. Ini mereka dapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Program-program kebajikan di Selangor tiada batas perkauman yang paling penting. Sama ada, tak ada had *quater*, kuota tak ada, batas perkauman pun tak ada. Tidak kira mereka ini Melayu, Cina, India. Rakyat Negeri Selangor kita utamakan. Ha, ini prinsip Negeri Selangor yang kita laksanakan. Konsep pentadbiran model baru Pakatan Rakyat yang kita cadangkan. Tidak seperti ada sesetengah kerajaan khususnya bekas kerajaan dan sebagainya, mereka suka melaksanakan, melaksanakan dasar-dasar yang lebih mementingkan fahaman *assobiah*. Ha, ini penting. Ini tidak dapat dinafikan walaupun mereka tak suka dengar ayat seperti ini tapi terpaksa telan walaupun pahit.

Oleh yang demikian Tuan Speaker, saya berharap program yang cukup mesra rakyat seperti *Jom Shopping*, *Jom Shopping* yang saya pernah beberapa kali dalam Dewan ini saya bangkitkan yang mendapatkan sambutan yang cukup luar biasa. Rakyat bawah begitu terharu dengan *Jom Shopping* ini. Saya harap dapat diperhebatkan dan dapat diteruskan *Jom Shopping* ini. Saya harap kerana di kampung-kampung, di ceruk ataupun di pelosok kampung di bagan, di kampung tradisional, setiap kali saya turun padang mereka tanyakan 'bila giliran saya pula nak pergi *shopping*?' Ha, mereka begitu suka dengan program Kerajaan Negeri ini. Saya harap Kerajaan Negeri dapat ambil maklum perkara ini. Ha, kerana program kepedulian rakyat ini yang mendapat sambutan wajar diteruskan dan jangan dikurangkan. Tanpa mengira siapa mereka dan fahaman politik. Kalau mereka ini DAP, kalau mereka ini PAS, mereka ini UMNO tak kisah. Janji mereka menepati syarat kriteria wajar kita berikan keutamaan. Ini Kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor modus operandi yang kita laksanakan.

Seterusnya saya juga nak menyentuh, nak ucapkan tahniah dan syabas kepada UMNO dan Barisan Nasional kerana telah meluluskan GST di Parlimen semalam. Rakyat bakal menanggung derita, sengsara, angkara kerakusan UMNO Barisan Nasional. Saya bagi satu pantun dengan izin :

Rungo pasar tuku roti,
Roti dipangan karok kari,
Rakyat bakal terima GST,
Mala petaka bakal entene

Maksud rakyat sengsara itu hakikatnya. Apa nak kata bakal di laksana. Kerajaan BN mana janjinya? GST lagi menambah derita. Inilah GST, cukai-cukai telah dikenakan kepada rakyat di kampung-kampung. Ini bezanya Pakatan Rakyat dengan Barisan Nasional. Kita prihatin, kita jaga rakyat dengan program 17 program dan ditambah dengan berbagai-bagai program lagi. Tetapi mereka kenakan GST. Bukan Geng Songkok Tinggi tetapi GST cukai 6% yang akan dilaksanakan. Jadi seterusnya, saya teruskan dengan isu Tuan Speaker, isu air. Ha, penstrukturan air Negeri Selangor. Di mana saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana kita telah bergelut, kita telah bertemu, berdepan dengan Barisan Nasional. Bukan 1 hari, bukan 1 minggu, bukan 1 bulan, bukan 1 tahun. Lebih 6 tahun dalam isu air ni. Kenapa kita bangkit Pakatan Rakyat yang diamanahkan yang diberi mandat oleh rakyat Negeri Selangor, kita bangkit memperjuangkan isu air ini. Mudah sahaja sifirnya iaitu, apabila Pakatan Rakyat diberi mandat 2008 mengurus tadbir Negeri Selangor, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah mengkaji kontrak konsesi air Negeri Selangor. Dan apabila kajian dibuat, terkejut kita sebab terma-termannya berat, berat sebelah. Tidak adil. Tidak adil untuk rakyat, adil, bukan adil, mesra kepada kroni.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, ini saya nyatakan di sini. Sungai Panjang? Ok Sungai Panjang teruskan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan, ya Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Saya kira Sekinchan terlalu banyak sangat tuduhan yang melulu. Saya minta tolong bagi penjelasan apa terma-terma yang tidak adil itu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, ini bola tanggung ni. Terima kasih Sungai Panjang. Memang ini saya sabar mendengar apa yang saya hujahkan ini. Satu persatu akan faham bagaimana terma-terma yang tidak adil saya nampak dalam konteks ini. 4 konsesi yang kita nampak dalam konsesi air Negeri Selangor ini terdiri daripada pemegang konsesi air, Puncak Niaga Sdn. Bhd., dan dipegang 41.25% oleh Tan Sri Rozali dan kedua, Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor, SPLASH dan ketiga, Konsortium ABBAS Sdn. Bhd., yang keempat Syarikat Bekalan Air Selangor, SYABAS. 4 konsesi ini walaupun Selangor, Kerajaan Negeri Selangor melalui KDEB ada SYABAS ada memiliki sedikit saham dan juga di Konsortium ABBAS tetapi majoritinya konsesi ini adalah 1 konsesi yang di tandatangan pada ketika zaman Barisan Nasional. Dalam termannya, ini mula Sungai Panjang, kalau ikut perjanjian asal, takrif air ini akan dinaikkan dengan tidak munasabah. Pada tahun 2009 melalui terma yang dicatatkan, takrif ini akan dinaikkan 37%, 37% bayangkan 37 sekali kenaikan, tiga (3) tahun. Kemudian, belum cukup dengan itu, selepas tiga (3) tahun 2012, air akan dinaikkan, takrifnya berapa? 25. kemudian 2015, 25. Ha, begitulah kenaikan-kenaikan hinggalah 2030, 2030. 30 tahun konsesi kita. Dan bagaimana kalau air ini kita biarkan sedemikian pada 2030 ini, takrif ini lebih mahal saya kiranya kalau kita minum air minum minyak, minyak ron 95 mungkin lebih murah daripada minum air ketika itu.

Hari ini kalau kita biarkan Kerajaan Negeri Selangor yang diberi mandat oleh rakyat kalau kita biarkan perkara sedemikian rakyat akan sengsara.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, ini yang saya katakan terma-terma yang tidak adil sama sekali.

TUAN SPEAKER: Dengkil minta mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Sekinchan, pandangan Sekinchan tentang cadangan Kerajaan DAP Pulau Pinang ingin menaikkan takrif air sedangkan mereka mendapat air percuma daripada Kedah. Jadi adakah rasional untuk menaikkan air di Pulau Pinang? Pandangan peribadi Sekinchan sendiri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan seperjuangan, rakan bijaksana daripada Dengkil. Soal kenaikan takrif ini kita kena kaji tentang munasabahnya. Kita bukan kata tak boleh tetapi 37%, bayangkan. Ha itu kita kena kaji dengan keperluan semasa dan sebagainya. Tetapi itu yang saya nyatakan disini. Di Selangor, air *non renewable water*, air yang tidak terawat, yang hilang dalam perjanjian tidak boleh lebih daripada 30%. Tapi dia 37, 40% sampai hari ini air tu hilang begitu sahaja. Tidak ada perkhidmatan yang begitu baik tetapi nak naik harga takrif ini. Tidak boleh. Ha, ini perkara yang paling penting ingin saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, isu penstrukturan air ini penting untuk rakyat Negeri Selangor. Apabila kita dapat kembalikan hak air kepada rakyat ini, kita dapat susun dengan baik. Memastikan kelangsungan air ini dapat dinikmati oleh rakyat Negeri Selangor pada beberapa dekad yang akan datang. Ini cukup penting kerana isu air ini 6 tahun. Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh memilih jalan pintas, jalan mudah. Kita boleh akur, boleh *compromise*, boleh tunduk kepada tuntutan konsesi ataupun disokong penuh oleh Kerajaan Pusat. Boleh kita tunduk tetapi kita tidak mengambil langkah sedemikian kerana kita punya tanggung jawab yang dipikul untuk menjaga, mempertahankan hak rakyat. Ini lain kerajaan Negeri Selangor daripada kerajaan yang lain. Sungai Panjang?

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tunggu Speaker.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, ok

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tak, tapi Sekinchan juga sedar saya fikir, 4 konsesi ni Kerajaan Negeri turut mempunyai pemilikan kan? Tetapi dalam soalan ini seolah-olah pemilikan itu tidak dan kesalahan itu terus berterusan diletakkan kepada konsesi-konsesi ini saja. Jadi saya fikir sepanjang apa penjelasan yang diberikan oleh Sekinchan saya persoalkan di peringkat awal tadi apakah terma-terma sebenarnya yang dilihat tidak munasabah dan dalam masa yang sama 4 konsesi itu turut juga dimiliki oleh syarikat, oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, Sungai Panjang, saya telah nyatakan dalam perbahasan saya sebentar tadi mengatakan konsesi mana yang ada Selangor, Negeri Selangor mempunyai saham seperti di SYABAS dan juga di ABBAS. Itu saja

yang saya dah terangkan jadi saya tak perlu bagi jawapan, bagi respons lagi tentang kepada Sungai Panjang. Dan yang pentingnya dalam isu air ini kita tidak berganjak, tidak berganjak. Dan kenapa sering kali kita menemui jalan buntu. Tidak berjaya mengambil alih? Kerana Kerajaan Pusat mempertahankan, berdiri teguh di belakang konsesi ini. Ini penting dan pada ketika sebelum 2013, sebelum pilihan raya yang ke13 ini, pihak pembangkang Barisan Nasional begitu beria-ria, mereka seolah-olah, ho Selangor mereka dapat rampas dan mereka akan berjaya mempertahankan kroni mereka dan sebagainya. Ha, ini yang saya nak nyatakan tetapi rakyat Negeri Selangor, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh rakyat Negeri Selangor kerana begitu bijak, bijaksana memilih kerajaan yang terus mempertahankan hak rakyat iaitu Pakatan Rakyat pada pilihan raya ke 13 yang lalu dengan bukan sahaja menambah kerusi, memperkukuhkan 2/3 di dalam Dewan, 4/3 di dalam Dewan Negeri Selangor ini supaya harapan, cita-cita, impian, hasrat pembangkang khususnya Barisan Nasional untuk cuba menanggung di dalam air yang keruh untuk menggagalkan pengambilan air ini tidak berjaya. Ha, ini kebijaksanaan rakyat Negeri Selangor dan seperti apa yang saya tegaskan sekarang ini rundingan sudah sampai ke satu tahap yang menampakkan sinar harapan. Sinar harapan di mana sebelum ini MOU ditandatangani dengan pusat. Kita, saya setuju dalam konteks ini

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Sungai Panjang nak mencelah. Benarkah atau tidak?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi sekali lagi dah sebab Sungai Panjang dah

TUAN SPEAKER: Kali terakhir ya Sungai Panjang untuk mencelah

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Banyak kali dah. Bagi lah, bagi lah

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD: Tak Sungai Panjang, Sekinchan berterusan membuat tuduhan. Tuduhan yang disebut tadi adalah kroni kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi dalam masa yang sama juga 4 syarikat konsesi juga itu turut dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Jadi, saya minta Dewan yang mulia ini bukan praktis kepada Sekinchan untuk berterusan membuat tuduhan yang begitu kan? Dalam tempoh 6 tahun berapa banyak perundingan dan saya fikir akhirnya rakyat mendapat manfaat. Jadi saya sangat tak bersetuju kalau sekiranya Sekinchan berterusan membuat tuduhan-tuduhan yang melulu itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, Tuan Speaker, kalau Sungai Panjang tak setuju dengan apa yang saya hujahkan nanti apabila tiba masa perbahasan untuk Sungai Panjang, ha teruslah berbahas dengan fakta-fakta yang dia tidak setujulah. Jadi saya tidak mahu buang masa bertikam lidah dan terus berhujah dengan apa yang tidak disetujui oleh Sungai Panjang. Jadi dalam isu air ini, sekarang kita dah nampak peringkat akhir, sinar harapan, sinar baru di mana satu MOU telah kita tandatangan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kita harap

Kerajaan Negeri sentiasa bersedia, saya yakin sentiasa bersedia untuk kerjasama bersama Kerajaan Pusat. Isunya apa? Demi kepentingan rakyat. Ha, ini perkara pokok yang kita perjuangkan. Isu kepentingan rakyat tak ada masalah. Tapi dalam konteks air ini isu kepentingan rakyat. Jadi, kita mengadakan muzakarah atau perbincangan dan akhirnya MOU ditandatangani, dan sekarang walaupun tawaran kita RM9.65 bilion ditolak oleh 4 konsesi tetapi itu tidak menjadi masalah kerana kita ada akta. Akta yang sudah diluluskan di Parlimen 2006 iaitu WSIA. *Water of Service Industry Act* iaitu Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Kita ada akta tersebut dapat kita masuk dalam pengambilan konsesi ini. Di mana Menteri Tenaga dan Teknologi Hijau dan Air KeTTHA, Datuk Seri Maximus Ongkili, Ongkili maksud dia kiri, kanan dia tak onglah. Ongkili ini telah bersetuju dengan Kerajaan Negeri Selangor bahawa sekiranya konsesi tolak, mereka akan gunakan kuasa Kerajaan Pusat yang ada, menteri yang ada iaitu untuk masuk menggunakan Akta WSIA 2006 iaitu Akta 114. Ha, ini penting. Jadi apabila surat yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada sesi soal jawab pagi tadi di mana 4hb. yang lalu, surat daripada Menteri telah memberi komitmen bahawa penggunaan WSIA ini akan dilakukan. Maka kalau apabila penggunaan Akta WSIA ini maknanya konsesi suka tak suka mereka terpaksa akur. Dan akhirnya penyusunan ini dapat dilakukan.

Saya harap kita beri sokongan sebagai Ahli Dewan yang dipilih oleh rakyat yang punya tanggungjawab menjaga hak dan kebajikan rakyat sama ada daripada pihak kerajaan dan juga pembangkang. Kita jangan asyik berbahas seperti apa yang ditegaskan. Kita boleh bekerjasama khususnya dalam konteks isu-isu mengenai kepentingan dan hak kebajikan rakyat. Kita sokong memberi sokongan penuh sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri untuk menjayakan pengambilan air ini supaya hak rakyat dapat kita pertahankan. Ini isu yang cukup penting dan saya harap, kita doakan dalam masa terdekat kita dapat selesaikan isu air dan seterusnya pada masa yang akan datang kenaikan-kenaikan dan juga yang pentingnya, yang pentingnya program pemberian air percuma 20 meter padu dapat kita teruskan. Ini sangat diharap-harapkan oleh rakyat. Rakyat memandang, rakyat menunggu. Jangan terputus skim pemberian air percuma ini yang hanya Selangor saja buat setakat ini ya. Yang bagi air percuma. Negeri lain enggak mampu. Negeri Selangor. Ini berkatnya sebagai rakyat Negeri Selangor. Jadi saya harap, program pemberi air ini dapat diteruskan dan apabila penyusunan berjaya kalau keperluan untuk menyemak semula takrif jangan membebankan rakyat. Itu penting. Saya harap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat menerima mesej ini dan seterusnya, seterusnya cadangan-cadangan seperti memberi saham air kepada rakyat, rakyat juga sangat mengalu-alukan. Kita juga tunggu dan lihat perkembangan selanjutnya melalui episod-episod akan datang

Dan seterusnya Tuan Speaker. Saya nak jelaskan dalam konteks seterusnya isu yang saya nak sentuh tentang PBT, tentang Pihak Berkuasa Tempatan di mana saya telah memantau sejak beberapa tahun yang lalu di mana prestasi Pihak Berkuasa Tempatan sejak beberapa tahun yang lalu semakin menunjukkan

peningkatan khususnya dalam perkhidmatan kepada rakyat dan juga kutipan-kutipan hasil telah menunjukkan peningkatan. Ini rakyat sangat mengharap kerana PBT juga ada satu Pihak Berkuasa Tempatan yang terlalu dekat dengan rakyat. Setiap hari rakyat di bawah mereka sering mengadakan urusan, berbagai-bagai urusan perniagaan dan sebagainya adalah dengan PBT. Jadi dengan PBT lah apabila kita dapat memperbaiki perkhidmatan PBT dengan lebih baik sekali gus dia akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Negeri. Ini cukup penting. Oleh yang demikian saya juga menyanjung minat dengan, menarik minat dalam Dewan yang mulia ini tentang pelan tindakan lima (5) tahun yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Sungai Pinang untuk memperkasakan peranan PBT. Antaranya yang saya lihat termasuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga menyediakan 500 dalam 5 tahun akan datang lebih 500 padang cergas di seluruh PBT Negeri Selangor, 12 PBT. Sebagai contoh di Sekinchan, saya nak tegaskan dalam Dewan yang mulia ini telah disediakan 1 padang cergas di Taman Indah Sekinchan di mana berbagai peralatan sudah diusahakan dan dipasang peralatan bersenam dan sebagainya dan sekarang telah menjadi satu padang cukup cergas di mana pagi dan petang, pagi dan sore warga emas, penduduk taman mereka dapat beriadah di kawasan tersebut dan dapat memupuk hubungan kejiwaan dan hubungan kekeluargaan antara mereka. Inilah 1 tempat yang pihak PBT dapat menggunakan tempat-tempat tersebut untuk dijadikan tempat komuniti ataupun padang cergas untuk dijadikan 1 tempat mereka berkomunikasi, beriadah dan saya harap rakyat dapat juga memberi sokongan penuh agar menjaga peralatan-peralatan yang dipasang. Dan saya harap pada masa yang terdekat ini, padang-padang cergas ini dapat diperkemaskan di merata, di mana-mana ada keperluan. Inilah 1 konsep yang saya nampak mempunyai ciri-ciri yang baik, menjaga hak dan kebajikan rakyat.

Seterusnya, berhubung dengan masalah sampah. Saya nampak walaupun ada peningkatan, pembersihannya dan kutipannya dan sebagainya tetapi masih ada kelemahan di kawasan-kawasan tertentu tentang kutipan-kutipan sampah di mana Negeri Selangor ini satu bandar, 1 negeri metropolitan di mana Negeri Selangor ni penuh dengan pendatang-pendatang asing yang mencari nafkah hidup. Saya nampak sekali-sekali saya nampak mereka bagaimana pembersih-pembersih, petugas-petugas kita membersihkan sampah-sampah di PBT dan sebagainya di bandar dan di pekan. Tidak sampai setengah jam, kita nampak sampah-sampah sudah mula bertaburan dan nampak ramai muka-muka asing, muka-muka pekerja-pekerja asing, mereka membuang sampah dengan sesuka hati ini. Ini juga mendatangkan penyakit sosial. Menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada PBT. Saya harap soal pembersihan sampah ini, kutipan sampah dan sebagainya perlu diperkasakan. Dirujuk dan diperkasakan di semua PBT. Kita nak jadikan Selangor ni satu negeri yang bersih sesuai untuk dikunjungi dan diduduki selaras dengan konsep tersebut, seperti titah ucapan Duli Yang Maha Mulia pada hari semalam. Jadi saya harap soal sampah ini kita dapat pertingkatkan. Pertingkatkan dan kalau boleh undang-undang yang ada sekarang ini saya nampak contohnya di Sekinchan

ada orang suka pada sebelah petang mereka keluar dari taman mereka, dari rumah mereka walaupun rumah mereka ada tong sampah. Tapi mereka bawa sekotak, bawa sebungkus dan tengok kiri kanan, lepas tu pergi ke longkang besar, ke tepi jalan dan mereka campak sampah-sampah tersebut. Saya nampak termasuk suri rumah tangganya, yang tua, yang muda. Mereka suka lakukan aktiviti perangai sedemikian. Ini juga mendatangkan kesulitan kepada PBT untuk menjaga, memantau, mengawal selia permasalahan ini. Dan saya harap EXCO, PBT ya

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing minta mencelah

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN: Y.B. Sekinchan, mohon pandangan Sekinchan. Kenapa Pegawai PBT pada masa ni, hari ini tidak dapat membuat penguatkuasaan sebab undang-undang sudah ada untuk mencegah orang daripada buang sampah secara haram.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan saya yang bijaksana daripada Bukit Gasing. Soal pegawai-pegawai kita yang terlepas pandang ataupun kurang meneliti ataupun mengawal perkara ini kita ...saya harap pihak kerajaan dapat ambil maklum dan perkasakan ...pertingkatkan perkhidmatan pengawalan dan pemantauan supaya kita pastikan zon-zon yang bersih kita lakukan selama ini peruntukan kita salurkan dengan zon-zon bersih inizon bersih betul-betul zon bersihlah. Jangan zon bersih ketika EXCO turunjangan zon bersih ketika YDP turun.....jangan zon bersih ketika ketua masyarakat turun.....itu zon bersih...kemudian selepas mereka balik dua tiga hari zon bersih kekal seperti biasa. Itu tidak bersih itu tidak mahu. Kita tidak mahu perkara sedemikian hanya slogan ataupun hanya dengan zon-zon yang kita kategorikan tetapi secara hakikatnya dia tidak bersih. Jadikan kita pastikan semua bersih dan kemudiannya ada undang-undang kecil. Saya harap pihak PBT juga dapat meneliti mengkaji undang-undang baru termasuk apa yang saya nampak kita kalau saman lima puluh ringgit nak tangkap orang yang buang sampah susah kalau dengan akta-akta kecil yang ada sekarang ini. Saya harap kita dapat gubal undang-undang di Dewan yang mulia ini. Kerana Dewan yang mulia ini merupakan penggubal undang-undang yang tertinggi, kita boleh gubal undang-undang yang baru. Bagaimana kita nak menangani pembuang-pembuang sampah haram, sampah-sampah haram ini dapat kita cekup, dapat kita tangkap supaya ada pengajaran, supaya mereka tahu tidak melakukan kerja-kerja yang kurang kesedaran sivik ini. Kita selalu sanjung bagaimana luar negeri bagaimana Singapura mereka begitu bersih persekitaran mereka, kenapa kita tidak boleh. Sebab masing-masing kita kena tepuk dada tanya sendiri, tanya selera, bagaimana sumbangan kita. Setiap individu, setiap keluarga kita punya peranan termasuk kerajaan, termasuk pembangkang pun punya peranan. Kita dah jaga persekitaran bersih setiap rakyat punya tanggungjawab pastikan kebersihan. Jangan suka membuang sampah di sana sini dan juga menjadi orang yang suka membuang sampah ketika orang tak nampak dan sebungkus sampah dibuang di

merata tempat menjadi melonggokkan sampah-sampah haram. Ini yang saya menegaskan tentang isu-isu sampah dan kemudiannya dalam konteks

TUAN SPEAKER: Sekinchan, Bukit Gasing minta mencelah lagi

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: Kalau boleh....ok...sedia maklum undang-undang pada hari ini saman kalau buang sampah secara haram ini lima ratus ringgitseribu ringgit. Kalau ditangkap kalau dibandingkan dengan Singapura hanya tiga ratus dolar Singapura untuk membuang sampah di tempat awam . Jadi apa cadangan Sekinchan untuk meningkatkan undang-undang seperti yang dikatakan tadi.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing Sekinchan bukan EXCO Kerajaan

Y.B. TUAN RAJIV A/L RUSHYAKARAN: *I know...I know* tapi Sekinchan membawa cadangan untuk meningkatkan denda ...

TUAN SPEAKER: Sekinchan boleh nak jawab atau tidak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya rasa tak perlu jawab la ya....biar YB Bukit Gasing nanti dalam perbahasan boleh bawa jugalah perkara ini ya. Tapi dalam konteks kita sama-sama nak jaga kebersihan. Jangan kita Selangor negeri metropolitan kita maju peluang pekerjaan begitu banyak kedudukan *reserve* pun banyak tetapi persekitaran kurang bersih. Ini tidak selaras dengan imej kita. Kita nak sama-sama sekali....sama-sama lah kita gembungkan tenaga untuk perkara tersebut. Dan ada satu perkara yang saya rasa kerajaan selalu terlepas pandang khususnya pihak PBT di mana kutipan hasil taksiran hasil cukai lesen dan sebagainya merupakan *income* pendapatan utama PBT setiap PBT....dan *income*, *income* ini kita menggalakkan setiap tahun tanpa tunggakan-tunggakan cukai taksiran ini kita minta dengan iklannya, dengan benarnya, dengan buntingnya....bayarlah awal supaya tidak dikenakan denda lewat. Kita harapkan rakyat bayar secepat mungkin tepat pada masa tetapi apa yang berlaku ialah keadaan persekitaran apabila rakyat pergi ke pejabat, pergi ke Majlis Daerah Perbandaran dan sebagainya mereka tidak selesa. Apa yang mereka hadapi : 1) mungkin kaunter-kaunter dia banyak....sepuluh buka...tiga belas kaunter tapi kadang-kadang kita nampak kaunternya tidak separuh yang beroperasi dan ramai ada yang pergi *toilet* ada yang...macam-macam perkara yang berlaku. Jadi saya harap dalam perkara ini kita kena ubah suai, kita kena tambah baik supaya rakyat berurusan dengan PBT apabila nombor yang mereka ambil berapa lama satu giliran perlu tunggu, ada satu *time frame*, satu SOPini sebagai satu langkah penambah baik supaya PBT kita lebih efisien, lebih proaktif. Rakyat pun suka ke PBT rakyat suka ke Pejabat Tanah. Ini antara cadangan-cadangan pengesyoran saya kepada kerajaan. Dan seterusnya juga kita wajar menyediakan tempat-tempat *parking* yang cukup, tempat-tempat *parking* awam di Majlis, di Bandaraya dan sebagainya.

Kadang-kadang kita pergi ke kawasan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran rakyat nak bayar cukai datang dari pagi sesat sampai ke situ*parking* semua sesak....tunggu lama nak cari *parking* untuk bayar cukai. Jadi akhirnya rakyat pun hilang keinginan untuk membayar cukai kerana susahtempat *parking* awam tidak mencukupi. Ini mungkin terlepas pandang tapi saya harap perkara ini dapat di tambah baik. Saya bagi satu contoh...saya sering kali berada di Klang dan sebagainya melawat sini sana di PBT-PBT tertentu contohnya kita perlu menggalakkan rakyat suka berurusan mesra dengan PBT, pegawainya juga mesra bertanggungjawabproaktif....ini kita selalu menyeru pegawai-pegawai kita begitu laksanakan kerja dengan baik senyum selalu. Tetapi ada satu perkara lagi yang saya nak nyatakan dan mengesyorkan...ada satu perkara ya...di mana ada di MPK Majlis Perbandaran Klang di mana saya rasa sudah sampai masanya satu bangunan baru MPK Majlis Perbandaran Klang Bandar Diraja atau bandar Majlis Perbandaran Klang ini dinaiktaraf sebagai Bandar Dirajasebagai Bandar rayasebagai Bandar Raya bukan lagi bandaran lagi ...Bandar Raya selaras dengan kepadatan penduduk di kawasan jajahan Klang ini. Klang ini kalau parlimen.....saja parlimen Klang dengan parlimen Kapar....Parlimen Kapar merupakan penduduk pengundi yang paling ramai di seluruh Malaysia. Lebih 130, 000 orang itu satu parlimen begitu ramainya meningkat penduduk di kawasan daerah Klang dan Kapar ini. Jadi MPK ni sewajarnya boleh dinaiktaraf sebagai Bandar Raya dan seterusnya pentadbiran di MPK ni semakin proaktif saya nampak. Kerja-kerja begitu cepat tidak seperti dulu. Tetapi cuma saya nampak ada kelemahan iaitu bangunannya sudah tidak mencukupi. Bangunan jika kita pergi sudah penuh padat...dengan pejabatnya, dengan ruangnya yang tidak begitu mencukupi. Dan sekarang ni kadang kala ada rakyat yang merungut kepada saya bahawa mereka pergi berurusan dengan MPK kadang-kadang terpaksa pergi tiga tempat. Dia pergi ke pejabat ibu pejabatnya kemudian nak pergi ke ada saman nak bayar ke pejabat undang-undang di bangunan yang lain tempat yang berlainan pula. Kemudian nak pergi perancang tempat yang lain pula. Maknanya satu urusan kadang-kadang memakan masa sangat sampai tiga empat tempat dia pergi, tiga tempat, tiga pejabat berasingan. Sebab apa kita faham dan saya telah pantau memang bangunan dia tak cukup. Jadi sudah sampai masa Kerajaan Negeri Y.A.B. Dato' Menteri Besar memikirkan menaik taraf Majlis Perbandaran Klang ini kepada Bandar Raya dan seterusnya dirikan satu bangunan pejabat yang lebih besar supaya semua urusan boleh diadakan di dalam sebagai OSC *One Stop Centre*...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Sekinchan, saya masih ingat dah lama yang dahulu pernah ada satu cadangan bukan saja untuk menaik taraf MPK ini ke status Bandar Raya tapi juga untuk memecahkan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang kepada dua dan ini sebenarnya berlaku di peringkat ibu pejabat Daerah Klang. Dahulu Ibu Pejabat Daerah Klang satu sahaja sekarang ini telah di pecah kepada dua Kelang Utara dan Kelang Selatan. Jadi saya rasa juga sudah sampai masanya untuk kerajaan Negeri mempertimbangkan

pemecahan MPK kepada dua mungkin satunya Majlis Bandar Raya Klang dan satu lagi Majlis Perbandaran Kapar. Apakah pendapat Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kg. Tunku. Memang ada kesesuaian dan ada keperluan. Tapi itu kita biarkan pihak kerajaan kaji...buat kajian tentang keperluan tapi yang pentingnya naik taraf sebagai bandar raya saya rasa sudah sampai masa. Yang keduanya, pejabat yang baru, bangunan yang baru, pejabat yang baru memusatkan, mengumpulkan semua urusan dalam satu pejabat yang baru, ini saya rasa lebih terdesak ya, ada keperluan tersebut. Saya harap perkara ini dapat syor-syor seperti ini dapat diperhatikan dengan serius pada masa akan datang supaya kita dapat menjamin perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat di PBT dan akhirnya rakyat akan terus memberi sokongan padu kepada kerajaan negeri Pakatan Rakyat.

Dan seterusnya tuan speaker saya ingin menyentuh tentang permasalahan yang berlaku iaitu isu pelantar ikan ataupun jeti ikan di mana di Negeri Selangor ini peranan nelayan di negeri Selangor khususnya di persisiran pantai ini cukup penting. Di daerah Kuala Selangor, Daerah Sabak Bernam, di Tanjung Sepat, Bagan Hailam, Sungai Lima banyak bagan, banyak bagan-bagan perkampungan nelayan tradisi di situ termasuk ramai yang Melayunya...yang Cinanya...ramai..mereka sebagai nelayan tradisi dan nelayan pukut tunda dan akhir-akhir ini sejak tiga tahun yang lalu timbul satu isu yang berkaitan dengan rutin harian mereka aktiviti harian mereka sering terjejas iaitu kerajaan negeri telah membekukan semua permohonan TOL-TOL telah dibekukan dengan alasannya untuk menyemak, merangka satu dasar baru tentang tanah-tanah pemilikan sementara ini. Saya tiada masalah dengan kerajaan untuk menyemak semula memperkasakan sistem penjagaan tanah dan sebagainya tetapi susulan daripada pelaksanaan pembekuan TOL ini telah mendatangkan satu masalah sampingan kepada nelayan-nelayan di Bagan-bagan khususnya di Bagan Sekinchan, Bagan Sungai Besar, Bagan Tengkorak, Bagan Hainam dengan bagan-bagannya. Apa yang mereka hadapi iaitu perkampungan mereka, mereka mendirikan jeti-jeti ataupun pelantar-pelantar ikan di muara-muara sungai, bukan satu hari, bukan dua hari bertahun-tahun, lima puluh tahun tiga puluh tahun, ini merupakan satu tarikan kepada pelancong-pelancong ke bagan-bagan ini untuk membeli ikan-ikan yang segar dan nelayan memerlukan, memerlukan jeti memerlukan pelantar ini untuk menaikkan ikan-ikan hasil laut yang mereka tangkap setiap hari dan sekarang kita nampak sebelum ini tak ada pemantauan sebelum ini tak ada satu asas khusus untuk jeti ikan ini tetapi sejak tiga tahun yang lalu yang mana kita ada Lembaga Urus Air Selangor LUAS dan sebagainya kita sudah mengatakan semua *reserve* sungai ini tidak ada tidak dibenarkan untuk sebarang bangunan sebagai pencerobohan dan sebagainya. Tetapi permasalahan yang timbul sekarang Tuan speaker ialah jeti-jeti ini sudah ada di situ lima puluh tahun, tiga puluh tahun di situ dan ada yang sudah usang ada yang sudah rapuh dan mereka perlu ubah suai baru dengan kayu ataupun dengan konkrit kerana apa kerana sekarang kalau kita gunakan kayu untuk dirikan jeti-jeti tidak

ekonomi, tidak ekonomi tidak jimat kerana kayu-kayu juga mahal sekarang. Kita sedia maklum kayu mahal dan mereka gunakan konkrit tetapi oleh sebab dalam akta LUAS ini mereka tidak membenarkan sama sekali bukan sahaja jeti kayu dan termasuk dengan konkrit pun tidak benar. Jadi berlakulah pergelutan dalam tiga tahun ini. Isu ini sudah berpanjangan. Saya dah bangkit berkali-kali dalam Dewan ini tetapi perkara ini tidak diselesaikan secara baik oleh Kerajaan Negeri. Dan sekarang berlaku juga di mana di Sekinchan ada satu contoh...contoh ya....jetinya sudah dibuat ubah suai dengan konkrit dan oleh sebab ketiadaan TOL maka ini dikatakan haram dan haram tidak menepati undang-undang dan maka arahan demi arahan untuk meroboh dan sebagainya. Rayuan demi rayuan sudah dibuat dan pihak MTES EXCO pun pernah membincangkan isu termasuk PTG membincangkan isu tersebut dan dasar kerajaan, akan membuat satu garis panduan bagaimana untuk menjaga status jeti-jeti pelantar ikan ini. Untuk dikeluarkan satu garis panduan. Saya menyambut baik garis panduan dengan sistem metriknya untuk dilakukan oleh kerajaan ...inventori nya supaya kita tersusun tetapi dalam usaha kita dalam masa kita menyusun merangka dan sebagainya pada masa yang sama LUAS juga menggunakan kuasa sering kali masuk dan mengugut untuk roboh, Pejabat Tanah pun begitu...ugut untuk roboh dan telah berlaku beberapa insiden roboh dan termasuk di Sekinchan akan dirobuhkan juga jeti konkrit tersebut. Dan apa yang saya tidak puas hati amat dukacita kecewa dengan langkah LUAS ini di mana pada 4/2 iaitu lima hari dalam perayaan hari yang kelima perayaan Tahun Baru Cina Gong Xi Fa Chai ketika itu tahun Kuda ini tahun ini pihak LUAS begitu beria-ia telah membawa satu batalion satu pasukan datang ke Bagan Sekinchandatang ke Bagan Sekinchan. Datang ke Bagan Sekinchan masuk ke Bagan Sekinchan dengan jentolak dan sebagainya seolah-olah pemilik jeti bagan itu adalah penjenayah seperti Kalaimutu, Abu Sayap dan sebagainya. Kalau tak roboh hari ni pantang balik. Ha itulah yang dilakukan oleh LUAS. Dan saya di luar terima telefon saya keluar beratus orang keluar nelayan mereka marah dengan cara pelaksanaan LUAS ini. Bagaimana kita fikirkan, kita bayangkan hari raya yang kelima rakyat masih bagi angpau lagi, masih dalam keadaan sambutan hari raya. Pegawai penguat kuasa sudah melakukan kerja untuk nak roboh. Saya tiada masalah sekiranya ada arahan dari tegas kerajaan MTES terlebih dahulu mesti roboh jadi saya dimaklumkan jadi perkara ini saya terimalah. Kalau sudah buat satu arahan yang begitu jelas dan yang paling saya nampak tidak seronok ialah orang apilah dengan izin tidak seronok ialah saya selaku ADUN kawasan tersebut langsung pun tidak dimaklumkan, surat pun tidak ada, telefon tidak ada, masuk kampung saya nak roboh sejak bila kita amalkan budaya sedemikian budaya orang Melayu kita masyarakat Malaysia masuk orang kampung tegurlah sapa. Salamlah *sitik, khaber* ke salamlah Sungai Panjang pun faham, nampak Sungai Panjang pun lebih bertamadun dalam konteks ini. Saya pujilah Sungai Panjang, Saya puji tidak mahu bangun pula, pantang dipuji, silakan-silakan

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: LUAS ini agensi negeri saya difahamkan jadi sebenarnya kes itu juga berlaku di Sungai Panjang itu sebab saya bangun menyokong Sekinchan yang bijaksana.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas info tersebut Sungai Panjang ya perkara ini berlaku jadi orang kampung marah mereka kata takkan tidak boleh tunggu ini hari raya ini, hari raya ...cakap jawa *isyik jarok ngapura*. *Isyik* bermaaf-maafan antara satu sama lain, kenapa begitu terdesak ada bom ke ada *seafor* ke di jeti tersebut. Jadi saya harap perkara sedemikian patut diberi perhatian Yang Berhormat Dato Menteri Besar kena ambil sikap tegas arahkan pegawai supaya melakukan mana-mana tindakan penguatkuasaan dengan tindakan yang berhemah, bertamadun. Kalau ADUN datang kacau laporkan kepada Menteri Besar tiada masalah. Saya bukan ada kepentingan dalam jeti tersebut, tidak ada saya sebagai wakil rakyat, kita wajib mempertahankan hak rakyat, kalau rakyat ditindas dan sebagai wakil rakyat apa guna kita duduk sebagai wakil rakyat kalau kita tunduk, takut dengan perkara yang saya rasa tidak adil. Ini nak saya nak katakan jadi Tuan Speaker dalam konteks yang saya nak katakan Menteri Besar kena main peranan, EXCO kena main peranan bagi tahu supaya apa-apa tindakan itu kita lakukan dengan molek dengan baik, berhemah menggunakan kaedah bertamadun, kaedah bijaksana jangan lakukan dalam hari kelima hari raya kalau ini hari raya Aidilfitri, Thaipusam, Deepavali kita datang nak roboh tak marah ke rakyat. Sensitiviti tidak ada, saya bukan marah tapi geram dengan perangai pegawai-pegawai seperti ini. Jadi Tuan Speaker

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Tuan Speaker saya mencelah Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, Sungai Air Tawar, air yang tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Terima kasih Tuan Speaker perkara yang berlaku sebenarnya berlaku di DUN saya di Sungai Air Tawar iaitu di Ban Satu. Apa yang saya maklum daripada LUAS, dia telah memberi amaran setiap kali kepada pembina premis tetapi mereka ini degil dan akhirnya apabila saya tengok surat-surat dalam fail dia perobohan ini telah pun diluluskan oleh pihak EXCO, mesyuarat EXCO. Oleh itu sepatutnya pembina premis ini akurlah dengan arahan-arahan Kerajaan Negeri, oleh itu saya haraplah janganlah ditidakkkan peranan EXCO dan MB dalam hal ini. Sebab kita ada undang-undang, biar undang-undang itu praktikkan undang-undang biar semua dalam keadaan adil dan juga tenteram, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih atas input, info peringatan daripada Sungai Air Tawar, kerana Sungai Air Tawar prihatin dia ada juga bagan-bagan yang terlibat kita tahu apa masalah yang berlaku tapi yang pentingnya saya harap perbincangan itu penting kita nak adakan undang-undang baru respons, pendapat

daripada persatuan nelayan daripada nelayan-nelayan itu patut dipungut suara-suara daripada mereka, juga suara hati juga patut kita dengar. Jangan kita duduk di pejabat, jangan kita duduk di hawa dingin sahaja, cakap jawa ada pegawai kerja macam itu nak buat kerja dengan cara sedemikian tanpa memikirkan susahny rakyat nak cari makan, nak tangkap seorang ikan pun susahny sekarang. Ini kita kena tahu perkara yang berlaku, saya harap isu-isu pencerobohan seperti ini.

TUAN SPEAKER: Sekinchan Kota Damansara minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kota Damansara sila.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Tuan Speaker saya ingin penjelasan adakah ini menunjukkan ketidakprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan rakyat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kota Damansara. Ini bukan soal ketidak prihatinan, ini soal SOP, soal pelan tindakan, perancangan itu tidak tepat, ini bukan soal tidak prihatin. Saya yakin EXCO, Kerajaan dan Menteri Besar dia prihatin tetapi suka duduk dalam pejabat. Saya minta Menteri Besar banyak turun padang, jangan asyik duduk dekat pejabat hari-hari *meeting*, *meeting* lapan jam, sembilan jam banyak buat apa, *meeting* tetap dengan *meeting* tiada gunanya *meeting* terlalu banyak turun bawa ke padang dengar rintihan rakyat baru rakyat sedap. Ini baru nak kutip undi baru nak turun tidak boleh. Maafah saya tegur, kalau marah ini marah betul, sikap ini kena ubah jangan tidak ubah kita ada sesuatu kadang-kadang manusia ini ada kuasa dia lupa...cakap jawa lali dengan izin Sungai Burong lali itu lupa dia asyik sibuk dengan projek besar, jaga kebajikan lain dengan begitu besar asyik *meeting-meeting* banyaklah program turun padang barulah rakyat tahu. Rakyat nampak dan rakyat tahu suara rakyat didengar dan buat keputusan rakyat boleh terima. Dalam konteks penambahbaikan ini saya minta EXCO atau Menteri Besar, LUAS, PTGnya turun ke Sekinchan adakan satu dialog perjumpaan ringkas pantau semua jeti kita bincang secara baik muzakarah itukan lebih baik. Muzakarah Yang Berhormat Bangi ya perbincangan secara baik bermuzakarah, kita manusia beradab, bertamadun buat apa sekolah tinggi-tinggi sampai mana-mana buat apa pakar ekonomi tetapi tidak tahu berbincang ini saya harap perkara ini dapat diteruskan. Jadi Tuan Speaker saya harap. Kota Anggerik.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Nampaknya Sekinchan angin sangat tadi. Pernahkah Sekinchan mengatitkan program dialog antara LUAS dengan pihak nelayan? Adakah Sekinchan telah melihat bahawa pihak LUAS juga menghantar peringatan-peringatan kepada nelayan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Memang saya sudah aturkan saya sudah bagi surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga sesi kepada SUK, dan juga LUAS kepada EXCO juga yang bertanggungjawab untuk turun dengar dahulu rintihan mereka, keluhan mereka bagaimana nak menjaga di jeti-jeti ini, bagaimana kita ada modus operandi yang baru, dan macam-macam sekarang ada setengah pandangan daripada kerajaan menyatakan jeti itu kita tidak benarkan konkrit langsung tetapi apa yang saya baca tempat pendaratan ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia saya ada di salai ini menyatakan sekarang permintaan ikan-ikan negeri di Malaysia ini mereka nak beli bekalan daripada Malaysia tetapi mereka mahu mengutamakan *hygenic* kebersihan kayu-kayu pelantar yang kecil, yang tidak kemas kini tidak dibenarkan boleh konkrit dan sebagainya. Ini dalam rujukan ini ada tetapi ada di kalangan pegawai-pegawai kita begitu anti dengan konkrit mereka tidak tahan menengok konkrit. Jadi kita kena masuk rimba untuk tengok kayu. Ini yang berlaku sekarang ini, mereka tidak suka konkrit, tetapi ini banyak juga konkrit juga di depan ini, saya tidak tahulah perkara ini jadi kita harap perkara ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat supaya rakyat tidak runsing, tidak kluatir hidup dalam keadaan berwaspada setiap hari, takut di jeti mana, pelantar mana akan roboh. Saya juga harapkan kalau boleh supaya kita ambilah pendekatan yang mereka sudah 30 tahun. 50 tahun di situ kita carikan kawasan gazet sebagai kawasan peranginan, kalau pergi ke bagan tidak ada bau busuk ikan tidak jadi. Tidak menunjukkan identiti Bagan, bau sikit ikan masin, itu ada gayanya, itu ada stail, Sekinchan stail, kalau tidak faham asyik nak hawa dingin dan pewangi *chemical* ini tidak bagus, pewangi yang bau ikan masin elok saya rasa Tuan Speaker setuju dengan perkara ini. Selera sedikit, saya rasa EXCO Sabak pun tahu perkara ini di Sabak retilah bambu-bambu itu perkara ini dapat jawapan respons yang positif pada kerajaan negeri dan seterusnya. Tuan Speaker saya juga ingin mengutarakan isu seperti yang dijawab tadi rumah mampu milik itu isu rumah Selangorku ini saya nampak jawapan 18 ribu unit akan dibina *timeframe* ini masalah kita, Masalah kita perancangan kita besar tetapi tidak ada *timeframe*. Rakyat di bawah sekarang ini di Selangor pendapatan sederhana bawah rakyat yang lepas universiti anak-anak kita mereka tidak mampu beli rumah kerana kos rumah tinggi. Shah Alam cari rumah RM500,000.00 bukan senang nak dapat, Bangi tidak tahulah, Meru adalah tanah rizab, PJ tidak ada langsung. Jadi rakyat yang pendapatan RM2,500.00 lebih nak dirikan rumah tangga, nak kerja sewa rumah dan sebagainya bagaimana pendapatan kita nak beli rumah jadi Selangor kita prihatin bina rumah mampu milik. Saya sanjung, saya puji Kerajaan Negeri nak bina rumah mampu milik yang lepas kerajaan lulus RM100 juta untuk rumah mampu milik. Tapi persoalan sekarang ini pelaksanaan itu cakap jawa tindakan tidak begitu drastik, *nato* dengan izin jangan begitu perlaksanaan itu untuk rumah mampu milik. Saya harap tiga bulan ini berapa rumah boleh siap itu baru konkrit. Apalah itu pun tidak tahu. Jangan asyik persoalan sekarang sahaja.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sedikit Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan Semenyih, bukan Permatang minta maaf.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Semenyih sebelah. Sekinchan saya nak tanya sedikitlah EXCO beri jawapan rumah mampu milik jadi jumlah atau harga yang dijual nampaknya pada mata kasarnya rumah yang mampu miliklah tetapi memandangkan tanah milik kerajaan negeri yang mungkin tidak perlu bayar cukai bayar premium berbanding dengan pemaju swasta yang terpaksa membayar kos premium tanah boleh tak bersetuju dengan saya rumah itu jangan dikatakan rumah mampu milik jumlah itu direndahkan lagi kadar jualan itu kerana tidak ada kos tanah di situ. Mungkin Kerajaan Negeri kena berkorbanlah bagi premium yang dominan, bagi tanah yang percuma, rumah mampu milik ini dikatakan rendah dibandingkan kos yang dibentangkan oleh EXCO tadi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih daripada rakan bijaksana dari Permatang memang kalau boleh kita nak harga yang terendah untuk rakyat bukan senang, kita nampak Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan yang laksanakan PRIMA RM100,000.00 ke atas bukan senang. Kita memikirkan tetapi dalam konteks hasrat keinginan kerajaan untuk nak melaksanakan rumah mampu milik ini tiada masalah tetapi pelaksanaan itu yang kita pertikaikan. Dah masuk satu tahun dah lima tahun itu cepat, cakap jawa, sekejap sahaja sampai lima tahun kita nampak kita berapa sekurang-kurangnya tahun ketiga berapa sekurang-kurangnya, kurangnya rakyat nampak boleh masuk inilah sokongan kuat rakyat dapat rumah isu yang berlaku di Sekinchan di mana juga kekurangan rumah mampu milik, tanah juga kurang luar biasa di mana Sekinchan ini Sekinchan stail dia menjadi keselamatan makanan negara kitalah padi Sekinchan, beras Sekinchanlah antara rakyat makan tapi tanah kos yang lebih untuk rakyat sosial membina rumah-rumah

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sekinchan boleh sambung nanti ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sidang bersambung semula. Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sekinchan ingin teruskan. Kita sedia maklum walaupun kerajaan negeri Pakatan Rakyat sejak 6 tahun yang lalu telah memutuskan pelaksanaan dasar memelihara hutan simpanan dan memastikan kawasan hijau Negeri Selangor tidak kurang daripada 30% daripada keseluruhan keluasan Negeri Selangor. Lantaran itu kerajaan negeri mengarahkan semua aktiviti pembalakan tidak dibenarkan diberhentikan. Alasan kerajaan negeri ialah sudah tidak perlu bergantung kepada kutipan hasil daripada sektor pembalakan. Namun apa yang berlaku dewasa ini ialah masih terdapat kumpulan-kumpulan yang tertentu yang aktif menceroboh hutan simpan selain menjalankan aktiviti pembalakan secara haram malah ada kumpulan atau sedikit yang mencerobohi kawasan hutan simpan seperti di Sungai Karang, Hutan Simpan Sungai Karang, di Berjantai Bestari. Mereka ini berperanan sebagai orang tengah yang meneroka hutan simpan di samping membersihkan hutan termasuk membuka sistem saliran perparitan. Sebentar itu dibahagikan kepada keluasanya kepada 2 ekar hingga 5 ekar lalu tanah-tanah ini dijual kepada kumpulan-kumpulan penduduk-penduduk yang berminat untuk tanaman kelapa sawit. Saya dimaklumkan harga bagi setiap 1 ekar yang mereka dagangkan di pasaran gelap mencecah RM8,000.00 hingga RM10,000.00 Perkara sedemikian bukan baru tetapi gagal dikawal dan dicegah oleh Jabatan Perhutanan. Tambahan pula kegiatan peneroka dan pencerobohan hutan simpan paya gambut ini juga mengundang kesan sampingan termasuk pembakaran hutan yang berlaku baru-baru ini menyebabkan jerebu dan sebagainya yang tidak berkawal. Oleh yang demikian saya menyeru pihak kerajaan negeri memandang serius permasalahan ini kerana suatu hari nanti apabila pihak kerajaan sedar dan menjalankan operasi penguatkuasaan sudah pasti akan berlaku ramai rakyat yang datang mereka mengalami kerugian angkara tertipu dengan janji manis sindiket yang sering mendakwa mereka ini hubungan yang rapat dengan kerajaan negeri dan yakin dapat mempengaruhi kerajaan mengeluarkan TOL atau pun hak milik untuk mereka memberi tanah-tanah tersebut. Tuan Timbalan Speaker sudah sampai masa kerajaan harus bertindak segera demi kepentingan rakyat supaya isu di mana orang tengah dan sindiket yang mengaut keuntungan jutaan ringgit. Tetapi akhirnya kerajaan yang akan dipersalahkan kerana tidak menjalankan pemantauan. Pada masa yang sama saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berhubung dengan peranan Jabatan Perhutanan Negeri kalau sebelum ini mungkin peranan Jabatan Perhutanan Negeri mereka mungkin sibuk, memantau dan mengawal kerja-kerja pembalakan di sana sini kerana ketika itu kerajaan lama masing mengeluarkan permit pembalakan secara sah. Akan tetapi dalam tempoh 6 tahun ini sudah tiada sebarang permit pembalakan dikeluarkan. Maka kuranglah

kerja-kerja Jabatan Perhutanan seperti dahulu. Namun saya merasa hairan kenapa Jabatan Perhutanan tidak dapat memantau dan seterusnya mencegah aktiviti-aktiviti pencerobohan hutan simpan secara haram di hutan simpan Sungai Karang dan Berjantai Bestari, Bukit Tagar. Justeru itu saya mengesyorkan kerajaan negeri meneliti keperluan untuk membuat pemantauan yang lebih rapi atau pun mengesyorkan satu rombakan terhadap Jabatan Perhutanan ini supaya mereka ini lebih proaktif dan menambah penguatkuasaan pegawai-pegawai penguat kuasa di Jabatan Perhutanan. Kita tidak mahu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan. Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya tertarik dengan apa yang diujulkan oleh Sekinchan tadi berkenaan dengan penebangan kayu-kayu bakau di kawasan hutan simpan dan juga di kawasan pinggir pulau-pulau seperti yang disebutkan. Dalam persidangan yang lepas beberapa kali persidangan yang lepas kita sudah membangkitkan tentang isu penebangan pokok kayu bakau yang dibuat secara haram oleh sindiket-sindiket yang menasarkkan kawasan-kawasan terpencil. Jadi soalan saya ialah adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya kerajaan negeri membenarkan penerbangan pokok-pokok bakau ini dibuat secara plot. Kalau kita halang sekali pun kecurian kayu bakau ini tetap akan berlaku. Jadi apakah boleh kerajaan negeri keluarkan kawasan itu dalam tempoh 8 tahun atau 10 tahun dipecah-pecahkan setiap tahun satu plot. Jadi dalam tempoh yang sama selain daripada penerbangan yang sama secara sistematik kita juga dapat menggantikan pokok-pokok bakau yang potong ini secara sistematik. Jadi saya mohon pandangan Yang Berhormat kerana dalam persidangan yang lepas sudah beberapa kali kita minta tetapi nampaknya penerbangan secara haram ini masih lagi berlaku. Mohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan dari Sri Muda yang sentiasa muda. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ya memang saya bersetuju sungguh apa yang dinyatakan yang diingatkan oleh Yang Berhormat Sri Muda tentang penebangan pokok-pokok kayu bakau secara haram pencerobohan hutan-hutan ini saban hari berlaku dan dasar kita ialah tidak membenarkan langsung penerbangan secara sah dan pada masa yang sama kita harus ingat walaupun kita melarang sama sekali tanpa penguatkuasaan daripada Jabatan Perhutanan tetap ada penebangan tetap ada pencerobohan. Apakah boleh kerajaan negeri perhatikan pertimbangkan supaya dibenarkan seperti cadangan Yang Berhormat Sri Muda dibenarkan satu plot satu komponen tertentu setiap tahun dibenarkan untuk penebangan supaya hasil kerajaan negeri dapat dan kita dapat mengawal hasil hutan ini seperti pokok kayu bakau dan sebagainya dapat dijadikan memajukan industri hiliran dan memerlukan bahan-bahan tersebut. Jangan kita ada satu sindrom saya nampak kerajaan yang ada sekarang kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Y.A.B. Tan Sri ini ada satu sindrom suka mengharamkan di sana sini suka membekukan suka beku suka harap ini satu sindrom. Sindrom ini sudah menjadi-jadi

semakin menjadi-jadi. Saya rasa kita perlu memberi sedikit ubat supaya mereka kembali sedar tentang perkara ini. Apa yang saya cadangkan hutan juga seperti pencerobohan hutan-hutan Sungai Karang dan sebagainya kalau boleh satu ketika saya pernah mencadangkan satu sistem baru iaitu sistem satelit dibenarkan secara bergilir-gilir. Di mana hutan ini kita pastikan satu kompartmen sahaja kita teroka setiap tahun hasilnya dapat dimanfaatkan. Tetapi kerajaan kata tidak boleh kerana untuk menjaga alam sekitar ini adalah tanggungjawab daripada pihak kerajaan. Tetapi isunya peneroka haram enggak bisa diselesaikan. Jadi saya minta Jabatan Perhutanan bertindak proaktif melakukan kerja dengan baik kalau tidak cukup anggota buat kertas kerja tambah anggota kerja yang boleh supaya tiada alasan setiap kali dibangkitkan tiada pegawai penguatkuasaan kalau begitu kita bubarkan Jabatan Perhutanan itu cadangan saya. Dan kalau pihak kerajaan Jabatan Perhutanan sudah kerja kuat tapi oleh sebab arahan daripada Menteri Besar dan juga sampai dan menyebabkan mereka sukar melakukan kerja kita juga memantau, kita juga semak ADN-ADN beri mesej pada kerajaan negeri bahawa kerja yang dilakukan seperti dasar-dasar ini termasuk memberhentikan sumber pembalakan tidak betul dan dirujuk semula dan di *renew* semula supaya proaktif dijalankan. Ini dalam konteks Jabatan Perhutanan dan juga isu penerokaan tanah-tanah haram seperti berlaku di Sungai Karang, Bestari Jaya Bukit Tagar. Dan isu ini bukan baru saya dengar di sana sini orang beli 10 ekar 20 ekar tanam kelapa sawit. Tapi kerajaan seolah-olah tidak maklum perkara tersebut. Ini yang menjadi masalah menjadi-jadi sehingga sekarang ini. Dan seterusnya Tuan Timbalan Speaker saya juga ingin membangkitkan isu berkaitan dengan tanah dalam tempoh 5 tahun yang lalu beberapa saya membangkitkan isu tentang status tanah di Kampung Bagan Nakhoda Omar di Sabak Bernam. Di mana perkampungan nelayan tersebut sudah menduduki tanah tersebut sejak 50 tahun yang lalu dan tanah tersebut statusnya rizab Melayu. Tetapi atasnya penghuni masyarakat nelayan cina ini yang berlaku dan Y.A.B. Menteri Besar maklum perkara ini berkali-kali dalam Dewan berjanji membantu untuk menguruskan mencari satu tapak baru untuk tukar status tanah rizab ini supaya tiada kerugian untuk rizab tanah saya setuju tanah rizab Melayu kita mempertahankan kita cari tanah lain untuk ganti tapi kita kena selesaikan masalah setiap kali datang ke Dewan kita bangkit soalan dia jawapan dengan jawapan biasa. Jawab dengan jawapan akhirnya tiada tindakan tiada *follow up*. Undi kiri kanan Menteri Besar tidak mencatat kadang-kadang tiada catit langsung perkara ini dan mereka tiada mengambil maklum kalau mengambil maklum tak kan 5 tahun masih tidak bergerak di situ. Ini saya hendak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi sistem yang kita amalkan selama ini kalau ada kelemahan ubahlah ubahlah kelemahan jangan ada kelemahan biarkan kelemahan itu terus berlaku persidangan akan datang Sekinchan datang ke Dewan bangkit isu yang sama *ngomong* isu yang sama tiada selesai masalah itu. Sampai bila sampai *kapar* perkara ini hendak diselesaikan. Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Sekinchan. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya amat bersetuju menyokong apa yang disebut oleh

Sekinchan berhubung dengan beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan dalam Dewan ini dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Dan saya yang juga hendak menyatakan bahawa bukan setakat yang disebut oleh Sekinchan termasuk juga di kawasan saya pun di Sri Muda isu banjir isu pasar yang tidak selesai dah beberapa kali 6 / 7 tahun. Jadi apakah Yang Berhormat rasa dengan keadaan yang berlaku ini kita perlu mendesak kerajaan negeri untuk melaksanakan atau pun mengambil keputusan yang lain maknanya kalau mereka merasa boleh buat mereka kena teruskan tetapi kalau mereka tidak mampu untuk buat maka mereka mungkin boleh fikir untuk dapatkan orang lain yang lebih bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan saya daripada Sri Muda. Memang kita sebagai wakil rakyat sebagai Ahli Dewan yang mulia ini kita bertanggungjawab terhadap mandat yang diberikan oleh rakyat. Kita sentiasa datang ke Dewan bukan berseronok, berhibur dan makan minum. Kita datang ke Dewan untuk meluluskan bajet peruntukan bagi projek pembangunan setahun rakyat Negeri Selangor dan kita datang ke Dewan menyatakan pandangan cadangan permasalahan kepada kerajaan yang ada untuk selesaikan demi kesejahteraan rakyat ini peranan kita. Jangan pihak kerajaan asyik memandangi ADN-ADN yang membangkitkan isu adalah *busy body* hanya suka bercakap atau mencari peluang untuk *ngomong* tetapi alasannya tidak kukuh. Apa yang kita ketengahkan isu itu alasan yang kukuh bantulah kami untuk selesaikan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan saya bukan hendak ganggu atau hendak ngomong. Tetapi hendak tanya berapa lama lagi Sekinchan hendak bercakap.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Sungai Panjang hendak mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 15 setakat 15 minit. Ok

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Maksud saya kita datang ke Dewan menyatakan masalah rakyat untuk didengar bukan kita dengar hari ini kita tinggalkan sahaja. Masuk kira keluar kanan. Kalau macam itu tiada gunanya kita bangkitkan masalah tak payah slot perbahasan, luluskan semua, luluskan saja, itu saja senang. Kenapa demokrasi ini ada *check and balance* dan perlu ada cadangan?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ada nak mencelah Sekinchan, ada orang nak? Ya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sungai Panjang? Minat betul. Ok.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Tuan Speaker, Keluhan Sekinchan itu sebenarnya menyedihkan saya. Jadi adakah Sekinchan nak sebut bahawa Kerajaan Negeri yang sedia ada ini gagal dalam menyelesaikan masalah?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Sungai Panjang. Sungai Panjang jangan nak jolok. Masalahnya saya ADUN yang bertanggungjawab kita bangkitkan kelemahan yang apa kelebihan kita terlalu banyak, terlalu banyak jadi kadang kala kita perlu bangkit untuk nyatakan kelemahan kita supaya diperbaiki. Kita tak macam pembangkang, datang bawa isu yang kadang-kadang dah lapuk, yang kitar semula yang hari-hari soal manifesto. Ini cerita yang 6 tahun tak habis-habis, itu tunggal dengan protesnya, demonya. Sudahlah, cukup, cukup sudah. Cukup la bagi pembangkang. Kita nyatakan yang benar di dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun saya daripada pihak Kerajaan, saya punya tanggungjawab dan saya yakin pihak Kerajaan tidak punya masalah. Mana kelemahan yang ada kita baiki supaya kerajaan Pakatan Rakyat nampak lebih pro aktif, lebih dinamik dan menjalankan agenda reformasi untuk rakyat. Ini harapan daripada seluruh wakil rakyat daripada Kerajaan dan seterusnya saya nak nyatakan tentang isu tanah yang saya dah bangkitkan selain daripada isu yang saya dah bangkitkan tentang Noh Omar. Saya harap ada satu *task force*. Selepas isu ini dibangkit, ambil lah tindakan, EXCO mana EXCO yang soal ini EXCO Yang Amat Berhormat Menteri Besar la. Tubuhkan satu Jawatankuasa, pastikan dalam satu tahun mesti ada satu keputusan yang konkrit dan kemudiannya bolehkah kita lakukan. Kalau tak boleh beritahu kepada rakyat, memang tak boleh lakukan, selesai masalah. Kalau boleh kita buat, satu tahun selesai masalah teknikal, tahun kemudian untuk cari kelulusan. Begitu la caranya, itu pun tak faham. Dan seterusnya saya juga nak nyatakan tentang satu lagi tanah yang saya bangkitkan di Sekinchan sejak 6 tahun yang lalu. Di kampung saya Sekinchan ada 160 lebih keluarga, ada sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina dan muridnya semakin hari semakin merudum bilangannya kerana ramai yang pindah keluar kerana kampung tersebut kampung saya, kampung baru saya ini lebih jauh daripada pekan Sekinchan, 5 kilometer. Jadi ramai yang pindah kerana tiada ada rumah, anak-anak muda sekarang mendirikan rumah tangga mereka jarang duduk dengan ibu bapa, jadi mereka perlukan rumah di situ dan perkara ini bukan baru, 5 tahun 6 tahun yang lepas saya dah bangkitkan, dah bagi surat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk bantu dan ada sekeping tanah 4 ekar yang kita dah kenal pasti boleh dibina rumah, tak perlu banyak la 80 biji pun jadi supaya pemuda di situ dapat beli rumah dan anak-anak dapat kita elakkan daripada mereka berhijrah ke tempat yang lain. Ini yang tujuan kita supaya dan sudah ada pembeli-pembeli yang ingin membeli rumah di situ dan sebelum ini dikatakan ada masalah kekangan tanah dan Menteri Besar memaklumkan pihak, mengarahkan Pejabat Tanah mengadakan *Public Hearing*, Pendengaran Awam, ok kita adakan Pendengaran Awam. Saya turun, Pejabat Tanah turun, rakyat datang, bagi pandangan, 98% sokong, sokong seluruhnya cuma 2% tak sokong. Akhirnya majoriti sokong dan *Public Hearing* ditinggalkan di situ kemudiannya ditolak dengan

berbagai-bagai alasan. Sampai hari ini rakyat di kawasan tersebut tanya saya mana rumah yang nak dibina, kita nak beli, duit pun dah tunggu tapi rumah tak ada. Ini masalahnya yang tak ada satu sistem di mana ada isu yang dibangkitkan kita kena perhatikan, kena *check* setiap 3 bulan, setiap 6 bulan, semak apa isu yang berbangkit di Sekinchan, apa isu yang berbangkit di Sungai Burong, apa isu yang berbangkit di Sri Muda, apa isu yang berbangkit di Bukit Lanjan, Meru, begitu lah caranya, kalau Sekinchan semua dah pandai tak perlulah duduk sini. Jadi kita perlu la cara sedemikian untuk mengendalikan semua isu yang berbangkit di dalam Dewan dan tanah ini sampai hari ini kita minta adakan JV ke dan sebagainya untuk kebenaran membina rumah sampai hari ni tak ada respons seolah-olah tak percaya siapa pun, tak percaya lah, ADUN tak percaya, EXCO tak percaya semua tak percaya la, jadi nak percaya siapa? Ayah Pin? Saya pun tak tahu hairan betul. Hari ini saya harap perkara ini dapat diambil maklum jangan ambil dan maklum sahaja lepas itu berhenti di situ. Kemudian isu tentang permohonan membina rumah mampu milik di Sekinchan yang mana jawapan daripada Yang Berhormat EXCO tadi mengatakan ada kekangan masalah tanah lapang di situ. Ya, saya faham kalau masalah tanah tak ada langsung masalah tanah tak perlu lah saya bawa sampai ke Dewan. Dan permasalahan itu berlaku sepatutnya kita tubuhkan satu *task force* turun bagaimana boleh buat *Public Hearing*, bagaimana boleh bantu kawasan tersebut dan matlamat kita iaitu membina rumah Selangorku kepada rakyat. Itu sahaja. Kekangan tanah undang-undang manusia yang gubal, manusia yang buat. Kalau 100% tak boleh baru kita maklumkan 100% tak boleh lakukan tetapi tidak. Kita maklum kadang-kadang kakitangan Kerajaan dia faham, dia ikut akta, oh ini tak oleh, kena macam ni, tak ada arahan daripada atas, jadi tak boleh, tolak la. Maklum la, kita maklum. Kakitangan kerajaan dia ikut akta tapi sebagai Ketua Kerajaan, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita punya pandangan dan punya kuasa untuk melakukan. Ya memang ada setengah orang mengatakan tanah lapang jangan diusik nanti timbul macam-macam masalah. Ya saya Tuan Timbalan Speaker, saya setuju tanah lapang jangan diusik tapi kalau tanah lapang itu tak ada tanah, tanah lapang itu digunakan untuk kepentingan rakyat, buat rumah untuk rakyat, rumah mampu milik untuk rakyat saya yakin kita boleh fikirkan. Kalau tempat itu nak buat projek untuk ADUN, itu tak boleh. Ini yang saya....saya maklumkan di sini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 2 minit lagi ya. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya maklumkan di sini tentang perkara-perkara tersebut. Jadi saya nampak ada suatu perkara yang wujud di sini di dalam sistem pentadbiran kita yang kita perlu perbaiki iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dia suka suatu perkara iaitu memusatkan kuasa, kuasa itu ditumpukan kepada satu sahaja, EXCO tidak diberi peranan. Saya nampak kadang-kadang EXCO tak tau apa-apa nak buat, setengah EXCO la bukan semua, tak tau apa nak buat sebab semua kuasa ada di tangan Menteri Besar, dia tak percaya pada EXCO, tak percaya pada ADUN, jadi *kadadewek* (Bahasa Jawa), dia buat sendiri. Maaf la

petang ini saya kena cakap benda ini. Sebab saya tegur, saya nak ubah, saya nak ubah supaya kita boleh bagi kerja kepada EXCO, agih-agihkan. Ini *management*, kalau *management* macam ini pun tak pandai macam mana? Jadi kita kena bagi kerja kepada Sijangkang, bagi kerja pada Sabak, Sungai Pinang, Sri Kembangan, bagi kerja supaya mereka dalam setengah tahun bagi laporan. Ini yang saya minta, jangan jadi *one man show*. Penyakit kita *one man show*. Jangan, jangan, jangan. Jangan *one man show*. Ini kerajaan Pakatan Rakyat yang dipilih oleh rakyat seluruh rakyat bukan *one man show*. Dan seterusnya, oleh kerana masa...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *One minute* lagi ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekejap ya, pencerahan sikit ya mencemburui saya. Saya juga ingin nyatakan soal isu tanah dan saya dengar baru-baru ni UMNO ya cuba mereka menanggung di air yang keruh, menyerang di luar dengan berbagai-bagai *statement* kononnya Selangor tak jujur di dalam transaksi tanah dan sebagainya. Ahli Parlimennya cuba nak serang dan sebagainya. Saya kata dalam isu tanah UMNO tak ada modal *authority* langsung wibawa dalam isu soal tanah, pertikaian Pakatan Rakyat soal tanah sebab saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini UMNO dulu pernah dan Barisan Nasional pernah Sapu Tanah 1 Malaysia (SAT1M), skandal Sapu Tanah 1 Malaysia, 24 keping diagihkan kepada UMNO, MCA, MIC, Gerakan yang tak bergerak, RM1.00 satu kaki persegi. Sampai sekarang mereka tak boleh jawab, ada yang kata nak bina tadika untuk rakyat, ada yang nak bina untuk dewan orang ramai. Saya bagi satu contoh petang ini sebelum penutup. Ini ada satu gambar besar, tanah ini asalnya tanah rakyat yang dibahagikan kepada siapa? Ha, dia bahagikan kepada siapa? Kepada UMNO Sungai Besar. Sungai Panjang tentu tahu. UMNO Sungai Besar dan sekarang dibina bangunan sebegitu besar di atas tanah tersebut. Ini tanah lulus RM 1 satu kaki dan kita bandingkan ini Majlis Daerah yang kecil, sebelah dia Majlis Daerah Sabak Bernam, kecil, Majlis Daerah Sabak Bernam, UMNO yang sapu tanah kita, tak sapu tanah rakyat lebih besar bangunan dia. *Gedi ne*. Ini lah skandal Sapu Tanah 1 Malaysia. Sungai Panjang tentu tahu, ini lah perkaranya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, Sri Muda nak mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ah, sekejap.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Sekinchan. Saya tertarik dengan pendedahan yang terbaru, sebenarnya yang diulang semula oleh Sekinchan. Soalan saya ialah apakah dengan timbulnya isu yang kononnya dikaitkan dengan kerajaan Pakatan Rakyat ini pembangkang sepatutnya fokus mereka tidak lagi sepatutnya mereka diberikan ruang seluas-luasnya untuk menjawab segala tuduhan yang dibuat oleh Sekinchan sejak sekian lama daripada menyibukkan diri untuk mengambil tahu soal tanah yang baru-baru ini dijadikan isu. Jadi komen daripada Sekinchan. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sebab, terima kasih Sri Muda. Memang mereka sampai hari ini tidak dapat jawab dan mereka hanya kata mereka nak bina tadika dan dewan orang ramai tapi saya tak nampak satu tadika, satu dewan orang ramai. Ini lah bangunan besar, Sungai Besar. Mana Majlis Daerah pun kalah kerana tanah kurnia RM1 satu kaki, Sapu Tanah 1 Malaysia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya simpulkan Yang Berhormat...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi, contoh, contoh Yang Berhormat, jadi akhirnya sebagai rumusan menjunjung kasih, usul Menjunjung Kasih di dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor, saya sekali lagi meminta kerajaan negeri terus berusaha keras membantu rakyat melaksanakan projek-projek pembangunan dan juga agenda Merakyatkan Ekonomi, supaya rakyat di bawah mendapat nikmat dan kesejahteraan yang lebih dan kelemahan yang itu yang saya tegur tadi semuanya dari *A to Z*, *one man show* dan sebagainya tidak percaya ADUN, tidak percaya EXCO, sikap sedemikian dapat diubah sedikit demi sedikit supaya kerajaan kita dapat disanjung terus dapat disokong oleh rakyat pada masa seterusnya. Ini lah harapan saya dan mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Tuan Speaker, Bangi menyokong usul menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan kelmarin dan mohon untuk menyambung dengan perbahasan menyokong ini.

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah (Bahasa Arab). Tuan Speaker, pimpinan kerajaan negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan semua hadirin yang hadir di dalam Dewan yang mulia ini. Saya amat berbangga dengan titah ucapan Tuanku kelmarin yang menyebut tentang hak Tuanku memberikan pandangan dan nasihat kepada Dato' Menteri Besar dan kerajaan negeri bagi memastikan kerajaan negeri yang dianggap sebagai metropolitan termaju di Malaysia ini kerana Tuanku sendiri telah menurunkan tangannya sendiri untuk melihat dengan begitu dekat akan perjalanan negeri ini supaya dia benar-benar menjadi sebuah negeri yang dipanggil sebagai *baidatul toyibatuon*. Tuan Speaker, kerajaan negeri telah membentangkan bajet tambahan yang bertujuan untuk menjadikan Negeri Selangor sebuah negeri yang lebih makmur dan sebuah negeri yang amat gemar diduduki oleh semua pihak sama ada warga Selangor sendiri, warga Malaysia sendiri ataupun bukan warga Malaysia kerana Selangor dilihat sebagai sebuah negeri yang menyediakan tempat yang selesa untuk semua pihak. Kita bersyukur kerana kita mempunyai pimpinan negeri yang baik yang tahu akan tanggungjawab mereka dan menjaga amanah-amanah yang diberikan kepada mereka walaupun di sana sini ada teguran-teguran yang kadang-kadang menghiriskan jiwa dan perasaan tetapi itu adalah sebahagian daripada

check and balance dengan izin pengimbangan supaya negeri berjaya dengan tadbir urus yang baik. Tuan Speaker, saya mulakan dengan satu kisah mengenai Nabi Allah Yusuf a.s. yang dipanggil oleh Raja Al-Malek Al Aziz setelah begitu lama dipenjara oleh Raja itu sendiri kerana termakan dengan fitnah dan tohmahan yang diberikan oleh rakyat dan pihak istananya sendiri sehingga Nabi Allah Yusuf a.s. dipenjara begitu lama. Namun, akhirnya hakikat kebenaran itu terpacul jua dan Al Malek Abdul Aziz memanggil Nabi Allah Yusuf datang menghampirinya. Allah SWT menyebut (Dibacakan Ayat Al-Quran Surat Yusuf 54-55). Berkatalah Al-Malek Abdul Aziz *“bawalah dia kepadaku ya Yusuf untuk aku jadikan dia teman, untuk aku berbicara”*, dan setelah Al Malek berbicara dengan Yusuf, berkatalah Al Malek (raja) *“mulai pada hari ini aku berikan kamu kedudukan untuk mendampingiku dan membawa bersama aku menguruskan negeri ini”*. Maka berkata Yusuf a.s. *“jadikanlah aku bendahara (penjaga) bendahari negeri (kewangan negeri) kerana aku seorang yang baik, pandai dan boleh memelihara.”*

Tuan Speaker,

Apa yang penting dalam ayat ini adalah tentang kenyataan Nabi Allah Yusuf a.s. iaitu *“Aku ini seorang yang boleh mengurus kerana aku amanah dan aku bijak.”* Dan amanah Nabi Allah Yusuf a.s. ini ditunjukkan dalam sejarah kehidupannya sehingga diberikan kepercayaan oleh raja ini. Apakah amanahnya? Amanah ini walaupun ditohmah begitu rupa sehingga dipenjara, amanahnya sangat jelas iaitu menjaga amanah yang diberikan oleh raja ketika mana raja itu ke luar negara meninggalkan Nabi Allah Yusuf dalam istana dengan isterinya sahaja yang cantik molek, yang kaya raya negeri itu. Tapi kerana amanah, Nabi Allah Yusuf a.s. dijaganya, tak dirompaknya duit istana, tak dirompaknya harta negara, dijaga dengan baik, tak diberikan untuk anak beranaknya atau konco-konconya. Dijaga dengan baik. Malah, isteri raja itu yang cantik molek itu pun tidak dinodainya atau mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.

Atas sejarah itulah maka Nabi Allah Yusuf a.s. diberikan kepercayaan untuk mentadbir negeri yang besar ketika itu di negeri Mesir dan atas kepercayaan itu jugalah maka Nabi Allah Yusuf berjaya mengemudi negerinya itu sehingga menjadi negeri yang terbaik pada ketika itu. Apa kuncinya? Kuncinya adalah sebuah kerajaan yang *hafizun alim* (penjaga yang baik dan bijaksana). Dan kita mahu supaya sebuah negeri harus ada pemimpin yang *hafiz* (orang yang sentiasa menjaga hak rakyat, kepentingan rakyat) dan bukan setakat itu (raja itu / pemimpin itu) mesti tahu apa yang dia buat. Bukannya tangkap muat atau diambil sahaja untuk kepentingan politik tertentu, maka diletakkan sebagai pemerintah negeri.

Oleh kerana itu, saya percaya rakyat Selangor sangat bergembira dengan keadaan pimpinan yang pada hari ini. Sebab itu undi yang diberikan untuk penggal kedua untuk Pakatan Rakyat bukan kerana sekadar tidak suka kepada UMNO dan Barisan Nasional (mereka menolak UMNO dan Barisan Nasional), tetapi mereka juga

percaya atas kemampuan negeri untuk membawa negeri ini (negeri yang termaju) dan selesa diduduki.

Tuan Speaker,

Setelah diberikan kuasa oleh rakyat (mandat oleh rakyat), maka apakah panduan yang harus kita pegang? Saya nak bawa satu firman Allah SWT. kepada kita yang sedang menjaga negeri ini. Allah SWT menyebut (Dibacakan: Ayat Al-Quran Surah Al-Hajj (ayat 41).

Tuan Speaker,

Izinkan saya mengambil peluang perbahasan ini untuk menjelaskan lima perkara / lima prinsip bagi sebuah kerajaan yang baik yang akan seterusnya diberikan mandat oleh rakyat untuk penggal-penggal yang berikutnya dengan izin Allah SWT. Yang pertama Allah SWT menyebut “mereka yang diberikan kedudukan di muka bumi ini yang pertama hendaklah mereka mendirikan solat”. Mendirikan solat Tuan Speaker bermaksud tahu akan tanggungjawabnya sebagai seorang hamba yang menjaga khazanah dunia ini bukan untuk dirinya tetapi untuk seluruh rakyat yang bernaung di bawahnya dan mesti menjadikan satu panduan yakni Allah SWT sebagai tempat rujukan, tempat pengawasan dan tahu akan dosa dan pahala. Mereka harus tahu bahawa kerja buat yang dibuat itu adalah satu perhitungan Allah SWT dan mereka harus insaf bahawa nanti setelah mati mereka akan ditanya atas apa yang mereka buat di dunia ini, jangan sampai mereka akan dikencing di dunia, dihumban ke neraka di akhirat kelak. *Nauzubillahi minzalik.*

Tuan Speaker,

Ini panduan yang pertama yakni supaya seluruh pimpinan negeri termasuk kami di peringkat ADN-ADN ini menjaga negeri ini supaya dia berada di landasan yang betul menjadikan Tuhan (Allah) ada dalam diri mereka, menjaga mereka dan sentiasa mengawasi kerja buat mereka supaya dosa pahala mereka reti dan supaya mereka selamat di akhirat nanti. Dan menjadikan peluang berkerajaan itu untuk habuan mereka atau kroni mereka seperti yang berlaku dalam kerajaan-kerajaan terdahulu. Dan akhirnya rakyat akan menolak mereka semua kerana kerja buat mereka yang jahat dan tidak menjaga hak-hak rakyat.

Yang kedua (prinsip yang kedua) adalah ‘*wa atauz zakah*’ yakni menunaikan zakat. Atas maksud bahawa kerajaan negeri punyai kewangan yang banyak harus menunaikan hak-hak kehartaan kepada rakyatnya. Kerana itulah maka Rasulullah s.a.w. menyebut (*Dibacakan Hadis*) yang bermaksud “sesungguhnya Allah menyukai seorang hambanya yang sentiasa berhati-hati, hambanya yang kaya dan hambanya yang beribadah dalam keadaan yang sunyi-sunyi”. Sebagai sebuah kerajaan, saya nak kaitkanlah di sini bahawa Allah SWT suka sebuah kerajaan yang

sentiasa berhati-hati. “*attaqi*” bermaksud berhati-hati (menjaga hak, memberikan hak, jangan melampaui batas). Tapi hati-hati juga harus dilihat jangan sampai tidak memberikan hak atau kedekut dan mengeluarkan harta untuk rakyat kerana akhirnya rakyat yang akan menderita ataupun mengenakan apa-apa dasar ataupun cukai ataupun halangan kepada rakyat sebagaimana yang berlaku semalam di Parlimen. Parlimen meluluskan Undang-undang GST yang menjadi hambatan terbaru untuk rakyat seluruh Malaysia akan satu lagi kadar ataupun tekanan baru yang akan dirasakan akibat meneruskan kerajaan Barisan Nasional di negeri yang tercinta ini.

Saya juga ingin menarik perhatian yang sama kepada Kerajaan Negeri Selangor atas maksud mengenakan cukai kepada rakyat yang hari ini sudah mula dirasakan ada tekanan baru yang dikenakan oleh negeri Selangor. Betul kerajaan negeri mengatakan ini undang-undang lama yang diluluskan tahun 2007, bukan kerajaan baru. Tetapi, kalau sekiranya ia merupakan beban kepada rakyat, mengapa tidak kita menangguhkan pelaksanaan undang-undang itu. Mengapa tidak kita kaji atau mengapa tidak kita membuat *referandum* awam supaya rakyat tahu keperluan atau keseksaan yang mereka hadapi hasil daripada kita melaksanakan undang-undang yang bukan kita luluskan. Yang mereka luluskan, tetapi kita sebagai kerajaan yang baru harus melihat dengan berhati-hati supaya kita menjadi orang yang lebih sayang kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Speaker,

Kita dikenali sebagai kerajaan yang baik tetapi kerajaan yang baik tidak boleh berhenti merasakan dia baik tapi kerajaan mesti merasakan bahawa rakyat merasakan mereka baik supaya akhirnya nanti kita akan menang *win-win situation*. Kerajaan yang mentadbir negeri akan baik akan menang dan rakyat yang memberi mandat pada negeri akan menang akan baik. Atas dasar itulah maka kerajaan negeri harus menilai, menyemak atas keperluan supaya memberikan cukai-cukai baru kepada rakyat harus disemak semula atas kepentingan-kepentingan yang mustahak.

Saya ingin membawa satu pedoman yang dikemukakan oleh seorang Pakar Ekonomi yang bernama Monzar Al-Kahf yang meletakkan empat syarat. Apabila sesebuah kerajaan mahu mengenakan cukai baru kepada rakyatnya harus melihat empat syarat. Yang pertama, keperluan yang *genuine* (dengan izin) kepada cukai tersebut itu adalah wujud. Bukan sekadar melaksanakan yang dahulu untuk diimplementasikan. *Genuinity* nya tidak ada. Hanya melaksanakan apa yang telah dibuat. Itu jika berlaku, tak perlulah mengenakan cukai-cukai tersebut.

Yang kedua, *revenue* biasa daripada *revenue* biasa yang telah dibuat oleh kerajaan tidak mencukupi untuk *run* sebuah negeri atau sebuah PBT. Maka bolehlah dilaksanakan cukai baru atau melaksanakan undang-undang lama untuk

dilaksanakan. Tapi kalau *revenue* yang ada cukup untuk digunakan, maka jangan sampai kita membuat undang-undang baru atau melaksanakan undang-undang, melaksanakan cukai baru untuk orang awam.

Yang ketiga, ikhtiar sudah dibuat semaksima mungkin untuk melaksanakan dan mengambil semua *revenue* yang sedia ada. Dah habis mungkin dah. Semua ikhtiar dah dibuat, maka bolehlah dibuat satu peraturan baru atau mengenakan peraturan baru, cukai baru untuk rakyat. Tapi, kalau ikhtiar masih ada peluang, masih belum maksimum, tak wajar sebuah negeri itu mengenakan cukai baru atau melaksanakan undang-undang cukai dulu untuk rakyat.

Yang keempat kata sarjana ini, memerlukan kepada *referandum* awam ataupun konsesi wakil-wakil rakyat untuk memastikan bahawa rakyat tahu seluruh wakil mereka menjaga mereka dan bersetuju ke atas peraturan yang diberikan ke atas mereka supaya akhirnya nanti rakyat bersedia melaksanakan peraturan baru itu supaya dia tidak merasa susah dan terkesan dengan peraturan atau cukai baru yang diberikan oleh sebuah negeri. Tuan Speaker, kita tak mahu kita memerintah

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mencelah.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Apakah maksud Bangi tadi supaya setiap keputusan yang kerajaan negeri buat perlu merujuk dahulu kepada ADN-ADN baru membuat keputusan? Ataupun kita bersetuju supaya pelaksanaan kuasa di mana eksekutif melaksanakan polisi, kita hanya mengikuti sahaja?

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Kota Anggerik. Kelebihan Pakatan Rakyat adalah syuranya (permesyuaratannya) dan kelebihan ini harus di *optimize* kan yakni mesti dibawa berunding kepada semua pendokong-pendokong kerajaan ini supaya semua faham dan dilaksanakan itu semua orang boleh *ready* dengan pelaksanaan tersebut. Bukan satu peraturan dibuat kemudian dah laksana, baru panggil untuk bincang, untuk kita jawab rakyat adalah tekanan yang berlaku kepada kerajaan pada hari ini.

Tuan Speaker,

Saya mengajak (saya membawa) perkara ini supaya jangan sampai kita terikut-ikut dengan rentak kerajaan federal hari ini yang suka sangat kepada menaikkan atau memberikan cukai-cukai baru kepada rakyat. Saya takut satu masa nanti, kita menjadi negeri cukai disebut sebagai pepatah arab '*Darul Jibayah*' bukan '*Darul Hidayah*'. '*Darul Jibayah*' ialah negara paksaan, '*Darul Hidayah*' negara yang mendapat pedoman. Saya takutlah. Ini kata-kata saya supaya jangan sampai satu masa nanti (Selangor ini) termasuk dalam kancah '*Darul Jibayah*' negeri paksaan.

Tetapi kita selalu meminta supaya kita menjadi '*Darul Hidayah*' negeri yang mendapat pedoman untuk terus memacu negeri ini kepada sebuah negeri yang '*balaton toyyibaton warabbul ghofur*'. Peringatan ini harus diberikan dengan jelas supaya kerajaan negeri benar-benar tahu akan keresahan yang berlaku di akar umbi. Memang *all the* jawapan (semua jawapan) sudah ada, tetapi kita harus ingat bahawa kita menjawab ini atas kapasiti apa? Atas kapasiti kerajaan sahaja kah atau kita juga bercakap atas kapasiti rakyat yang rasa sengsara dengan cukai-cukai yang telah kita buat. Bukan saya menafikan hak mengenakan cukai. Sebab hak mengenakan cukai hak kerajaan. Tetapi hak cukai ini harus dikenakan sekiranya ada keperluan dan kalau sekiranya semua sungguh ada keperluan, cukup keperluan itu dan dah ada *revenue* yang cukup di pihak kerajaan negeri atau PBT, maka jangan sampai kita kenakan cukai tambahan kepada rakyat yang kita kasihi.

Prinsip yang ketiga Tuan Speaker ialah '*al amru bil ma'ruf*' yakni menyuruh kepada kebaikan. Bukan setakat menyuruh kepada kebaikan ini adalah bermaksud membuka pintu-pintu kebajikan. Alhamdulillah Selangor memang ke hadapan untuk maksud ini. Dan Alhamdulillah Tuanku Sultan memuji dengan baik Selangor telah melaksanakan program yang banyak dengan MES nya dan Selangor juga memberi program yang banyak dengan program turun padangnya supaya seluruh rakyat Selangor merasa nikmat akan kekayaan sesebuah negeri. Saya nak ulang balik hadis yang saya baca tadi Tuan Speaker (Dibacakan: Hadis). Yang kedua tu Allah kata Allah suka hambanya yang kaya. Yang pertama yang hati-hati. Yang kedua yang kaya. Yang ketiga yang ibadahnya sembunyi-sembunyi. Saya nak menggunakan yang kaya. Bagaimana Allah SWT suka kepada hambanya yang kaya. Kenapa kaya? Bila kaya kita boleh memberikan banyak kepada orang lain. Bukan kita syok sendiri. Tapi prinsipnya adalah mereka yang kaya harus memberikan kekayaan itu kepada orang lain sebab kekayaan adalah anugerah *Allah subhanu wataala*. Kaya sangat bagus. Sebab itu kita bersungguh-sungguh supaya bukan setakat sebahagian kecil kita ambil untuk dana negeri semaksima mungkin sebab negeri kita negeri yang kaya. Sebagai contoh, Sekinchan bangkitkan tentang pencerobohan tanah yang saya faham di Sg. Karang hampir 2,500 hektar yang ditanam kelapa sawit, bukan setakat ceroboh, tanam kelapa sawit, bukan setakat tanam dah tuai pun dah angkut berlori-lori dikeluarkan hasil mahsul, kerajaan negeri dahulu tak perasan. Tak perasan, atau pun buat-buat tak perasan tak tahulah. Tetapi, yang menjadi natijahnya adalah hasil mahsul negeri telah diambil keluar, dipunggah keluar oleh mereka yang berkepentingan tak dipulangkan kepada kerajaan negeri. Justeru kerajaan negeri harus faham mengambil tindakan ini. *Alhamdulillah*, kita dah mula sedar. Dan ini adalah kesedaran yang penting bagi memastikan kekayaan negeri ditambah dinaikkan supaya kaya terus menjadi kaya. Dan kaya bukan setakat kaya mesti diberikan, dikembalikan kepada mereka yang memerlukan kekayaan itu. Sebab Allah suka orang yang kaya. Banyak juga saranan-saranan daripada ADN-ADN supaya seluruh duit Selangor ini diberikan kepada rakyat kesemuanya. Saya kurang setuju. Ada masanya diberikan, ada masanya ditangguhkan. Kerana tidak semua wang harus diberikan masa ini kerana

ada masa-masa sempit yang kita kena bersedia untuk disimpan dan diberikan kepada tempoh-tempah yang akan datang.

TUAN SPEAKER: Sepuluh minit lagi Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Baik. Baru satu muka surat Tuan Speaker. Saya nak sarankan begini sahaja Tuan Speaker.

Sorong papan tarik papan
Buah keranji dalam perahu
Disuruh belanjakan, dibelanjakan
Disuruh perabih janganlah mahu

Kena ada *reserve*, *reserve* betul. Tetapi, kena ada *reserve* yang sesuai. Nabi Allah Yusuf Alahis Sallam ketika ditanya dia tentang pengurusan Negara. Nabi Allah Yusuf kata kita belanjakan tapi *reserve* kena ada. Sebab ada masa kita senang, ada masa kita susah. Air contohnya. Dicatu air, masa kita senang mandi bukan main. Tiga kali mandi sehari. Empat kali. Lima kali. Malam Jumaat lagilah. Itu masa senang, masa ada air. Ada masa kita tidak ada air. Walau pun hujannya lebat, tak masuk ke empangan. *Orok onoh*. Orang sini kata *orok onoh*, tidak ada dengan izin. Tidak ada. Ini bermaksud, ada masa-masa digilirkan kepada kita. Digilirkan kepada kita masa senang, masa susah. Masa senang kita mandi sepuas-puasnya. Masa susah mandilah sekadarnya. Sekadar yang wajib dan sunat, supaya kita boleh selesa, sekadar itu sahaja. Begitu juga dengan kewangan negeri. Ada masa yang baik kita belanjakan. Tapi janganlah belanja semua. Kita *reserve* untuk masa depan. Kerana orang memimpin besok akan rasa senanglah. Tiba-tiba kalau orang lain memimpin esok susah juga, kosong, berat juga Tuan Speaker. Prinsip yang ketiga. Adalah maaf, prinsip yang kedua, yang ketiga juga adalah, saya hendak menambah tentang berbuat kebaikan ini. Negeri Selangor telah disebut tentang dua program besar. Iaitu program, membina pengangkutan awam kepada rakyat. Yang diwar-warkan pada sesi yang lepas. Saya mohon kerajaan negeri menjawab dalam sidang ini ke arah mana telah dibuat projek tersebut. Dan sejauh mana dia serius untuk melangkah ke hadapan supaya rakyat akan merasa cepat ada segera akan nikmat pengangkutan awam kepada publik. Hari ini dikatakan lagi Shah Alam dah buat. Subang Jaya dah buat. Tapi, dua PBT ini dah buat sejak dulu lagi. Tak ada persembahkan PBT yang lain. Bangi semakin sesak sebagai contoh. Sekinchan pun semakin sesak, yang memerlukan *transportation*. Dan saya difahamkan di antara Kuala Selangor sampai ke Sabak Bernam tidak ada lagi dah bas awam. Seksa. Saya adalah anak kelahiran Sekinchan, ini YB saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Memerlukan pengangkutan awam apatahlah lagi tempat yang *metropolitan*, benar-benar *metropolitian*. Jadi, saya

berharap sangat supaya Kerajaan Negeri membentangkan dengan jelas sejauh manakah program membina pengangkutan awam ini kepada rakyat. Yang kedua mengenai *amal makruf* ini tentang bersih. Bersih. Negeri kita negeri yang terkaya, termakmur, tetapi saya takut terkotor. Tak bersih. Di mana-mana, daripada puncak utara sampai ke selatan, daripada Sabak Bernam sampai ke Bangi, Bangi ini kes, sampai selatanlah. Tak bersih. Dan saya tidak menafikan kerajaan negeri dah berbuat bermacam-macam untuk bersih, tetapi tiak ada fokus yang diberikan untuk maksud ini. Saya hendak mencadangkan supaya negeri membuat anjakkan, ya. Anjakkan supaya gagaskan zon bersih menjadi gagasan negeri Selangor untuk satu tempoh yang panjang. Lima tahun, empat tahun, supaya seluruh rakyat faham gagasan ini dan semua akan bersimpati dan berkongsi inspirasi ini supaya Selangor menjadi sebuah negeri yang bersih. Bersih di semua aspek. Bersih sampah sarapnya. Bersih longkangnya. Longkang kotor, orang buang minyak di rumah, minyak masak masuk ke *sewerage*, masuk ke longkang sampai ke IWK, akhirnya *engine* rosak. Pasal rosak, minyak. Kesedaran untuk kebersihan untuk rakyat dibesarkan. Jadi agenda besar negeri Selangor supaya bersih menjadi nombor wahid, nombor wahid negeri Selangor ini. Kebersihan, kebersihan akidah. Juga termasuk.

TUAN SPEAKER: Y.B. Bangi Taman Templer hendak bertanya.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Timbalan Speaker, bukannya di PBT-PBT dan ada pelancaran, demi pelancaran Zon Bersih ini. Saya tengok dah ada logonya, dah ada bajunya dan sebagainya. Adakah masih lagi tidak mencapai seperti apa yang disebutkan oleh Bangi tadi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Taman Templer. Sebab itu saya nyatakan bahawa saya tidak menafikan ada usaha peringkat negeri Selangor. Tetapi tidak cukup. Tak cukup. Kalau orang putih sebut, *even the best can improve*. Itu kalau *best*.

TUAN SPEAKER: Dengan izin Yang Berhormat ya.

Y.B. TUAN MOHD. SHAFIE BIN NGAH: Dengan izin. Kita belum *best*. *We are good*. *Even the best can improve*. Dengan izin. Apatah lagi belum *best*. So, jangan menjadikan program bersih, zon bersih itu sebagai program hangat-hangat tahi ayam dengan izin dan kita mahu supaya gagasan bersih ini diperbesarkan lagi dalam negeri Selangor ini. Kami menyokong sepenuhnya sekiranya kerajaan negeri menjadikannya sebagai gagasan besar untuk negeri Selangor yang bukan saja dicita-citakan oleh kami, bahkan pembangkang, seluruh rakyat Selangor mahukan Negeri Selangor yang lebih bersih daripada hari ini. Yang keempat Tuan Speaker. *Wan nahy anil munkar*. Mencegah kemungkaran. Kerajaan negeri harus menutup segala pintu-pintu keburukan. Bukan setakat menutup. Menyuruh supaya ditutup seluruh pintu-pintu keburukan. Pusat-pusat judi sebagai contoh. Penjualan

minuman keras secara terbuka dan berleluasa, *cyber cafe* haram, rumah urut dan sebagainya. Saya percaya sidang ini sudah dua kali menyebut tentang keperluan peraturan untuk menetapkan atau menyusun semula peraturan penjualan arak secara terbuka. Sebagai contoh, ini adalah pusat-pusat kemaksiatan. Dibawa oleh Seri Andalas dahulu seingat saya. Dah ada lain tempat yang memerlukan kepada penguatkuasaan yang serius untuk membanteras pusat maksiat. Saya ingat kembali apa yang telah kita buat dalam pengkhususan dewan yang lepas iaitu negeri Selangor menubuhkan pasukan polis, polisnya sendiri. Saya mohon supaya kerajaan negeri menjelaskan kepada Dewan musim ini bagaimanakah *progress* nya. Kemanakah *step* nya sudah berlaku dan apakah mekanisme yang telah dipakai untuk memperkasakan penguatkuasaan di negeri Selangor ini, kerana kita menunggu supaya baik pulih ini berjalan dengan baik. Kajian telah dibuat oleh MIROS..

TUAN SPEAKER: Tujuh minit lagi Yang Berhormat ya.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Berapa minit. Lima belas minit

TUAN SPEAKER: Tiga minit.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Kajian telah dibuat oleh MIROS iaitu Institut Keselamatan Jalan Raya. Menyebut tentang tiga perkara yang boleh menganjukkan pemikiran paradigma pemikiran masyarakat kepada perubahan. Yang pertama, ini untuk keselamatan jalan raya. Yang pertama mesti ada kempen besar-besaran. Baru minda masyarakat akan beralih. Yang kedua mesti ada pendidikan. Diisi pendidikan itu kepada rakyat. Baru minda masyarakat akan beralih. Yang ketiga penguatkuasaan mesti ada dan kerah, dan jelas supaya rakyat boleh beralih minda mereka. Kalau sekiranya itu adalah formula dalam aspek seperti keselamatan jalan raya, saya mencadangkan formula yang sama kita buat dalam aspek membanteras pusat-pusat maksiat ini. Yang pertama kita mesti ada kempen besar-besaran untuk kita banteras sungguh-sungguh pusat maksiat. Yang kedua lancarkan pendidikan yang besar untuk kita mengatakan bahawa dia jijik dan dalam masyarakat yang bertamadun. Yang ketiga mesti ada penguatkuasaan yang serius supaya dia tidak dibuka dengan mudah oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Akhir sekali Tuan Speaker *walillahi aqibatul umur*. Dan kepada *Allah* segala urusan itu kita serahkan. Kita berusaha, kita buat dan biarlah *Allah* menentukan apa yang, apa hasil yang kita akan dapat oleh usaha-usaha kita. Dan saya mengajak negeri Selangor ini untuk menjadi sebuah kerajaan yang *catchy* dengan izin. *Catchy*.

C stand for caring. Rakyat, negeri yang sangat penyayang. *A action oriented*. Bukan cakap sahaja, bukan atur, *do and do and much doing*. Ketiga *T, trusted*. Dipercayai dan dikasihi. Bukan orang undi Pakatan sebab tak percaya UMNO Barisan Nasional tetapi orang undi sebab percaya akan Pakatan Rakyat. Yang keempat *C, communicative*. Boleh berinteraksi dengan awam. Turun ke padang,

bercakap, mendengar rintihan orang dan melaksanakan apa yang diperlukan oleh masyarakat. *H, humble*. Rendah diri. Mendengar adalah sebahagian dari penyelesaian. Biar kita *humble*, jangan letak di singgah sana dan letakkan kesemua kehormatan kita di sana. *Young, Y* yang ketiga ialah muda. Biar kita nampak muda. Bukan nampak yang muda-muda. Nampak muda, biar agresif, hebat, tangkas barulah kita maju jauh meninggalkan Barisan Nasional esok lebih daripada dua puluh tahun. Insya-Allah. Tuan Speaker. Sekian dan saya menyokong usul. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih Bangi, dan Sungai Burung.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam satu Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan yang mulia pada hari ini. Bagi pihak barisan pembangkang, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di atas titah ucapannya yang sangat rasional, ikhlas dan terbuka, dan sentiasa meletakkan kepentingan dan rakyat negeri Selangor. Rakyat negeri Selangor bangga dan bertuah di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang begitu prihatin dengan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di semua peringkat, di pelosok Bandar, daerah, mukim dan kampung-kampung di seluruh negeri Selangor. Duli Yang Maha Mulia Sultan sentiasa mengikuti sepenuhnya semua yang berlaku di negeri Selangor dan secara terbuka dan ikhlas memberi pandangan, cadangan dan nasihat-nasihat membina kepada kerajaan dan rakyat demi kesejahteraan kemajuan dan kepentingan rakyat negeri Selangor. Barisan Nasional sebagai parti yang telah memerintah negeri Selangor selama lima puluh tahun sejak merdeka sehingga tahun 2008 dan telah meletakkan asas yang kukuh kepada pembangunan sosioekonomi dan kemantapan politik negeri Selangor sehingga ke tahap negeri maju pada tahun 2005 seperti mana yang kita nikmati sekarang sangatlah prihatin kepada apa yang berlaku kepada negeri Selangor sekarang dan kita akan terus memantau memberikan kritikan-kritikan yang konstruktif dan cadangan-cadangan bagi memastikan apa yang telah kita wariskan kepada kerajaan sekarang dipelihara dan ditambah baik, demi kesejahteraan dan keselamatan rakyat di negeri Selangor. Tuan Speaker. Sebagai sebuah parti yang menyokong dan memperjuangkan prinsip demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, kami menghormati keputusan rakyat yang telah memihak kepada pakatan rakyat pada PRU-12 dan PRU-13 serta pilihan raya kecil Kajang baru-baru ini. Walaupun begitu, kami akan terus membangkitkan berbagai-bagai isu-isu sosioekonomi dan kestabilan politik dan kesejahteraan rakyat serta keselamatan rakyat negeri Selangor, dari segi jangka pendek dan jangka panjang yang belum lagi mendapat penyelesaian sepenuhnya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Taman Templer nak bertanya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: serta tindakan kerajaan. Belum mula lagi laa.. Apa nak bagi isu? Kita baru mukadimah ye..

TUAN SPEAKER: Sungai Burong nak bagi ke tidak?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada laa teruskanlah.. Kang bila isu kang boleh la.. saya akan bagi ruang.

TUAN SPEAKER: Duduk Taman Templer.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Justeru itu dalam dewan yang mulia ini khususnya dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan kami akan teruskan membangkitkan isu-isu lama dan baru. Terutama isu-isu yang berikutan kestabilan politik Negeri Selangor janji-janji manifesto pilihan raya termasuk manifesto PRU yang Ke-12 yang belum diadakan lagi. Walaupun Y.A.B Menteri Besar menyatakan bahawa manifesto bukanlah satu janji yang perlu ditunaikan. Yang Ketiga ialah urusan tadbir atau *good governance* kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan negeri seperti PKNS, KDED, PSNB, Yayasan Selangor, Unisel dan MBI atau Menteri Besar Pemerbadanan dasar-dasar belanjawan dan pelupusan negeri serta isu industri air dan pengurusan pasir. Yang kemudian akan dibahaskan oleh teman-teman saya kemudian.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong Taman Templer minta mencelah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Termasuk isu tadi, ada isu. Terima kasih Timbalan Speaker Sungai Burong ada menyebut berkenaan dengan manifesto PRU yang Ke-12. Kita di dalam sidang yang mulia ini perlu nyatakan secara terperinci untuk memudahkan di peringkat kerajaan barisan EXCO untuk menjawab so sila nyatakan apa sebenarnya yang tidak ditunaikan secara jelas, terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Itulah benda tu baru orang kata *point-point* mukadimah kalau kita huraikan kita akan sebutkanlah satu persatulah insya-Allah. Tuan Speaker mengenai kestabilan politik negeri dan pilihanraya kecil PRK N25 Kajang. Dalam tempoh enam tahun pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat kita telah menyaksikan perbalahan dalaman parti dalam kerajaan pembangkang yang telah menjejaskan kelicinan pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Sesuai dengan teguran Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyebut bahawa wakil-wakil rakyat janganlah bercanggah dan berbalah mengenai perkara-perkara yang tidak berfaedah sebaliknya hendaklah menjalankan tugas-tugas mereka untuk kebaikan serta kesejahteraan rakyat Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Hulu Kelang minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: OK. Sebentar lagi eh.. Kita habiskan dulu ye. Dari itu, Sungai Burong ingin mengambil kes daripada isu politik dalaman yang berlaku dalam negeri ini dan juga PRK Kajang yang telah menyebabkan kekalutan dalam kemelut politik di dalaman yang menjejaskan pentadbiran di negeri Selangor ini.

TUAN SPEAKER: Silakan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Sungai Burong. Dua kali saya dengar istilah kerajaan pembangkang. Adakah.. adakah Sungai Burong membaca teks ucapan titah Tuanku dan di mana muka surat berapa ada dikatakan Kerajaan Pembangkang di dalam...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya sebut PKR tadi.. Kerajaan PKR.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tak dua kali?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya? Ok. Kerajaan PKR ya. Terima kasihlah kerajaan PKR yang memerintah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Kali pertamalah..

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kerajaan Pakatan Rakyat

TUAN SPEAKER: Pakatan Rakyat Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dengan Pakatan Rakyat.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Ha sudah mengakui.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita mengakui kita enam tahun pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat ya. ha telah saya sebut tadi ye.
(Dewan Bertepuk)

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang telah berlaku polemik politik dalaman ye. Tuan Speaker pada tahun 2012 Pesuruhjaya PAS Selangor yang pada masa itu juga ADUN Gombak Setia dan Ahli ECXO kerajaan Selangor dipecat dari parti dan juga EXCO Kerajaan kerana tindakan mempertahankan JAIS dan dalam isu DMC, MBSA dan isu arak dan beberapa isu dasar yang melibatkan kedudukan agama Islam selaras dengan perlembagaan negeri dan enakmen pentadbiran Islam di Selangor. Tapi apa yang lebih teruk ye dan memalukan ialah

pergolakan terbuka parti keadilan rakyat terutamanya yang melibatkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar merangkap ADUN Pelabuhan Kelang dan juga Yang Berhormat ADUN Bukit Antarabangsa merangkap pengerusi....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Timbalan Speaker peraturan tetap.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING: Peraturan tetap

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Perbalahan ini...

TUAN SPEAKER: Ya, kejap duduk Sungai Burong.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING: Peraturan 35 subseksyen 36 seorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkannya sahaja dan lain-lain. Saya rasa titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan tidak ada membangkit perkara-perkara tersebut jadi saya ingin syorkan kepada Dewan yang mulia ini untuk hadkan kepada ucapan titah sultan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Bukit Lanjan. Saya rasa ini titah ucapan tuanku dan memang tajuknya luas dan saya bagi ketua pembangkang untuk terangkan secara umum.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker, dan saya memang menghadkan ucapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Itu sebab tadi sebab saya sebut bahawa kenyataan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang mengingatkan kita Wakil-wakil Rakyat jangan bercanggah dan berbalah.. ya tetapi ya mengenai perkara yang tidak berfaedah sebaliknya menumpukan kepada tugas mereka untuk kebaikan serta kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Ini yang saya ingin perkatakan bahawa apa yang berlaku di negeri Selangor inilah yang menyebabkan rentetan peristiwa yang menyebabkan orang kata kekalutan yang berlaku di negeri Selangor yang tidak sepatutnya berlaku dalam keadaan biasa. Tuan Speaker, saya ingin menyambung perbicaraan saya tapi apa yang lebih teruk dan memalukan ialah pergolakan terbuka antara parti keadilan rakyat terutama ADN Pelabuhan Kelang dan juga ADUN Antarabangsa dan perbalahan ini juga bukan melibatkan isu-isu peribadi dan parti tetapi mengenai isu pentadbiran negeri dengan syarikat-syarikat negeri. Malahan isu-isu dalaman parti juga telah mengheret kepentingan rakyat dan kelicinan jentera kerajaan tanpa ada penyelesaian yang muktamad sehingga hari ini saya rasa. Dan mungkin akan berterusan lagi. Kita tengoklah episodnya ye. Malahan isu-isu puncak kepada pergolakan apa yang berlaku kepada PKNS berikutan dengan kedudukan Y.B. ADUN Bukit Antarabangsa sebagai ahli lembaga

pengarah PKNS dan penyelesaian konflik melalui kerajaan mohon dengan izin. Iaitu keputusan penasihat PKR merangkap penasihat ekonomi Selangor yang memaksa ADUN Kajang meletakkan jawatan bagi membolehkan pilihanraya Kajang diadakan pada 23 Mac 2014 yang menimbulkan banyak kontroversi. Walaupun PKR boleh mendabik dada kerana berjaya mempertahankan kerusi tersebut seperti yang telah diduga banyak persoalan yang boleh dibangkitkan seperti berikut. Pertama, peletakan jawatan ADUN Kajang adalah satu pengkhianatan kepada mandat rakyat PRU-13 yang telah memberi kemenangan majoriti besar sebanyak enam ribu lapan ratus dua puluh empat. (6,824) undi kepada ADUN PKR Kajang. PKR Kajang merupakan satu tindakan mempermainkan-mainkan proses demokrasi yang diadakan semata-mata untuk memenuhi agenda parti dan peribadi pemimpinnya. Kedua, PKR Kajang tidak perlu dan tidak munasabah diadakan. Satu pembuangan masa, pembaziran wang rakyat melibatkan kos sebanyak RM1 juta Suruhanjaya Pilihan raya yang tidak termasuk, Sekinchan? Tak dok? Ok. Tidak termasuk agensi lain kerajaan yang terlibat membantu SPR hasilnya hanya dapat...

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat ketua pembangkang apabila ketua pembangkang menyebut tentang perkara ini sedarkah Yang Berhormat Ketua Pembangkang perkara yang sama juga berlaku di atas parti yang diwakili oleh ketua pembangkang sekali sendiri bukan kali pertama tetapi dua kali. Kali pertama, Permatang tahun 1996, tahun kedua 2014 DUN Balingan Sarawak. Cukup sama, cukup mirip. Adakah Yang Berhormat juga menegur kalaulah Yang Berhormat menegur DUN Kajang Langkah Kajang ini, jadi saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang teringat juga Yang Berhormat terhadap Balingan Sarawak.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, Balingan Sarawak tu lain...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sama-sama.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kerana ya. Kerana wakil rakyatnya telah dilantik menjadi..... (Dewan gamat dengan perbalahan)

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini saya jawab. Saya jawab ni ya.

TUAN SPEAKER: Bertenang semua bertenang kita bagi Sungai Burong teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya jawab tadi ya.

TUAN SPEAKER: Penjelasan-penjelasan

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Di Balingan Sarawak tu kerusi tu dikosongkan dan menduduki tempat ADUN yang ada pada masa itu mendapat jawatan yang lebih tinggi dan dikosongkan ye. Tetapi di Selangor.. (Dewan mencelah)

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya bagi kepada ya Seri Andalas. Ok, tetapi di sini ya wakil rakyatnya orang yang muda, bertenaga, elok ya, menjalankan tugas dengan baik, ahli PAC, saya duduk bermesyuarat dengannya dua hari sebelumnya..

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih- terima kasih. Saya satu soalan saja adakah ini berbanding dan sama dengan bila di Barisan Nasional Kuala Selangor diletakkan jawatan dan Permatang letakkan jawatan, Permatang jadi lepas itu Permatang lawan untuk parlimen dan yang parlimen itu melawan untuk DUN lepas tu menjadi Menteri Besar Negeri Selangor takkan ini membazir juga untuk rakyat semua.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kita ada tengok juga la ya tujuan dia. Yang pertama ni kita nampak jelas ya mengapa PRK itu diadakan? Ada krisis pergolakan yang besar di dalam Negeri Selangor perlu diselesaikan. Lepas itu kita dengar ya dari Menteri Besar yang ada ni perlu ditukar dan digantikan oleh calon yang baru daripada Penasihat Ekonomi Selangor ya yang dikenali sebagai orang kata *Move to Putrajaya* atau pun *Kajang move*. Inilah yang berlaku...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, Kota Anggerik dan Paya Jaras minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Ketiga...

TUAN SPEAKER: Haha nak bagi ke tidak??

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: PRK nanti dulu. Saya ambil. Saya ada sebab nanti saya dah habis nanti saya bagi. PRK nanti saya nak minta izin dengan Tuan Speaker sebab saya ada banyak isu yang saya nak bincangkan. Jadi beri peluang ya saya...

TUAN SPEAKER: Penjelasan-penjelasan. Kepada Ketua-ketua Pembangkang kita bagi lebih sikit jangan risau ya. Penjelasan..

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bagi banyak sikit ya. (Dewan menyampuk)

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau nak terus la berbahas sampai malam apa salahnya. Ketiga agenda kerajaan politik masalah pimpinan utama PKR Selangor khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dengan pengerusi PKR Selangor iaitu ADUN Bukit Antarabangsa. PKR Kajang salah gunakan mandat pengundi-pengundi Kajang untuk menyelesaikan masalah dalaman PKR. Menyalahgunakan proses demokrasi parti-parti lain dalam pakatan pembangkang pun tidak tahu menahu Pakatan Rakyat tidak tahu menahu dan dirunding tentang ini di peringkat awal. Keempat PRK Kajang sebenarnya lebih kepada agenda peribadi Penasihat PKR merangkap Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Meraih untuk simpati dan mendapatkan sokongan rakyat dalam memantapkan kedudukan politik dan masalah peribadinya dengan isu ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Paya Jaras minta mencelah.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Penjelasan mohon penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sekejap saya habiskan ini ya, lepas itu saya bagi. Peribadinya dengan Mahkamah iaitu isu liwat Shaiful Bahari yang belum selesai. Di peringkat awal Penasihat PKR dijangka menjadi calon N25 Kajang yang akan membolehkan beliau menjadi Menteri Besar Selangor menggantikan ADUN Pelabuhan Klang. Juga sebagai landasan ke Putrajaya ...

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker Peraturan Tetap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong sila duduk. Peraturan Tetap.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Seksyen, *sorry* maaf. Seksyen 35 Sub Seksyen ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Peraturan, peraturan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Peraturan 35 di mana Sungai Burong tidak sepatutnya membaca ucapannya. (dewan ketawa) Tadi saya dah sangat teliti dari awal sampai sekarang masih baca.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini dah tak ada modallah cerita lama.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Sungai Burong saya setuju, Sungai Burong dengar dulu, sekejap. Saya setuju tadi sebab daripada awal sampai

sekarang memang banyak membaca. Jadi saya minta kurangkan terus fokus kepada sebab itu Peraturan Tetap kita.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker saya tak membaca. Saya berpandang mata ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekarang ya, tadi ...

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Berpandang hadapan, berpandang ke tepi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Memanglah memandang tapi tadi

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Memandang bahu Kajang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok tadi Sungai Burong waktu peringkat awal memang bersandarkan teks dan bila orang kacau saja sambung balik, sambung balik teks yang sama jadi sebab itu saya minta kurangkan. Saya tak kata tak boleh tengok, saya minta kurangkan bergantung kepada teks.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, ok boleh tak ada hal lah (dewan ketawa). Ok boleh, Tuhan maha adil ya kita manusia boleh merancang, rahsia PKR boleh merancang ya. Tuhan maha berkuasa ya dalam menentukan segala-galanya. UMNO bukannya Tuhan ya. Ini kehendak Tuhan, kalau Tuhan nak jadikan ya kapal terbang pun boleh hilang ya (dewan ketawa dan menepuk meja) itulah dia. Jadi kalau dah takdir Tuhan ya ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang ini saya minta balik balik-balik topik. balik topik, sampai kapal terbang.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Orang mengganggu ucapan saya, terima kasih Tuan Timbalan Speaker yang baik hati. Penasihat Ahli Parlimen bertempuh memang tidak layak bertanding berikutan keputusan mahkamah rayuan pada 6 Mac 2014. Maka terselamatlah Negeri Selangor daripada terjebak kemungkinan ya Menteri Besar yang ada sekarang ini hilang jawatan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Boleh mencelah. Ada soalan, adakah Sungai Burong bersetuju dengan saya bahawa sebab ketakutan UMNO untuk Anwar jadi Menteri Besar Selangorlah yang dijatuhkan hukuman itu lima tahun di penjara bukannya di sebaliknya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Inilah Seri Andalas ya dia dah keliru bahawa kita duduk ini ada 3 sistem. Sistem legislatif dengan izin ya sistem kehakiman ya dan sistem eksekutif. Keputusan itu yang dibuat oleh mahkamah

bukan boleh pihak eksekutif. Kecuali sangkaan buruk, sangkaan jahat, fitnah-fitnah yang mengaitkan sistem kehakiman kita dengan orang kata tangan-tangan ghaib. Itu adalah tuduhan-tuduhan macam itu.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kota Anggerik minta mencelah. Nak bagi ke tidak Sungai Burong, Kota Anggerik?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Banyak orang munafik ini (dewan ketawa). Saya tak nak cerita banyak tentang munafik dalam dunia ini. Ok kita beri laluan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sungai Burong adakah setuju kenapa dalam kes seperti bekas Presiden MCA, pendakwa raya tidak merayu kes itu? Dalam kes pembunuhan Altantuya, pendakwa raya tidak membuat rayuan kes tetapi dalam kes soal siasat Anwar Ibrahim terpaksa melantik orang luar menjadi pendakwa raya. Apakah pandangan Sungai Burong?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kota Anggerik ini bukan *lawyer* ya. Saya ingat kena cari orang lain supaya dia boleh jawablah saya tak payah jawab ya. Ini kuasa undang-undang di bawah Kementerian Kehakiman, kuasa AG ini semua ada peruntukan undang-undang ya. Ini boleh di teruskan ..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sikit Sungai Burong?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Permatang minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ha...kawan bolehlah (dewan ketawa).

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak tanya Sungai Buronglah tadi Andalus kata keputusan mahkamah memenjarakan Anwar Ibrahim kerana UMNO takut. Saya ingat nak minta pendapat Sungai Buronglah dah 2 kali dah, dah berdepan dengan Anwar Ibrahim 2008, 2013 tetap tak menang juga Putrajaya. Tak ada sebab PM nak takut, Yang Berhormat setuju tak dengan saya, tak ada takut sebenarnya. Kita dah berhadapan dengan Anwar Ibrahim, berdepan satu sama satu tetap tak menang pun 2008, 2013 tak menang masih Putrajaya kita menang walau pun soal majoriti di Parlimen itu tak dapat itu bukan soalnya, majoriti masih kekal. Tak ada sebab pun BN nak takut sebenarnya dengan siapa-siapa pun. Saya minta pendapat Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini kalau mahkamah tidak memihak pada mereka, mereka kata macam-macamlah keburukan mahkamah dan sebagainya. Tapi kalau mahkamah dah memihak kepada mereka, mereka seronok pula jadi sebenarnya sistem mahkamah ini adil. Cuma kita saja yang rasa tidak adil. Ok saya nak sambung adalah jelas bahawa PKR hanyalah bermotif pentingkan peribadi ya Penasihat PKR. Ini merupakan satu lagi konspirasi ciptaan parti itu untuk menghidupkan kembali reformasi kali kedua. Dengan mengalihkan perhatian rakyat untuk kembali turun ke jalan raya. Adun Bukit Antarabangsa sendiri mengakui cubaan untuk menghidupkan Reformasi 2 semata-mata untuk kepentingan peribadi Penasihat PKR merangkap Penasihat Ekonomi Selangor sebagaimana yang disiarkan menerusi *The Malaysian Insider* pada 8 Mac 2014.

Mengulangi skrip pada tahun 1998 yang mana parti ini seolah-olah merancang untuk menyerang sistem kehakiman selain daripada menuduh kerajaan kononnya telah merancang keputusan mahkamah yang mengenakan hukuman penjara terhadap Penasihat PKR. Malah perancangan ini jelas dilihat harus menerusi konvensyen Pakatan Rakyat pada 8 Mac 2014 yang mana konvensyen itu telah sepatutnya membincangkan usaha-usaha memantapkan kerjasama di antara PKR, DAP dan PAS bertukar menjadi medan mengecam dan memburukkan sistem kehakiman serta pimpinan pemimpin Barisan Nasional.

Kelima paling melucukan dalam kempen PKR di DUN Kajang, PKR telah melancarkan Manifesto Kajang yang kononnya menarik pengundi di kawasan itu. Apakah PKR lupa bahawa Kajang itu sebahagian daripada Negeri Selangor yang ditadbirkan mereka sendiri sejak tahun 2008 lagi. Mengapa perlu diadakan manifesto berkenaan sedangkan kerajaan negeri boleh melaksanakan agenda pembangunan mereka secara terus di kawasan DUN tersebut. Apakah kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat mengabaikan rakyat di kawasan itu selama ini hingga memerlukan satu manifesto baru. Sebenarnya manifesto PKR membuktikan kegagalan ADUN PKR menjalankan tugas sejak mandat daripada tahun PRU 2012.

Keenam walau pun calon PKR dapat mempertahankan kerusi DUN Kajang dalam PRK Kajang pada 23 Mac 2014 tetapi gagal menarik kehadiran pengundi yang merosot daripada 88% kepada 72% iaitu daripada 34,290 pengundi kepada 28,314 pengundi. PKR bukan saja gagal untuk mencatat kemenangan luar biasa walau pun ada juga yang mereka kata janganlah bertanding Barisan Nasional nanti hilang wang deposit tak tentu fasal. Tetapi undi majoriti PKR telah menurun sebanyak 1,445 daripada 6,824 undi daripada PRU 13 kepada 5,379 undi. Kemerosotan majoriti pengundi dan jumlah pengundi membuktikan kemerosotan sokongan pengundi Kajang kepada PKR. Satu undi protes kepada PKR yang memaksa PKR Kajang berlaku hanya untuk keadilan peribadi Penasihat Ekonomi PKR yang dilanda banyak masalah peribadi daripada keadilan untuk rakyat Kajang.

Tetapi selepas PRK Kajang yang mendapat perhatian rakyat Selangor dan Malaysia amnya ialah apakah yang akan berlaku seterusnya. Adakah niat asalnya untuk menggugurkan Adun Pelabuhan Klang sebagai Menteri Besar Selangor dengan tokoh PKR lain akan diteruskan. Siapa calonnya ADUN Kajang yang baru merangkap Presiden PKR atau ADUN Bukit Antarabangsa merangkap Timbalan Presiden PKR Kebangsaan dan Pengerusi PKR Selangor. Jika perubahan jawatan Menteri Besar Selangor mengikut protokol parti sudah tentu ADUN Kajang yang juga Presiden Penasihat PKR yang layak. Maka yang menjadi mangsa ialah ADUN Bukit Antarabangsa yang sejak dahulu lagi mengidamkan jawatan Menteri Besar Selangor dan punca kepada perselisihan yang berlaku. Saya membangkitkan perkara ini bukan hendak mencampuri urusan dalaman PKR seperti yang telah kita saksikan di masa lalu perbalahan di antara mereka berdua telah menjejaskan kelicinan pentadbiran Negeri Selangor seperti yang berlaku dalam isu PKNS dan memorandum Kelab Penyokong Kerajaan yang diketuai oleh ADUN Bukit Antarabangsa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun 2012. Maka akan berteruslah masalah dalam PKR yang sudah barang tentu akan menjejaskan kelicinan pentadbiran Negeri Selangor dan yang menjadi mangsa ialah jentera kerajaan dan rakyat Selangor keseluruhannya. Kerana itulah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengingatkan dalam titah ucapannya supaya menamatkan segala bentuk perbalahan dan pergolakan demi untuk kesejahteraan dan kebaikan rakyat di Negeri Selangor.

Tuan Speaker kedudukan dan peranan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Sempena persidangan dewan yang mulia pada hari ini saya ingin membangkitkan kedudukan peranan Ahli Parlimen Permatang Pauh merangkap Penasihat PKR dan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat sebagai Penasihat Ekonomi Selangor. Dalam tempoh 6 tahun pelantikannya apakah sumbangan besar Penasihat Ekonomi Selangor kepada pembangunan ekonomi Selangor. Mengapa tidak bertindak tegas terhadap beberapa banyak penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku di PKNS, Yayasan Selangor, UNISEL, KDEB, PNSB dan lain-lain agensi kerajaan. Mengapa masih terdapat kroni di kalangan Ahli Lembaga Pengarah, Ketua-ketua Eksekutif, pegawai-pegawai kanan agensi kerajaan seperti di UNISEL, PKNS, Yayasan Selangor, KDEB, MBI, PKPS dan PNSB. Sama ada kroni penasihat ekonomi atau Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau kroni Ketua-ketua Eksekutif agensi berkenaan.

Sebagai seorang yang terlibat dalam usaha-usaha membanteras kegiatan tidak bermoral semasa dalam Barisan Nasional dan pemimpin masyarakat Islam pada masa lalu. Mengapa gejala-gejala sosial yang berlaku berleluasa di Negeri Selangor di biarkan dan wujudnya beratus pusat hiburan, halal dan haram bajet-bajet hotel yang dihalalkan oleh kerajaan Selangor. Sebagai tokoh yang lantang bersuara mengenai perjuangan rakyat miskin mengapa Kerajaan Negeri Selangor tidak bersungguh-sungguh dalam program perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah dan pembangunan ekonomi usahawan muda dan golongan peniaga. Walau

pun beliau menegur kerajaan negeri mengenai dasar fiskal yang mengutamakan rizab besar tanpa menumpukan pembangunan fizikal dan infrastruktur, sejauh manakah kerajaan negeri menyahut nasihat dan tegurannya atau itu cuma drama politik semata-mata bagi mengaburi mata rakyat. Yang jelas dan realitinya beliau banyak terlibat dengan program-program politik kepartian sahaja. Mungkin itulah tujuan sebenar beliau dilantik sebagai Penasihat Ekonomi Selangor bagi menghalalkan penglibatan politik beliau di Selangor melalui pembiayaan kewangan Kerajaan Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Permatang minta mencelah ..

Y.B. DATO' SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan sahaja.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak habiskan sikit sahaja, kawan pun nanti menjejaskan saya punya konsentrasi, nanti Bukit Lanjan pula kata saya baca teks. Kota Anggerik dia prihatin pada saya. Bukankah? lebih sesuai kalau jawatan tersebut ditukar kepada Penasihat Politik dan Ekonomi Negeri Selangor kalau sebagai Penasihat Politik beliau juga gagal menyelesaikan masalah politik dalaman.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya minta penjelasan daripada Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok saya bagi Permatang dulu,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Eh, eh Permatang tak minta..

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Dia tak minta pula awak pula bagi dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kalau macam tu, dua-dua duduk Sungai teruskan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Nak tunggu Permatang, mana satu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nak tunggu Permatang minta dulu ataupun nak teruskan

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya teruskan dulu, kalau Permatang minta saya bagi Permatang, lepas tu baru saya bagi Rawang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong teruskan, teruskan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mengapa perselisihan faham dan pergolakan politik terbuka, antara YAB. Dato' Menteri Besar dan Pengerusi PKR Selangor, ADN Bukit Antarabangsa yang sudah lama berlaku tidak dapat

diselesaikan persaingan peribadi untuk jawatan Menteri Besar melibatkan agensi-agensi kerajaan dalam pencatuan

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak minta penjelasan Sungai Burong. Saya ingin bertanya sebab saya tengok teks Sungai Burong tu, hampir separuh dia bincang tentang keadilan, ada tak ini Sungai Burong nak berminat untuk masuk Keadilan sebab saya nampak banyak pemimpin disebut tu, jadi itulah saya nak minta penjelasan sikit, jelas rujuk teks tu Tuan Timbalan Speaker saya nak rujuk yang dia baca tadi,

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Itu bukan pertanyaan tadi, ok lah itu pencilahan tak perlu dijawab. Dewan riuh...

Y.B. DATO' SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya mohon penjelasan sikit lah, terima kasih Tuan Speaker, Sungai Burong tadi ada menyebut beberapa perkara mengenai kronilah yang dilantik sebab saya ingatlah di dalam Dewan ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar sama di luar dewan atau dalam dewan pernah buat satu kenyataan terbuka bahawa pelantikan kroni-kroni sebagaimana kononnya zaman BN dulu tak kan dilaksanakan dalam zaman kerajaan sekarang, termasuk juga kalau kita ingat dulu pelantikan ahli-ahli majlis tak melibatkan pun ahli-ahli parti yang saya dimaklumkan begitu, tetapi nampaknya sejak akhir-akhir ini perubahan ini berlaku dan pelantikan juga berapa orang yang saya rasa memang terang ahli parti dan yang terkini kalau kita tengok pelantikan bekas Setiausaha Politik Menteri Besar sendiri sebagai Pengerusi GLC yang terbesar di Negeri Selangor, KDEB sebagai Pengerusi Eksekutif KDEB, jadi saya nak minta apa pendapat Sungai Burong, jadi ini saya ingat satu perkara yang ada perubahan lah macam mana tu...Terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Permatang, memang betul la tu, kadang-kadang bak pepatah '*Paku Dulang Paku Serpih Mengata Orang dia yang lebih*' ini kita boleh tahu la ya, dan kita banyak apa orang kata fakta-fakta yang membuktikan perkataan tersebut, walaupun kita tahu ya Kerajaan Negeri maklumkan bahawa Penasihat Ekonomi Selangor hanya dibayar RM1.00, berapa sebenarnya kos operasi sekretariat Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dan jumlah keseluruhannya sejak enam (6) tahun diwujudkan, termasuk penggajian pegawai dan kakitangan serta kegiatan aktiviti dalam dan di luar negeri.

Bekas Setiausaha Politik Negeri Selangor yang sekarang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MBI telah mengesahkan dalam satu laporan portal www.mole.my pada 30 November 2013 mengatakan kerajaan negeri membelanjakan elaun sebanyak RM150,000 setahun kepada Penasihat Ekonomi Selangor walaupun ada pihak yang mendakwa elaun tersebut bernilai RM1.2 juta.

Jika jumlah elaun sejumlah RM150,000.00 itu dikira sebagai pembayaran gaji ini bermakna bagi tahun 2012 dan 2013 Penasihat Ekonomi Selangor itu menerima gaji sebanyak RM12,500.00 sebulan yang mana gajinya adalah lebih tinggi daripada gaji ADUN-ADUN Selangor yang menerima kenaikan baru sebanyak RM11,200.50 sebulan bermula tahun ini. Jika demikian gaji yang diterima oleh Penasihat Ekonomi Selangor maka kita melihat betapa hipokritnya kerajaan negeri Pakatan Rakyat sebelum ini yang mengatakan gaji Penasihat Ekonomi Selangor hanya RM1.00 sahaja.

Jika jumlah elaun keseluruhan RM150,000.00 yang diterima oleh Penasihat Ekonomi Selangor itu dibayar atas tuntutan-tuntutan lain seperti perjalanan dan hotel sama ada di dalam dan di luar negara apakah? hasil yang telah dibawa oleh beliau untuk memanfaatkan ekonomi Selangor. Yang kita nampak ialah Penasihat Ekonomi Selangor ini lebih banyak memburuk-burukkan nama Malaysia di luar negara jika setiap ahli kabinet kerajaan Malaysia diukur pencapaiannya melalui KPI, apa pula kayu ukur yang digunakan untuk menilai prestasi Penasihat Ekonomi Selangor.

Sehingga hari ini kita tidak nampak sebarang hasil daripada pelantikan Penasihat Ekonomi Selangor ke jawatan tersebut. Sekurang-kurangnya yang didedahkan kepada rakyat walaupun ada pelaburan masuk ke Selangor sepanjang tempoh pelantikan Penasihat Ekonomi Selangor, itu adalah hasil usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan melalui MIDA di samping pengembangan syarikat-syarikat yang sedia beroperasi di Selangor sejak dahulu lagi.

Saya ingin membangkitkan kedudukan Ketua Eksekutif Penasihat Ekonomi Selangor yang pernah dipegang oleh Pengarah Strategik PKR yang sekarang merupakan Ahli Parlimen Pandan beliau juga didapati tidak memberi apa-apa sumbangan kepada pembangunan ekonomi Selangor sebagai Ketua Eksekutif, jika Penasihat Ekonomi Selangor menerima elaun sebanyak RM150,000.00, berapakah? pula elaun dan gaji yang diterima oleh beliau ketika menduduki jawatan itu sejak 2009 hingga 2012.

Khabarnya sehingga RM30,000.00 sebulan sehingga ke hari ini kerajaan negeri masih tidak mendedahkan gaji sebenar yang diterima oleh Rafizi sepanjang pemegangan jawatan tersebut. Sungguhpun begitu, jawatan Penasihat Ekonomi Selangor, Ketua Eksekutif serta pejabat Penasihat Ekonomi Selangor itu sendiri dilihat seakan-akan diwujudkan tanpa menempatkan kroni-kroni PKR bagi mereka gaji negeri..

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Peraturan tetap 36 Perkara 6.

TUAN TIMBALAN SPEKAR: Ya Yang Berhormat Sungai Burong Peraturan Tetap ya, ya duduk Sungai Burong. Peraturan Tetap.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain, jadi ini maksudnya dan saya ingin merujuk kepada perkara Peraturan Tetap 36 (11)9 juga dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat mana-mana ahli parlimen atau dewan negeri atau mana-mana pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli parlimen atau ahli dewan negeri atau pegawai kerajaan.

TUAN TIMBALAN SPEKAR: Yang Berhormat Sungai Burong, saya minta teruskan fokus kepada ucapan tadi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Kita mencabar kerajaan negeri supaya mendedahkan senarai terperinci pembayaran gaji, elaun serta tuntutan yang dibuat oleh Penasihat Ekonomi Selangor semenjak tahun 2009 hingga ke hari ini, senarai ini termasuk jumlah pembayaran gaji elaun serta tuntutan yang telah dibuat oleh Pengarah Eksekutif pejabat Penasihat Ekonomi Selangor sejak tahun 2009 hingga 2012. Selain itu senarai mereka termasuklah aktiviti yang dijalankan oleh mereka dalam pembangunan ekonomi Selangor termasuk beberapa jumlah syarikat-syarikat asing yang telah dibawa oleh mereka melabur ke negeri ini daripada tahun 2009 hingga ke hari ini.

Tuan Speaker, rakyat negeri Selangor berhak mengetahui peranan dan sumbangan Penasihat Ekonomi Selangor merangkap Ahli Permatang Pauh, penasihat PKR dan Ketua Pembangkang Dewan Rakyat yang telah sebuk bukan sahaja dengan masalah serta kegiatan di peringkat nasional dan antarabangsa, tetapi sentiasa berhadapan dengan berbagai-bagai isu peribadi yang memerlukan tumpuan masa bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya, sentiasa turun naik mahkamah dan barang tentu tidak ada masa untuk memikirkan masalah ekonomi dan rakyat negeri Selangor.

Kita tidak mahu Penasihat Ekonomi Selangor menggunakan dan kedudukannya untuk agenda politik peribadi sebagai penasihat PKR dan Ketua Umum pakatan Pembangkang. Menggunakan kewangan dan kemudahan kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan negeri untuk kegiatan peribadi dan parti-parti di dalam pakatan pembangkang. Sebagai contoh semasa PR di Kajang, Stadium Kajang digunakan sebagai pusat kempen PRK sebagai kempen pilihan raya tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong Hulu Klang minta mencelah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Mohon penjelasan, dua kali disebut pakatan pembangkang. Tarik balik.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: OK. Betulkan ya, Pakatan Rakyat (Dewan riuh). Sebenarnya kita amat kecewa tentang tindak tanduk

Penasihat Ekonomi Selangor yang tidak berjiwa patriotik dan tanggungjawab, walaupun beliau pernah diberi peluang menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan juga Timbalan Presiden UMNO merangkap Timbalan Pengerusi Barisan Nasional dan pernah memangku jawatan Perdana Menteri Malaysia,

Beliau sentiasa mengkritik memfitnah dan memburukkan negara bukan sahaja dalam negara tetapi di luar negara dan tidak mempertahankan imej Malaysia di luar negara termasuk dalam isu-isu keselamatan negara, malahan dalam tragedi MH 370, beliau menggunakan forum antarabangsa semasa berada di London melalui temu ramah dengan akhbar British 'The Telegraph' (kurang jelas) yang mengatakan Kerajaan Malaysia dalam menguruskan isu MH 370.

TUAN TIMBALAN SPEKAR: Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang beliau kritik itu Malaysia, yang beliau kritik itu ialah cara pegawai-pegawai kerajaan dan Menteri menangani krisis sehingga menyebabkan imej negara kita terancam dan tercemar dan tercalar, ini ialah isu dia, jadi saya minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya tahu perkara ini dengan betul-betul, kritik siapa pun boleh kritik tetapi mesti ada asas lebih-lebih lagi dalam isu ini yang kita kritik itu bukan Malaysia tetapi pegawai dan menterinya yang kita cintakannya Malaysia dan kita tidak mahu Malaysia tercemar kerana cara menangani krisis oleh pegawai-pegawai dan menteri Barisan nasional yang terkebelakang, ini ialah isu dia.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: OK. Kampung Tunku, sebenarnya Malaysia ini tercalar kerana angkara merekalah yang memburukkan kerajaan Malaysia di luar negara, ini yang sebenarnya yang berlaku dan terutamanya dalam isu MH 370 kita tahu kita sebenarnya dipuji oleh negara antarabangsa dan kita membawa gerakan untuk mengatasi bagi menyelesaikan masalah kebuntuan yang tidak ada *unprecedented* dalam sejarah tentang kes kehilangan kapal terbang ini, 26 buah negara tampil membantu kita, kita bukan sahaja diberi kepujian oleh pemimpin negara seperti Perdana Menteri Australia, tetapi Penasihat Ekonomi Selangor tidak ada kerja lain kerja asyik memburukkan-burukkan negara.

TUAN TIMBALAN SPEKAR: Sungai Burong, Sekinchan minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok. Tak payah ya, nantilah Sekinchan, saya nak habiskan sedikit, Tuan Speaker, berdasarkan kepada prestasi Penasihat Ekonomi Selangor saya menyerulah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sudah, sudahlah jadi kita tak usahlah lantik lagi Penasihat Ekonomi Selangor, kita tukar orang lain ya, ataupun saya yakin dan percaya bahawa pimpinan-pimpinan Penasihat-penasihat yang ada di Negeri Selangor ini cukup

hebat untuk memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagi mengurus dan mentadbirkan negeri Selangor ini ke arah yang lebih baik lagi.

Amat menyedihkan sekali ya, kerana tindakan daripada Penasihat Ekonomi Selangor telah banyak mewujudkan ya, keadaan haru biru dalam pentadbiran di negeri Selangor. Konflik yang tidak sudah-sudah..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong,

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Konflik yang tidak sepatutnya berlaku, telah berlaku. Yang sepatutnya diselesaikan sendiri oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Hulu Kelang minta mencelah.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Lebih 20 minit Sungai Burong bercakap tentang Dato' Seri Anwar Ibrahim. Tadi Permatang kata tak takut, dan Sungai Burong pun setuju, dia tak takut, tapi ini menunjukkan tahap ketakutan yang cukup tinggi. (Tepuk). Hingga di Dewan yang mulia ini mencadangkan agar Dato' Seri Anwar Ibrahim digantikan oleh orang lain.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nasihatkan. Kita menasihatkan kerana sumbangan. Saya nak bertanya, apakah sumbangan dia di Negeri Selangor, dari segi ekonomi, menyelesaikan politik dalaman di dalam Negeri Selangor. Antara konflik dengan pemimpin-pemimpin PKR di dalam negeri Selangor itu sendiri. Tak selesai.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Sungai Burong, Tuan Speaker,

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadikan itu, cukuplah, *enough is enough*. Kalau boleh saya nak beralihlah kepada isu yang lain.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, Kota Anggerik, saya minta duduk sebentar kerana pihak Kerajaan nak bawa Usul.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian urusan Dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu di sambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir Rahmannir Rahim*, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam lima petang. “

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak BERSETUJU, sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI.
Sambung semula, Sungai Burong.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, bagi la. Sg. Burong, daripada awal, saya lihat ucapan Sungai Burong melihat merujuk kepada Penasihat Ekonomi. Sumbangan terbesar dia, mengalahkan Barisan Nasional dalam Pilihan raya. Yang menjadikan Menteri Besar kekal sebagai Menteri Besar. Itu sumbangan terbesar dia. Itu Sugai Burong ketakutan, daripada awal, dok ungit-ungkit, saya cadangkan cari *point* lain, Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: *Point*, dah sampaikan dah. Dan habis dah. Dah rekod dalam *hansard* pun.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sikit Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak jelaskan sekali, kita bukan

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya nak mencelah sikit. Tak, tadi banyak sebut fasal Permatang, saya sebutlah. Saya ingatlah bila Kota Anggerik sebut fasal takut, takut, ni, tak ada apa takutlah. Sebenarnya Permatang Pauh ni, dah gagal. 2008 gagal, 2013 gagal. Perak tak dapat balik, negeri Kedah pun hilang. Jadi, saya setuju sangatlah kalau dicadangkan digugurkan terus daripada Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Faedah pun tak ada.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya setuju, saya kalau boleh nak mencadangkan

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya mohon penjelasan. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya kalau boleh nak mencadangkan lah ya, ADUN Kajanglah sebagai Penasihat.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ini saya tanya mohon penjelasan, dia cakap pula ADUN Kajang.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak, saya cakap, saya nak bagi laluan la ni. Ayat saya tadi sebagai rekod pada Permatang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya mohon penjelasan. Mungkin perkataan istilah takut itu tak sesuai, mungkin maksudnya gerunlah, dia orang gerun dengan Dato' Seri. Tapi saya ingin bertanya, kalau tidak takut kenapa sebelum ini Dato' Seri Anwar mengajak berdebat dengan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan, takut nak berdepan. Ini saya bertanya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini Penasihat Ekonomi Selangor. Bercakap tentang fasal penasihat ekonomi Selangor ya. Kalau boleh nak debat Ketua Pembangkang. Tapi dia kata, dia bukan standard saya, Ketua Pembangkang ni.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, tanya soalan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Okey, saya teruskan, ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, nak teruskan ke, Kg. Tunku nak mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dah habis dah, saya ingat topik yang tadi. Saya nak pergi isu yang lain.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Sebenarnya nak tanya, Ketua Pembangkang, tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata standard tak sama antara Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang di Parlimen. Tapi saya rasa, baru-baru ini, Perdana Menteri kita bukan sahaja dia tidak berani berbahas tapi nak ambil soalan daripada media dalam isu MH370 ini pun tak berani. Jadi saya nak tahu, nak tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang, apakah keberanian yang tersirat di dalam Perdana Menteri itu yang kami, saya rasa saya sendiri tak faham. Sila terangkan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Apa yang nak dibangkitkan isu takut, kita takut, kita mengungkitkan,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Menteri, Hishamuddin lebih berani, Perdana Menteri tak berani.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak, kalau nak kata tadi, kata suruh berdebat, saya kata boleh saja. Kalau nak suruh berdebat. Berdebat dengan Ketua Pembangkang la. Ketua Pembangkang dengan Ketua Pembangkang.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Mohon penjelasan. Adik, adik.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih, Speaker, terima kasih Ketua Pembangkang. Saya nak menyentuh tentang nama baik Malaysia yang dikatakan dipuji oleh antarabangsa kerana isu MH370 ini. Sedar atau tidak Ketua Pembangkang, bahawa nama Malaysia telah diburukkan oleh kehadiran bomoh VIP bawa kelapa di KLIA. Dan dia memberi kesan diplomatik yang buruk pada Malaysia dari sudut agama kerana ketika seorang Menteri Barisan Nasional menghina Syiah sebagai sesat. Di bawa ke Parlimen Iran, mengecam Malaysia, kerana Malaysia mengecam Syiah sebagai sesat. Hari ini, Iran mengecam Malaysia akibat bomoh itu. Bukan setakat sesat, tapi syirik. Ini kesan diplomatik yang tak di perasan oleh Kerajaan. Adakah tindakan Kerajaan Barisan Nasional ada untuk membaiki hubungan dan kesan diplomatik ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tadi tentang penggunaan bomohlah yang diperlekehkan oleh Ketua Pembangkang Parlimen. Tapi saya sebenarnya ada tengok video, ada tengok video yang juga Ketua Pembangkang Parlimen ini, pun ada *engaged* bomoh ini. Ada. Kita boleh bagi, boleh tunjuk. Jadi sebenarnya siapa yang pakai isu bomoh ini. Ok, Kajang. Silakan. Boleh.

Y.B. DATO' DR. SERI WAN AZIZAH BT HAJI ISMAIL: *Bismillahir Rahmannir Rahim*, saya nak tanya mana, apa itu, bukti yang Permatang Pauh menggunakan bomoh, raja bomoh ini. Yang dikatakan dalam Parlimen. Yang saya baca adalah raja bomoh mengatakan dia biasa memberi jamuan apabila dulu, arwah Megat Junid ada. Tetapi tidak menggunakan servis dia. Dan saya nak tanya juga, kenapa dikatakan Penasihat Ekonomi pergi di luar negeri dan memburukkan kita. Tetapi dia dipanggil oleh *Skynews*, dia dipanggil oleh CNN. Tetapi kenapa Perdana Menteri kita membuat satu media *conference*, dia tidak menerima soalan. Kenapa pula dia sebagai Ketua Pembangkang diberikan liputan, itu memburuk-burukkan negeri, negara kita. Tidak! Kerana dia menjawab, dia tanya apakah ada Marconi, sistem radar yang dibeli pada masa dia menjadi Menteri Kewangan, kenapa ia tidak boleh melihat satu kapal terbang yang tidak mengikut arus yang sepatutnya? Minta maaf ya. Ini adalah satu pelanggaran sekuriti negara kita. Sebab itu saya katakan bahawa, bukan dia nak memburuk-burukkan negara ini. Kasih sayang kami kepada negara ini tidak berbelah bahagi. *I want it to be on record*. Dengan izin. (Tepuk).

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih atas pembelaan Kajang yang kita tahu memang dia sentiasa setia dan taat kepada suami. Sebab itu saya, cadangan saya kita tukar Penasihat lah kepada ADUN Kajang. (ketawa).

Y.B. DATO' DR. SERI WAN AZIZAH BT HAJI ISMAIL: Nak mencelah Dato'.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kajang minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak apalah, saya nak teruskan, tadi saya dah *reply* kan.

Y.B. DATO' DR. SERI WAN AZIZAH BT HAJI ISMAIL: Sikit saja, sikit saja, saya ADUN baru,

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi ke tak Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, saya nak tutup sikit. Dah terlalu lama dia punya gap tu. Dia punya *intermission*, dengan izin. Jadi, ok, nanti lepas inilah ya, Kajang, ya. Akan beri peluang oleh Tuan Speaker. Pelanggaran, isu tentang manifesto PRU 12, ingin bangkitkan juga selaras dengan titah ucapan DYMM Sultan yang mengharapkan pentadbiran yang telus dan berintegriti, jadi *good government*. Jadi saya nak membangkitkan juga janji yang telah lepas, yang masih belum ditunaikan lagi. Walaupun perkara ini mungkin dirasakan tidak perlu, tetapi hakikatnya sebagai seorang Menteri Besar yang berwibawa, tokoh korporat, yang ada saya rasa perancangannya. Tapi sampai sekarang ini ada antara janji-janjinya yang belum nampak lagi. Jadi kerana itu saya ingin membangkitkan. Yang pertama sekali ialah tentang Projek Rangsangan Ekonomi Pemulihan Sungai Klang. Yang akan melibatkan pelaburan sebanyak RM50 bilion, yang dijangka akan mencipta 150,000 peluang pekerjaan. Yang pakej ini meliputi enam projek, iaitu pemulihan Sungai Klang, pemulihan Projek Terbengkalai, pembaharuan bandar, peningkatan hasil padi, peningkatan pengangkutan awam dan penstrukturan khidmat industri air. Tapi saya ingin membangkitkan kerana perkara ini belum lagi nampak dilaksanakan maka saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat menjelaskan perkara ini. Projek Pemulihan Sungai Klang, apakah kemajuan projek pemulihan Sungai Klang telah diperuntukkan sebanyak RM2 bilion dalam tempoh pelaksanaannya hingga tiga tahun. RM1 bilion untuk pembesaran Sungai Klang dan RM1 bilion lagi untuk pembangunan. Bagaimana prestasi empat buah syarikat yang telah dipilih termasuk DR2. ASU yang telah dipilih sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar melalui tender terbuka. Daripada peruntukkan RM2 bilion, apakah kemajuan yang telah dicapai dari segi fizikal dan kewangan. Bagaimana dengan *intergrity pack*, yang dicadangkan oleh Presiden *Transparency International* Malaysia.

Seterusnya mengenai urus tadbir berwibawa dalam semua pembentangan bajet negeri sejak kerajaan PKR mengambil alih pemerintahan Selangor. Dan dalam

banyak forum dalam pentadbiran dan pengurusan kerajaan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sering menyatakan bahawa prestasi pentadbiran negeri Selangor telah dilaksanakan dengan penuh wibawa, telus dan bertanggungjawab profesional selaras dengan garis panduan dan etika tadbir urus yang baik, *good government*, dengan izin. Tapi, kita lihat dalam tempoh enam tahun pentadbiran kerajaan negeri Selangor, kita telah melihat banyak kes-kes besar yang *controversial*, yang melibatkan kewibawaan negeri, khususnya kewibawaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Di antara kes-kes yang ingin saya sebutkan, saya bangkitkan di Dewan ini ialah penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di PKNS dan Yayasan Selangor. Prestasi masalah pengurusan Universiti Industri Selangor (UNISEL) dan juga penjualan aset-aset PKNS. Apabila kes-kes ini dibangkitkan di Dewan yang mulia, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sering jarang mengakui bahawa terdapat kesilapan, tetapi banyak memberikan kesalahan kepada orang lain. Dalam kes kelemahan industri pengurusan pasir, Yang Amat Berhormat Menteri, telah menyatakan bahawa pihak yang bertanggungjawab terdapat masalah pengurusan pasir ialah pengurusan KSSB dan Pejabat Tanah. Dalam beberapa kes yang melibatkan PKNS termasuk pengambilan alih 23 orang pegawai kontrak PKNS Holdings, beliau mempertahankan keputusan-keputusan PKNS Holdings pada masa itu. Tapi sekarang menyalahkan pula pihak pengurusan malahan menamatkan kontrak mereka yang dianggap cara penamatan kontrak tersebut adalah tidak berperikemanusiaan.

Dalam kes Yayasan Selangor Yang Amat Berhormat Menteri Besar memaafkan dan mempertahankan pihak pengurusan walaupun dalam pendengaran SELCAT Pengurus Besar sendiri mengakui secara terbuka kesilapan dan kelemahannya sendiri. Dalam kes-kes yang telah saya sebutkan di atas Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberi jaminan bahawa beliau akan mengambil tindakan tegas untuk mengatasi dan memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Walau bagaimanapun kita lihat masih terdapat juga kes-kes besar yang kontroversi yang terus berlaku pada masa ini. Kes penjualan tanah PNSB ataupun Permodalan Negeri Selangor kepada Sapphire Index Sdn. Bhd. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan isu penjualan tanah Permodalan Negeri Selangor Berhad PNSB seluas 474 hektar atau 1,170.78 ekar di Canal City Mukim Tanjung 12 Daerah Kuala Langat kepada Sapphire Index Sdn. Bhd. yang integriti transaksinya boleh dipersoalkan. Pada 15 April 2013 kerajaan negeri melalui Menteri Besar Selangor Pemerbadanan dan PNSB Permodalan Negeri Selangor Berhad telah menandatangani perjanjian penjualan 11 lot tanah seluas 474 hektar atau 1,170.78 ekar di Canal City di Mukim Tanjung 12 Daerah Kuala Langat kepada Sapphire Index Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh Tropicana Corporation Berhad. Harga penjualan tanah tersebut ialah sebanyak 1.3 bilion di bawah perjanjian tersebut Sapphire perlu menjelaskan deposit sebanyak RM50 juta dalam tempoh 6 bulan pertama dan selepas itu RM537 juta akan dibayar termasuk faedah dalam tempoh 12 tahun. Bakinya RM458.26 juta termasuk 5% daripada nilai pembangunan kasar tanah ditambah pula dengan 3% daripada keuntungan

hartanah daripada projek tersebut. Pada 19 Mac 2014 Sapphire menandatangani perjanjian jual beli untuk menjual tanah seluas 308.72 ekar daripada seluas 124.98 hektar daripada keluasan 474 hektar kepada Prominent Stream Sdn Bhd iaitu anak syarikat milik penuh Eco World Development Group Berhad. Harga jualan sebanyak RM470.67 juta ataupun RM35.00 sekaki persegi secara tunai. Perjanjian ini dijangka selesai ditandatangani pada separuh kedua 2014. Pada 26 Mac 2014 Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor membuat kenyataan bahawa Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mendapatkan bayaran lebih cepat daripada Sapphire berikutan tindakan Sapphire menandatangani penjualan tanah tersebut kepada Prominent Stream. Kerajaan negeri melalui Pengerusi Menteri Besar Selangor MBI membuat rancangan untuk menawarkan kepada Tropicana penjualan secara tunai berdasarkan nilai bersih terkini ataupun *net present value* dengan izin RM1.1 juta seekar atau RM844 juta berbanding dengan pulangan berjumlah RM1.3 bilion yang sepatutnya dibayar dalam tempoh 20 tahun oleh Tropicana. Oleh kerana Tropicana telah menjual tanah tersebut kepada Eco World sebelum tempoh matang yang dianggarkan bernilai RM3.3 bilion dalam masa 20 tahun kerajaan negeri pun patut berbuat demikian. Berdasarkan pengumuman di Bursa Malaysia pada 15 April 2013 terdapat satu fasal pembayaran yang boleh dicepatkan mengikut budi bicara Sapphire. Fasal tersebut berbunyi "PNSB dengan ini bersetuju bahawa pembeli berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakanya untuk mempercepatkan pembayaran harga beli ataupun insurans sebelum tamat tempoh siap yang merupakan tahun ke-12 daripada tempoh pembayaran tahun pertama". Dua rumusan dapat dibuat berdasarkan kepada kedua-dua butiran transaksi ini. Yang pertama, kerajaan negeri melalui MBI dan PNSB menjual hartanah tersebut dengan harga RM25.00 ataupun disebut RM17.00 tetapi saya membuat kajian dia RM25.49 sekaki persegi pada 15 April 2013 kepada Sapphire dengan dijual pula dengan harga RM35.00 sekaki persegi pada 19 Mac 2014 kepada Prominent Stream Sdn Bhd. Perbezaan harga sebanyak RM10.00 kaki persegi ini atau 39% lebih tinggi daripada harga jualan asal oleh MBI atau PNSB kepada Syarikat Sapphire. Sapphire telah mendapat keuntungan bersih dengan membeli dan kemudian menjual tanah tersebut sebanyak RM127.99 juta iaitu RM470.67 tolak RM342.68. Kedua tarikh perjanjian di antara MBI PNSB dengan Sapphire pada 15 April 2013 iaitu 11 hari selepas Dewan Negeri dibubarkan pada 4 April 2013 untuk PRU 13 merupakan tempoh pemerintahan Selangor di bawah kerajaan sementara ataupun *care taken government* dengan izin. Berdasarkan butir-butir transaksi rumusan di atas saya ingin membangkitkan beberapa persoalan untuk Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memberikan penjelasan.

Yang pertama adakah kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk menandatangani penjualan tanah tersebut melalui MBI dan PNSB dalam tempoh kerajaan sementara Negeri Selangor? Sepanjang pengetahuan saya kuasa kerajaan sementara ataupun dengan izin *critical government* hanya setakat meneruskan pentadbiran biasa kerajaan berdasarkan keputusan-keputusan yang telah dibuat sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri dan melarang sebarang keputusan baru dan penting

termasuklah penjualan tanah seperti di atas. Yang Amat Dato' Menteri Besar mungkin berkata perjanjian tersebut bukan di antara kerajaan negeri dengan Sapphire tetapi di antara dengan syarikat kerajaan negeri MBI dan PNSB satu entiti di luar dari bidang kuasa kerajaan sementara Negeri Selangor pada masa itu tapi kita mesti ingat bahawa Pengerusi MBI dan PNSB ialah Menteri Besar Selangor yang pada masa itu mengetuai kerajaan sementara Negeri Selangor. Kalaulah inilah alasannya ia boleh dimaafkan dari segi undang-undang tetapi dari segi moralnya dan dari segi etika urus tadbir baik sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berintegriti ini yang saya persoalkan.

Kedua, mengapakah perjanjian tersebut terpaksa ditandatangani dalam masa pemerintahan kerajaan sementara? Apa perlu disegerakan? Tidakkah boleh ditangguhkan sehingga selesai PRU 13 dan apabila kerajaan baru dibentuk selepas PRU 13. Bukankah pada masa itu Kerajaan Pakatan Rakyat yakin untuk kembali memerintah Negeri Selangor pada PRU 13. Adakah tujuan-tujuan lain yang memerlukan perjanjian penjualan tersebut disegerakan walaupun bertentangan dengan etika integriti urus tadbir baik. Tiap-tiap orang ada interpretasi masing-masing. Hanya Tuhan yang tahu apa komen Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai perkara ini.

Ketiga isu jualan iaitu nilai jualan tanah MBI PNSB kepada Sapphire iaitu sebanyak RM25.49 sekaki persegi pada 15 April 2014 berbanding dengan nilai jualan tanah Sapphire kepada Prominent Stream Sdn Bhd sebanyak RM35.00 sekaki persegi iaitu pada 19 Mac 2014 iaitu dalam tempoh 11 bulan kemudian. Apakah asas harga jualan yang telah dibuat oleh MBI PNSB pada masa itu? Adakah berdasarkan harga penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Kerajaan atau penilaian oleh syarikat swasta. Oleh itu kita ingin tahu tentang kedudukan sebenar perkara ini demi prinsip ketelusan.

Keempat terdapat kelemahan atau elemen berat sebelah perjanjian jual beli daripada MBI PNSB yang memihak kepada pembeli iaitu Tropicana Sapphire. Perjanjian tersebut merupakan penjualan terus *direct sell* dengan izin dan bukan melalui penswastaan projek di mana kerajaan negeri terlibat dalam perancangan dan pembangunan tanah. Walaupun cara ini merupakan satu cara yang mudah tanpa risiko kerajaan negeri tidak mempunyai banyak kuasa untuk mengawal pembangunan demi kepentingan dan keperluan sebenar kerajaan dan rakyat Selangor. Terma perjanjian tersebut memberi kuasa mutlak kepada pembeli iaitu *Sapphire* untuk mempercepatkan bayaran sehingga tempoh 12 tahun yang telah ditetapkan ataupun mengikut jadual pembayaran yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama oleh MBI PNSB dan Tropicana. Justeru itu permintaan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya Tropicana Sapphire membayar lebih awal iaitu sebanyak RM844 juta untuk nilai tanah semasa penjualan sebahagian tanah tersebut kepada Prominent Stream tidak mengikat Tropicana Sapphire untuk membayar melainkan Tropicana Sapphire sendiri bersetuju. Ini perbezaannya jika

kedua-dua mempunyai kuasa dan pilihan untuk membuat pembayaran awal tetapi PNSB bersetuju pilihan tersebut hanya dikekalkan kuasa mutlak kepada pembeli iaitu Tropicana Sapphire. Memang ada rasionalnya permintaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor untuk mempercepatkan pembayaran tersebut bagi pembangunan rakyat tapi terpujanglah kepada Tropicana Sapphire akan menggunakan keuntungan daripada projek tersebut untuk kepentingan syarikat terutamanya untuk membiayai kos pinjaman bank dan pembangunan tersebut. Apa yang jelas kepada kita, perjanjian berat sebelah tersebut telah memerangkap dan mengikat kerajaan negeri malahan Tropicana telah menggunakan tanah tersebut yang belum dijelaskan sepenuhnya untuk dijual dan mendapatkan keuntungan bagi kepentingan syarikat. Kerajaan negeri tidak berhak campur tangan urusan syarikat. Yang untung nampaknya daripada *transaction* ini ialah syarikat dan yang kita nampaknya mengalami kerugian yang lebih besar ialah kerajaan negeri. Saya juga ingin bertanya mengapa tidak ada syarat dalam perjanjian jual beli bahawa sebarang penjualan tanah tersebut sebagaimana oleh Syarikat Tropicana Sapphire dalam tempoh pembayaran selama 12 tahun hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak pemilik tanah MBI ataupun PNSB. Boleh disyaratkan kerana pemilikan tanah tersebut masih di atas MBI, PNSB dan bayaran penuh belum dibuat oleh Tropicana Sapphire. Dalam konteks perjanjian jual beli rumah dengan PKNS sebagai contoh dalam mana hak milik yang belum ditukar pemilik walaupun pemilik telah membayar 100% kepada PKNS melalui perjanjian bank atau secara tunai, sebarang penjualan tersebut kepada orang lain hendaklah dirujuk untuk mendapatkan kelulusan daripada PKNS terlebih dahulu.

Yang kelima, siapakah yang meluluskan secara muktamad dasar asas penting terma-terma perjanjian tersebut? Siapa pula yang menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak MBI (PNSB). Sejauh manakah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar terlibat dalam penentuan syarat-syarat penting terutamanya penilaian harga, jualan tanah dan jadual pembayaran. Sama ada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sedar dan maklum atau tersalah pandang *over looked* atau terlibat sama dalam membuat keputusan muktamad. Saya membangkitkan perkara ini kerana kita tidak tahu kedudukan yang sebenar. Kerana itu demi integriti dan *transparency*, saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini kedudukan yang sebenarnya. Saya juga mengesyorkan supaya perkara ini dibawa kepada SELCAT untuk kita mengetahui kedudukan yang sebenar.

Tuan Speaker, pengurusan belanjawan dan kewangan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya nak mencelah sedikit. Maaf.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat, sebab kalau nak mencelah nak menjawab kita beri peluang waktu penggulangan nanti.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak. Saya nak mengingatkan.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat, sila berdiri ya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya nak mengingatkan, saya berharap Sungai Burong akan berada dalam Dewan semasa saya menjawab. Kalau tidak..... dari pengalaman saya. Saya bercakap di Dewan yang kosong apabila saya menjawab.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, saya beri jaminan. Selama ini pun saya sentiasa berada dalam Dewan. Apa nak lari pula, kita nak penjelasan. Kalau untuk integriti, Yang Amat Berhormat Menteri Besar perlu jelaskan perkara ini supaya rakyat nanti akan dapat kedudukan yang sebenar.

Tuan Speaker, pengurusan belanjawan kewangan negeri. Saya ingin membangkitkan isu tentang belanjawan berimbang. Ini kerana kita sering diberitahu bahawa dalam setiap kali Mesyuarat Belanjawan bahawa Kerajaan Negeri Selangor ini telah melaksanakan perbelanjaan, mengamalkan bajet berimbang. Rakyat pun suka dan sokong apabila kata Kerajaan Negeri Selangor ini sering bajetnya berimbang. Cuma saya ingin membangkitkan bahawa adakah benar bajet-bajet yang di bentang ini sebenarnya bajet berimbang kerana kita melihat setiap tahun daripada tahun 2008 hingga 2013. Kita dapati bahawa Kerajaan gagal mempertahankan dasar bajet berimbang ini. Ini kerana.....

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, mohon mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini kerana ia sentiasa mengalami defisit daripada sebanyak 8% hingga 46% sepanjang 6 tahun pemerintahan...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, Kota Anggerik minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya pun telah membangkitkan ini setiap kali pembentangan bajet.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Sungai Burong, faham tak makna berimbang atau pun defisit. Berimbang maknanya kita membelanjakan pendapatan sama dengan perbelanjaan. Defisit maknanya kita berbelanja sesuatu yang lebih kurang daripada pendapatan, macam Kerajaan Persekutuan. Dalam konteks negeri Selangor, pendapatan kita lebih. Jadi, kita berbelanja lebih daripada apa yang kita jangka ketika bajet dibentangkan. Itu bukan defisit. Kita masih membelanjakan dalam ruang pendapatan kita. Bahkan rizab kita meningkat lagi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Apa makna itu? Saya buat analisa saya. Saya buat analisa saya sendiri yang menunjukkan bahawa bajet yang dikatakan sebagai bajet berimbang itu adalah pada hakikatnya adalah bajet defisit. Tapi kita tak nak cakap bajet defisit. Bajet defisit.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker, saya nak mohon penjelasan Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bajet berimbang 2013 sebanyak RM1.63 bilion.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Rawang minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Rawang? Oklah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Sikit sahaja. Saya rasa kalau Sungai Burong sebagai Ketua Pembangkang berminat dengan pentadbiran dan urus tadbir negeri Selangor, kenapa pada peringkat awalnya tidak terima lantikan sebagai Pengerusi PAC untuk semak seimbang apa yang dilakukan oleh Kerajaan?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ada usulkan fasal PAC kan? Ada usulkan fasal PSC kan? Saya ingat kita bahaslah masa tu ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Jawab sikit-sikit kat sini pun boleh. Kita bagi masa.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: PAC dia ada tugas. Tugas PAC dia ada *term and reference*, dengan izin ya tentang tugas dan tanggungjawab PAC ya. Dia tak ada kaitan ya. Saya ni memainkan peranan saya sebagai Ketua Pembangkang untuk membuat teguran dan membuat analisa tentang apa juga pentadbiran urus tadbir di negeri Selangor termasuk dalam hal-hal kewangan. Oleh kerana saya tengok pun dalam bajet yang dibentangkan pada kali ini terdapat juga peruntukan tambahan yang dikemukakan. Jadi sampai bila kita nak buat bahawa bajet diluluskan, bawah peruntukan tambahan. Saya sering kata ini menghalalkan perancangan kecuali kita hanya bermain dengan angka-angka itu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Di atas nampak keprihatinan itulah yang kita nak lantik jadi Pengerusi PAC ini Yang Berhormat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Wah, Tuan Speaker pun lobi juga. Sekinchan lebih baik jadi Pengerusi PAC.

Saya teruskan ya. Bajet sebagai contoh saya nak bagi contoh bajet berimbang 2013 sebanyak RM1.3 bilion. Semasa menyediakan bajet, dari segi jumlah hasil memang RM1.63 bilion tetapi perbelanjaan sebenarnya lebih dari itu. Kalau kita masukkan perbelanjaan Program Air Percuma sebanyak RM165 juta dan tiga (3) peruntukan pinjaman berjumlah RM517.84 juta kepada KDEB ya. Sebanyak RM413.2 juta, PKNS RM80 juta dan Majlis Perbandaran Subang Jaya sebanyak RM24.24 juta yang tidak dirancang sebelum itu.

Saya rasa juga Kerajaan memang sedar ya tentang anggaran perbelanjaan berdasarkan pengalaman yang lalu iaitu sebanyak :-

- RM68.67 juta pada tahun 2008.
- RM131.6 juta pada tahun 2009.
- RM136.22 juta pada tahun 2010.
- RM140.74 juta pada tahun 2011.
- RM146.1 juta dalam tahun 2012.

Jika dimasukkan di peringkat awal penyediaan bajet 2013. Dasar bajet berimbang 2013 tidak dapat dipertahankan. Perbelanjaan akan melebihi RM165 juta menjadikan RM1.795 ya. Bukan lagi sama dengan hasil sebanyak RM1.63 bilion ya. Ini yang saya kata kalau kita melihat dengan angka-angka yang sebenar. Mungkin ramai tidak tahu dan rakyat juga tidak tahu tentang kedudukan ini. Pada tahun ini iaitu 2014, bajet berimbang sebanyak RM1.5 bilion tidak dapat lagi dipertahankan apabila kerajaan negeri akan menjadikan bajet defisit sebanyak 26.7% dengan menambah peruntukan tambahan sebanyak RM494.1 juta yang menjadikan keseluruhannya sebanyak RM23,441 juta ya. Jumlah tersebut adalah berdasarkan kepada data asal pembentangan bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ya. Tapi kemudian telah diselaraskan berikutan tambahan peruntukan pembangunan sebanyak RM430 juta daripada rizab negeri apabila Ketua Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) menghantar memorandum membantah peruntukan yang tidak mencukupi untuk bajet pembangunan. Dengan penjelasan tersebut, bajet keseluruhan 2014 berjumlah RM2.28 bilion yang meliputi perbelanjaan tersasar sebanyak RM1.255 bilion atau pun 53.7% ya. Dan perbelanjaan pembangunan RM1,025 bilion atau pun 46.3% pada tahun 2014. Berikutan tambahan peruntukan 2014 sebanyak RM494.1 juta, bajet berimbang sebanyak RM2.28 bilion ini pada pendapat saya telah mengalami defisit sebanyak 21.67%.

Selain daripada itu juga, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sering mengatakan tentang rizab yang semakin besar. Kita memang mengakui dan

mengucapkan syabas di atas usaha meningkatkan rizab yang besar di negeri Selangor. Saya tidak menafikan bahawa rizab negeri Selangor telah bertambah dan ini baik untuk memantapkan kewangan negeri Selangor. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian kepada laporan Audit yang mendapati audit tahun 2012. Yang mendapati daripada jumlah keseluruhan RM1.14 bilion peruntukan MARRIS ya. MARRIS, peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia yang diselenggarakan oleh Kerajaan Pusat.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: MARRIS Yang Berhormat. Bukan MERRIS ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia *shortform* ya. Tengok *slang* lah ya. Kalau *slang original* tu dia boleh jadi macam-macam ya. Kalau *slang* Sekinchan tu lain pula ya. Ada orang kata Jawa pun tidak. *Pure* 110%.

Peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Selangor pada tahun 2010 hingga 2012 hanya RM640 juta atau 56.3% sahaja yang dibelanjakan untuk menyelenggarakan jalan-jalan negeri. Ini bermakna hampir lebih kurang RM500 juta tidak dibelanjakan dan kita dimaklumkan bahawa wang tersebut dimasukkan dalam rizab akaun negeri yang sepatutnya dibelanjakan untuk pembangunan bagi menyelenggarakan jalan-jalan negeri. Kerana itu, kita tidak hairan bahawa banyak jalan-jalan yang dalam laporan audit tersebut telah tidak dapat diselenggarakan dengan sepenuhnya. Kita tahu jalan-jalan di bawah peruntukan MARRIS ini yang didapati dari segi penyelenggaraannya banyak berlubang dan jalannya banyak yang rosak yang tidak dibaiki. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan untuk menambah rizab ini adalah orang kata, di atas *the expand*, dengan izin perbelanjaan untuk pembangunan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, saya minta sambung esok ya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 5.00 petang. Maka, Dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok, 9 April 2014 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 5.00 petang)